



## **DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS**

### **PENGGAL KETIGA**

### **MESYUARAT KETIGA**

---

**SHAH ALAM, 12 NOVEMBER 2015 (KHAMIS)**

---

**Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 petang**

### **YANG HADIR**

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)  
**(Tuan Speaker)**

Y.A.B. Tuan Mohamed Azmin Bin Ali, S.M.S. (Bukit Antarabangsa)  
**(Dato' Menteri Besar Selangor)**

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.  
(Sungai Pinang)

Y.B. Dato' Iskandar Bin Abdul Samad, D.P.M.S. (Chempaka)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Dato' Dr. Ahmad Yunus Bin Hairi, D.P.M.S. (Sijangkang)

Y.B. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/l Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Tuan Nik Nazmi Bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Amirudin Bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Zaidy Bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Tuan Mohd Shafie Bin Ngah (Bangi)  
**(Timbalan Speaker)**

Y.B. Datuk Seri Dr. Wan Azizah Binti Wan Ismail, D.P.P.N. (Kajang)

Y.B. Puan Hajah Rodziah Binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Puan Dr. Halimah Binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani Bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob Bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza Binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari Bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi Bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim Bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah Bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim Binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris Bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin Bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly Bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin Bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Hasnul Bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin Bin Lias  
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Datuk Abdul Shukur Bin Haji Idrus  
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan Bin Abd Aziz  
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Datuk Sulaiman Bin Abdul Razak  
P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Tuan Jakiran Bin Jacomah  
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimaton Saadiah Binti Bohan  
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki Bin Haji Abdul Malik P.J.K.  
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman Bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari Bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum Bin Mohd Sharif (Dengkil)

**TIDAK HADIR  
(Dengan maaf)**

Y.B. Tuan Sallehen Bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin Bin Setro  
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Rosni Binti Sohar  
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Bin Ibrahim  
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)

**TURUT HADIR**

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan  
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin Bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.  
**Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Haji Nik Suhaimi Bin Nik Sulaiman DIMP., ASA  
**Penasihat Undang-undang Negeri Selangor**

Y.B. Dato' Noordin Bin Sulaiman, DPMS., SIS.  
**Pegawai Kewangan Negeri Selangor**

## **PEGAWAI BERTUGAS**

Puan Elya Marini Binti Darmin, AMS  
**Setiausaha Bahagian Dewan**

Encik Jurasmadi bin Pauzi  
**Penolong Setiausaha Dewan**

Encik Zawawi Bin Mohd. Arif  
**Penolong Setiausaha Pentadbiran**

Puan Siti Salina Binti Muftar  
**Setiausaha Pejabat**

**Bentara**  
**Encik Abdul Khalil bin Sabiis (Ketua)**  
Encik Ahmad Hafizan bin Yusof

**Pelapor Perbahasan**  
Puan Hajah Noridah Binti Abdullah  
Puan Noor Syazwani Binti Abd Hamid

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

(Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi)

**SETIAUSAHA DEWAN** : *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan Salam Sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat bagi Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas pada 12 November 2015 dimulakan dengan Bacaan Doa.

**I. DOA**

**II. PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**SETIAUSAHA DEWAN** : Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya. Pertanyaan-pertanyaan.

**TUAN SPEAKER** : Selamat pagi semua. Sabak, tidak hadir. Soalan 122 telah dijawab bersekali dengan Soalan 70. Sungai Air Tawar, tidak hadir. Ya, Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Peraturan Tetap 24 (2) saya mengambil soalan Sungai Air Tawar.

**TUAN SPEAKER** : Saya benarkan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN ABDUL MALIK  
(N01 SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : ANUGERAH MASJID LIMA BINTANG**

123. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Senaraikan nama masjid yang menerima pengiktirafan Lima Bintang oleh Kerajaan Negeri mengikut daerah?
- b) Apakah perancangan Kerajaan Negeri terhadap masjid yang tidak menerima pengiktirafan Lima Bintang?

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Tuan Speaker. Sungai Air Tawar bertanyakan berkaitan dengan Anugerah Masjid Lima Bintang.

- a) Senarai nama Masjid yang menerima pengiktirafan Lima Bintang oleh Kerajaan Negeri Selangor mengikut Daerah pada tahun 2014 adalah seperti berikut :

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>SENARAI MASJID</b>
1.	Petaling	1. Masjid Ubudiah, Seksyen 19, Shah Alam 2. Masjid Baitulmahabbah, Seksyen 26, Hicom 3. Masjid At-Taqwa, Subang Permai 4. Masjid Nurul Iman, Kg Tengah B, Batu 13, Puchong 5. Masjid Al-Ehsan, Bandar Kinrara, Puchong 6. Masjid As-Salam, Puchong Perdana 7. Masjid Al-Munawwarah, Seksyen 27, Shah Alam 8. Masjid Bandar Bukit Puchong, Puchong 9.
2.	Klang	1. Masjid As-Syarif, Meru, Klang
3.	Gombak	1. Masjid Bukit Indah, Ampang 2. Masjid Al-Ansar, Taman Keramat 3. Masjid Al-Hidayah, Taman Melawati 4. Masjid As-Syakirin Batu 5 ¾ Gombak 5. Masjid An-Nur, Kampung Melayu Wira Damai 6. Masjid Cahaya Iman, Bandar Country Home, Rawang
4.	Kuala Langat	Tiada
5.	Sepang	1. Masjid Uniten, Km 7, Jalan Kajang-Puchong
6.	Kuala Selangor	1. Masjid An-Nur, Saujana Utama 2. Masjid Puncak Alam, Puncak Alam 3. Masjid Ar-Raudhah, Tanjung Karang
7.	Hulu Langat	1. Masjid Al-Hasanah, Bandar Baru Bangi 2. Masjid Al-Azim, Pandan Indah
8.	Hulu Selangor	1. Masjid As-Salam, Bukit Sentosa
9.	Sabak Bernam	1. Masjid Makmuriah Sabak Bernam 2. Masjid As-Siraj, Batu 23, Sg Nibong 3. Masjid Hisamudin, Pekan Sabak Bernam

- b) Perancangan Kerajaan Negeri terhadap masjid yang tidak menerima pengiktirafan Lima Bintang adalah seperti berikut :
1. Pemantauan bulanan oleh Pegawai Penyelaras Masjid Daerah.
  2. Pemantauan 2 kali setahun melalui KPI yang telah ditetapkan.
  3. Membuat lawatan ke Masjid yang mendapat pengiktirafan Lima Bintang
  4. Mengadakan kursus-kursus yang berkaitan pentadbiran dan kewangan Masjid di Institut Latihan Dakwah Selangor.
  5. Mengadakan pertandingan pengurusan Masjid terbaik peringkat Daerah dan Negeri.
  6. Mewujudkan prasarana dan kemudahan di masjid.
  7. Mengadakan program kerjasama dengan Unit lain dan agensi yang berkaitan untuk pengimaran/aktiviti Masjid.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Puan Speaker, Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Terima kasih Y.B EXCO atas jawapan tadi. Saya ingin bertanya apakah bentuk *reward* dengan izin ataupun anugerah yang diberikan kepada Masjid-masjid yang mendapat pengiktirafan Lima Bintang ini supaya lebih banyak lagi Masjid-masjid boleh mencapai taraf Lima Bintang ini. Terima kasih.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Dengkil. Secara umumnya tidak ada *reward* yang berbentuk kewangan yang kita berikan kepada Masjid-masjid yang mendapat pengiktirafan Lima Bintang. Pun begitu, bagi Masjid-masjid yang mendapat pengiktirafan Lima Bintang Masjid-masjid ini menjadi *priority* untuk kita berikan sebagai satu insentif kepada mereka peruntukan untuk baik pulih ataupun pembangunan-pembangunan yang tertentu mengikut keperluan Masjid-masjid tersebut. Sebagai contoh, seperti kemungkinan Masjid itu memerlukan baik pulih daripada segi infra tandasnya. Maka kita akan berikan peruntukan-peruntukan dengan kadar tertentu untuk masjid itu sebagai satu insentif kepada Masjid-masjid yang mendapat pengiktirafan Lima Bintang ini. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI** : Apakah syarat-syarat yang ditentukan, atau kriteria ditentukan memastikan Masjid-masjid mendapat Lima Bintang?

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Di bawah pengurusan Masjid kita ada satu KPI yang telah kita bukukan yang mana Masjid-masjid perlu mematuhi beberapa perkara yang telah diberikan sebagai satu garis panduan yang kemudiannya, ia nya akan dipantau dan dinilai setiap tahun oleh Pegawai-pejawai kita dan buat masa ini saya tidak bawa bersama buku KPI tersebut dan saya akan berikan kepada Kota Anggerik kemudian. Terima kasih.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS** : Terima kasih Tuan Speaker. Selain daripada Masjid-masjid, terdapat Surau-surau yang memerlukan pengurusan dan pentadbiran yang baik, selaras dengan tuntutan Islam. Adakah Kerajaan Negeri juga bercadang untuk memperluaskan Anugerah Masjid Lima Bintang ini kepada Surau-surau yang hari ini pun telah ramai diimarahkan oleh umat Islam.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Ini di antara beberapa tujuan kita untuk mengimarahkan bukan sahaja Masjid-masjid juga Surau-surau yang mana apabila kita selesai dengan pengurusan KPI di Peringkat Masjid-masjid ini kita dapat melihat hasil yang baik ya *Insya-Allah* perkara ini akan kita panjangkan kepada Surau-surau dan buat masa ini sementara Surau-surau ini pun tidak ada peruntukan-peruntukan yang khusus daripada Kerajaan Negeri ya, hanya kita akan mulakan satu Kod baru di bawah peruntukan yang kita telah yang mana Dato' Menteri Besar sudah apa ini bentangkan dalam belanjawan kita pada kali ini saya kira ini antara perkara yang kita rancang kan untuk kita masukkan juga Surau supaya ia nya juga berikan satu kepuasan hati pelanggan kemudiannya apabila mereka dapat mematuhi KPI-KPI yang telah kita sarankan. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Soalan 124 telah dijawab bersekali dengan Soalan 41, Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN** : Terima kasih, Tuan Speaker. 125.

**TUAN SPEAKER** : Soalan 125.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN  
(N54 TANJUNG SEPAT)**

**TAJUK : INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM**

125. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah kerajaan bercadang untuk membina dewan orang ramai yang baharu di setiap Kampung-kampung tradisi?
- b) Apakah kerajaan bersedia membangunkan kediaman seperti padang riadah komuniti di setiap mukim di Negeri Selangor?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan Salam Sejahtera Tuan Speaker dan terima kasih kepada Tanjung Sepat yang bertanya.

a) Kerajaan Negeri sentiasa meletakkan kepentingan yang tinggi terhadap pembangunan luar bandar di Selangor. Sehubungan dengan itu, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan berjumlah RM12 juta di bawah **Vot Menteri Besar dan SUK – P01/02007 – Penyelenggaraan Jalan Kampung** khas untuk menaik taraf jalan-jalan luar bandar di semua daerah Negeri Selangor, serta peruntukan berjumlah RM4 juta di bawah **Vot Menteri Besar dan SUK – P01/2004 – Kemudahan Asas Desa** untuk kemudahan asas desa yang boleh digunakan bagi projek menaik taraf balai raya mengikut keperluan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri buat masa ini tidak bercadang untuk membina dewan orang ramai yang baru di setiap kampung tradisi di Negeri Selangor. Fokus Kerajaan Negeri pada tahun 2015 adalah kepada pemerkasaan dan pemulihan kemudahan awam sedia ada termasuk dewan orang ramai. Kerajaan Negeri mempunyai cadangan untuk membina semula dewan yang telah terlalu uzur dengan menggunakan peruntukan yang sedia ada.

b) Kerajaan Negeri juga telah membangunkan dan menyediakan 33 Dataran Anak Muda yang sekali gus boleh dijadikan gelanggang serba guna di 33 buat DUN di seluruh Negeri Selangor.

Senarai 33 DUN berkenaan adalah seperti berikut :-

<b>BIL</b>	<b>DUN</b>
1	Balakong
2	Bangi
3	Batang Kali
4	Batu Caves
5	Bukit Antarabangsa
6	Bukit Lanjan
7	Bukit Melawati
8	Chempaka
9	Dusun Tua
10	Gombak Setia
11	Hulu Kelang
12	Ijok
13	Jeram
14	Kajang
15	Kota Anggerik
16	Kota Damansara
17	Kuang
18	Lembah Jaya
19	Meru
20	Morib
21	Paya Jaras
22	Permatang
23	Rawang
24	Semenyih

25	Seri Andalas
26	Seri Serdang
27	Sijangkang
28	Sungai Burong
29	Sungai Pelek
30	Taman Templer
31	Tanjong Sepat
32	Teluk Datuk
33	Teratai

Gelanggang serba guna ini sesuai untuk aktiviti dan sukan belia setempat seperti permainan bola sepak, sepak takraw, badminton, bola jaring, bola tampar, futsal dan sebagainya. Selain itu juga, tempat ini boleh digunakan oleh golongan belia melakukan pelbagai aktiviti seperti tempat perjumpaan untuk belia-belia berkongsi ilmu dan pengalaman.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN :** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Tanjung Sepat.

**Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HASSAN :** Berkaitan dengan kemudahan yang telah dinyatakan tadi, satu perkara yang perlu diingat adalah tentang pengurusan kampung ataupun di kawasan-kawasan khususnya kawasan pedalaman, kemudahan seperti balai raya dan juga dewan ini tidak ada atau sebahagiannya telah uzur. Jadi adakah Kerajaan Negeri mempunyai data ataupun maklumat ataupun yang dikatakan inventori kemudahan-kemudahan kawasan kampung ini.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Tanjung Sepat. Sebenarnya kita mempunyai data-data yang disimpan di Pejabat-pejabat Daerah dan kita juga melihat di bawah peruntukan kemudahan asas desa ini, setakat ini tumpuan kita adalah untuk membaik pulih balai raya-balai raya sebagai keutamaan. Pun begitu kita juga melihat dengan adanya peruntukan untuk kita juga membantu dari segi baik pulih dan pengurusan dewan-dewan orang ramai terutamanya yang saya kira sebahagian besarnya juga dalam keadaan yang memerlukan pengurusan ataupun baik pulih kerana keadaan yang agak uzur. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Ijok, tidak hadir. Kota Damansara.

**Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN** : Soalan Nombor 127.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN  
(N39 KOTA DAMANSARA)**

**TAJUK : TANAH RIZAB MELAYU (TRM)**

127. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah Kerajaan Negeri sudah menggantikan TRM yang digunakan seperti titah DYMM Sultan Selangor?
- b) Senaraikan lokasi TRM yang telah digunakan dan diganti semula?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Y.B. Kota Damansara ingin mendapatkan maklumat tentang kedudukan tanah rizab Melayu di Negeri Selangor. Untuk makluman Y.B. Kota Damansara Kerajaan Negeri telah pun melaksanakan penggantian keseluruhan tanah rizab Melayu yang dibatalkan. Di samping itu, PTG Selangor telah mengeluarkan Pekeliling PTGS Bil.3 Tahun 2015 mengenai garis panduan urusan pembatalan dan penggantian tanah rizab Melayu semasa pengambilan tanah bagi tujuan awam atau kemudahan awam bagi kegunaan negeri dan juga Kerajaan Persekutuan di Negeri Selangor Darul Ehsan yang dikuatkuasakan pemakaianya di Pejabat Tanah dan Daerah pada 20 Mei 2015 yang lalu.

Kerajaan Negeri telah melaksanakan penggantian tanah rizab Melayu ini yang dibatalkan bagi setiap Daerah secara keseluruhan. Maklumat mengenai lokasi tanah rizab Melayu yang dibatalkan dan diganti semula secara umumnya seperti berikut, saya akan serahkan secara terperinci kepada Y.B. namun, untuk makluman Y.B. tanah rizab Melayu yang telah dibatalkan dan diganti mengikut daerah dari tahun 2001 hingga 2014 bagi Daerah Sabak Bernam Sejumlah 10 ekar, di Kuala Selangor 4.998 ekar, Sabak Bernam 4.998 ekar. Y.B. Tuan Speaker oleh kerana dia terlalu *details* mengikut tahun dan Daerah. Saya boleh serahkan kepada Y.B. lahir kerana *listing* nya panjang untuk dibacakan pada pagi ini. Kecuali diarahkan oleh Kota Damansara saya boleh bacalah keseluruhannya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Baiklah, Sungai Pelek.

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN** : Terima kasih Tuan Speaker, Soalan Saya 128.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN LAI NYUK LAN  
(N56 SUNGAI PELEK)**

**TAJUK : LAMPU LED**

128. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah penjimatan kadar tenaga dan kos penyelenggaraan yang rendah dalam pemasangan lampu *LED* diambil kira dalam perbincangan yang memutuskan penangguhan lampu *LED* di Selangor?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Tuan Speaker. Terima kasih kepada Sungai Pelek. Untuk makluman, berdasarkan cabutan keputusan Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) ke 30/2015 yang telah disahkan pada 22 September 2015 telah menimbangkan dan meluluskan cadangan penggunaan lampu jalan jenis *light emitted diode* (L.E.D.) bagi jalan-jalan negeri yang diselenggarakan di bawah geran Kumpulan Wang Penyenggaraan Jalan Negeri (MARRIS) dan belanja mengurus Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) mengikut kriteria utama kawasan *hotspot* rekod jenayah dan ataupun kemalangan.

Kerajaan Negeri telah membuat perbandingan terhadap lampu jenis L.E.D., lampu jalan jenis *Sodium Oxide Neon* (S.O.N.) dan *High Powder Sodium Vapor* (H.P.S.V.) dan mengambil kira beberapa aspek seperti berikut:

Seperti Lampu *LED* darjah kecerahan lebih tinggi dengan cahaya putih dan jangka hayat 5 tahun, jimat elektrik adalah lebih jimat 40% lebih rendah berbanding dengan lampu SON dan juga lampu *HPSV* tetapi kos awam lebih tinggi iaitu lebih kurang di antara RM2,000.00 hingga RM3,000.00 seunit.

Secara teknikal, cadangan penggantian lampu SON dan *HPSV* kepada lampu *LED* boleh dibuat dengan kos yang minimum tanpa melibatkan pertukaran kabel, tiang ataupun aksesori elektrik yang lain. Memandangkan permintaan lampu *LED* semakin meluas, penggantian dan pemasangan hendaklah dibuat mengikut standard dan spesifikasi yang diluluskan oleh Jabatan Teknikal seperti Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi memastikan lampu-lampu *L.E.D.* berkenaan telah diluluskan di bawah *Electrical Material Approved List* (EMAL). Sekian

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Soalan Tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO, bahawa penggunaan *LED*. ini untuk kegunaan lampu jalan, berkuat kuasa selepas

keputusan tersebut ataupun akan ada penggantian secara fasa ke fasa untuk lampu yang sedia ada juga.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Rawang. Kita akan mengganti lampu jalan secara fasa demi fasa bermula pada tahun depan dan Kerajaan Negeri segara dasarnya telah meluluskan pada tahun depan. Setiap DUN kita akan memasang 50, kita akan menggantilah 50 *LED* di setiap, mengikut DUN, kawasan DUN.

**TUAN SPEAKER:** Paya Jaras, tidak hadir. Soalan 130 telah dijawab bersekali dengan soalan 94. Hulu Bernam, tidak hadir. Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker, soalan 132.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM**

**(N04 SEKINCHAN)**

**TAJUK: LEBUH RAYA PANTAI BARAT (WCE)**

132. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini pembinaan Lebuhraya tersebut?
- b) Sila perjelaskan sudahkah jajaran WCE yang melintasi Negeri Selangor khususnya di Daerah Sabak Bernam dimuktamadkan?
- c) Sila nyatakan apakah kaedah yang digunakan untuk meminimumkan kesan kacau ganggu terhadap rutin harian penduduk?

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB:** Tuan Speaker dan terima kasih kepada Sekinchan yang bertanya berkenaan dengan Lebuhraya Pantai Barat.

- a) Dari sudut statusnya sehingga 30 November 2015, menurut peratusnya kemajuan keseluruhan pembangunan projek Lebuhraya WCE ini adalah sebanyak 12.30%. Pembinaan jajaran lebuhraya yang terlibat di negeri Selangor adalah sebanyak 12.50% manakala peratus kemajuan pembinaan jajaran lebuhraya yang terlibat di negeri Perak pula adalah sebanyak 12.20%. Kerja-kerja fizikal di tapak yang sedang berjalan adalah melibatkan kerja pembersihan tapak, pengalihan utiliti dan kerja-kerja rawatan tanah. Di samping itu, kerja-kerja pemasangan dan pengujian atas jenis cerucuk juga sedang berjalan di tapak.

- b) Berkaitan dengan jajaran, secara umumnya, hampir keseluruhan jajaran lebuh raya WCE di negeri Selangor telah pun dimuktamadkan, namun jajaran FT5 (Tanjung Karang – Hutan Melintang) masih dalam proses untuk dimuktamadkan dan hasil daripada keputusan dan taklimat yang telah pun dibentangkan oleh Kementerian Kerja Raya, mereka akan memaklumkan kembali beberapa opsyen-opsyen yang telah pun dibincangkan di dalam mesyuarat dan kita masih lagi menunggu cadangan akhir daripada pihak Kementerian.
- (c) Dan bagi meminimumkan kesan kacau ganggu kepada penduduk setempat, perkara-perkara seperti berikut telah dilaksanakan dan mesti dilaksanakan oleh syarikat konsesi iaitu antaranya:
- i. Pelaksanaan projek lebuh raya adalah berpandukan kepada Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA), Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP), Pelan Keselamatan Projek (PSP), Pelan Kualiti Projek (PQP) dan *Best Management Practice* (BMP). Ke semua pelan ini telah pun dikaji dengan mengambil kira impak terhadap persekitaran termasuk sosioekonomi penduduk setempat.
  - ii. Dan Pelan kedua, Pelan Pengurusan Trafik (TMP) dilaksanakan bagi mengawal kesan kepada aliran trafik di kawasan jalan raya yang terlibat. Pelan tersebut disediakan oleh juru perunding profesional dengan kerjasama Juru Perunding Trafik. Pelan tersebut seterusnya akan disemak oleh Juru Audit Keselamatan Jalan raya dan disahkan oleh Jurutera Perunding Bebas sebelum dikemukakan kepada Lembaga Lebuh Raya Malaysia untuk kelulusan.
  - iii. Penghadang dipasang di sepanjang kawasan pembinaan yang melibatkan jalan sedia ada untuk tujuan keselamatan kepada orang ramai.
  - iv. Pemantauan berkala dilaksanakan oleh Juru Perunding Bebas terhadap kesan bunyi bising, kualiti udara dan kualiti air yang dijalankan setiap bulan bagi mengawasi kesan kerja pembinaan kepada alam sekitar. Laporan pemantauan akan dikemukakan kepada Lembaga Lebuh raya Malaysia dan Jabatan Alam Sekitar. Tindakan yang sewajarnya akan diambil sekiranya kesan tersebut melebihi tahap yang dibenarkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

**TUAN SPEAKER:** Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM:** Tuan Speaker, Soalan Tambahan. Saya ingin minta penjelasan Yang Berhormat EXCO berkaitan dengan jajaran FT5 Tanjung Karang ke Hutan Melintang. Apakah sebenarnya kekangan utama yang menyebabkan sampai ke hari ini masih tidak dapat diputuskan. Apakah kekangan utama, tolong nyatakan.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Kekangan utama kenapa jajaran FT5 itu tidak diguna pakai sebagai jajaran WCE adalah disebabkan oleh bantahan. Bantahan-bantahan daripada penduduk sebab itulah ada cadangan dari untuk melalui dari *bun canal* dan di peringkat Kerajaan Negeri Selangor telah pun mendapat taklimat berkenaan dengan kajian *viability* untuk menggunakan jajaran melalui kawasan *bun canal*. Walau bagaimanapun, di sana juga ada beberapa kekangan-kekangan dan ulasan-ulasan daripada Kerajaan Negeri untuk dilihat semula cadangan untuk melalui *bun canal* sehingga setakat ini masih ada 2 kemungkinan lagi sama ada melalui *bun canal* ataupun FT5 dan kita masih lagi menunggu jawapan balas daripada pihak yang berwajib. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Terima kasih Tuan Speaker. Berhubung dengan jajaran daripada Tanjung Karang ke Hutang Melintang, oleh kerana banyak bantahan-bantahan yang dibuat oleh rakyat di kawasan sepanjang persisiran kawasan laluan tersebut, apakah Kerajaan Negeri ye, ingin memberikan syor sebab dalam kes cadangan pembinaan lebuh raya yang lain Kerajaan Negeri begitu tegas apabila terdapat bantahan, maka Kerajaan menangguhkan. Adakah Kerajaan Negeri akan mengemukakan cadangan ye, yang jelas ye, dan pasti sama ada alternatif itu ditukar ke tempat lain dan juga bila tempoh jajaran di Selangor ini akan disiapkan.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih kepada Sungai Burong. *Engagement* adalah dengan izin adalah bahagian daripada proses untuk kita mendapat maklum balas daripada pengguna ataupun penduduk dan tidak pastikan sama ada dari FT5 ataupun melalui *bun canal*. Ada maklum balas-maklum balas yang bersifat tidak menerima cadangan ini dan sudah pasti akhirnya di pihak Kerajaan Negeri bersama dengan pihak Kerajaan Persekutuan akan melihat di manakah mudarat yang paling kecil dan sudah pasti kita akan melihat dari sudut manfaatnya lebih besar. Terima kasih.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Ingin penjelasan sedikit kepada jawapan tadi, sebab saya tak berpuas hati. Oleh kerana bantahan daripada rakyat tu telah jelas ye, mereka tidak mahu supaya laluan dinaik taraf Road 5 itu. Jadi, apakah pendirian Kerajaan Negeri dalam isu ini, sama ada menerima menyokong bantahan itu atau pun pergi kepada alternatif yang lain.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Sungai Burong. Saya kira saya sudah menjawab bahawa pandangan rakyat, kita mengambil kira dari sudut sebagai satu pandangan yang juga menjadi satu *point* penting dalam kita

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Dah lama dah ni, pandangan ini diberikan, dah lama. Sepatutnya sekarang ini Kerajaan dah boleh keputusan dah.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Saya minta pengerusi

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Kerajaan Persekutuan supaya laluan mana boleh diterima dan kita telah, rakyat ternanti-nanti hingga sekarang ni, kedudukan itu dengan perasaan yang cemas.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** *Insya-Allah*, terima kasih Sungai Burong. Saya harap Sungai Burong bersabar. *Insya-Allah* bersabar itu sebahagian daripada Imam, *Insya-Allah*. Kerajaan Negeri dalam proses untuk buat keputusan dan *Insya-Allah* kita akan buat keputusan dalam terbaik, *Insya-Allah*.

**TUAN SPEAKER:** Baiklah, Gombak Setia.

**Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN:** Tuan Speaker, soalan nombor 133.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN HASBULLAH BIN MOHD RIDZWAN  
(N17 GOMBAK SETIA)**

**TAJUK: PEMBUANGAN SAMPAH HARAM**

133. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah status terkini 4 tempat pembuangan sampah haram iaitu Kg. Sg. Pusu, Batu 8 Gombak, Kg. Tengah Tambahan dan Sri Gombak Fasa 8?

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Gombak Setia tentang status kini 4 tempat pembuangan sampah haram iaitu Kampung Sungai Pusu, Batu 8, Gombak, Kampung Tengah Tambahan dan Sri Gombak Fasa 8. Tentang:

- (i) No. 1 iaitu Kampung Sungai Pusu, Kerajaan Negeri telah merampaskan tanah tersebut.

- (ii) Batu 8, Gombak iaitu di belakang Masjid Zakaria. Notis Seksyen 425 di bawah Kanun Tanah Negara telah dikeluarkan iaitu untuk iaitu pencerobohan tanah kerajaan.
- (iii) Sri Gombak Fasa 8. Notis sama juga, notis Seksyen 425 Kanun Tanah Negara telah dikeluarkan.
- (iv) Kampung Tengah Tambahan, ada 2 lokasi. Sama, Notis Seksyen 425, Kanun Tanah Negara 425 KTN telah dikeluarkan.

Kawalan ya. Saya ingin menyebut tentang kawalan yang telah dilakukan. Kawalan Kampung Sungai Pusu telah dilakukan oleh Pejabat Tanah. Tentang Batu 8 Gombak, Kampung Tengah Tambahan dan Sri Gombak Fasa 8 masih dipantau oleh Unit Khas MPS. Operasi sitaan telah dilakukan oleh Unit Khas, sebanyak 20 sitaan lori telah dilakukan sehingga 19 Oktober tahun ini. Sekian.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Saya nak tanya EXCO, berapa lamakah *respond period* yang diambil oleh PBT tentang aduan-aduan yang diberikan. Saya ada dua aduan. Satu di Subang, satu di Sepang. Saya dapati responsnya sangat perlahan. Keduanya, masalah buang sampah ini, haram ni, saya cadangkan ada *task force* di peringkat

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik, soalan tambahan.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Soalan tambahanlah ni.

**TUAN SPEAKER:** Satu sahaja, Kota Anggerik sudah pergi dua. Jawab yang pertama sahaja Sri Kembangan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH:** Terima kasih kepada Kota Anggerik. Kalau kita PBT menerima aduan tentang pembuangan sampah haram, PBT melakukan operasi secepat mungkin.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Teratai.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Terima Tuan Speaker. Saya bertanya Y.B. Sri Kembangan, Yang Berhormat EXCO, sebelum ini terdapat satu perancangan Kerajaan Negeri untuk mendenda bagi pihak yang membuang sampah sehingga ke tahap katakan ada satu undang-undang untuk dipenjarakan pihak yang membuang sampah yang berulang kali, yang degil dan sebagainya. Jadi, Teratai ingin bertanya

sama ada Kerajaan Negeri Selangor ada dasar sedemikian, ataupun tidak dilaksanakan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Tuan Speaker, soalan yang ditanya telah lari daripada pokok, tetapi untuk maklumat Yang Berhormat, kerajaan masih dalam proses untuk mendrafkan Enakmen Sisa Pepejal Selangor. Kita telah menerima maklum balas daripada Kamar Peguam Negara dan kita akan meneruskan proses yang seterusnya dengan secepat mungkin.

**TUAN SPEAKER:** Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Terima kasih Puan Speaker. Soalan nombor 134.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. PUAN GAN PEI NEI**  
**(N14 RAWANG)**

**TAJUK: PEMBERIAN AIR PERCUMA**

134. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Senaraikan jumlah pembiayaan air percuma dan pemegang akaun air yang mendapat air percuma bagi tahun 2008 – 2015 mengikut pecahan daerah.
- b) Berapakah peruntukan Kerajaan Negeri Selangor untuk membaiki paip-paip air yang pecah sementara menunggu penstrukturran semual industri air?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR:** Y.B. Puan Speaker. Saya ingin memberi respons kepada Y.B. Rawang berhubung jumlah pembiayaan air percuma dan pemegang akaun air yang mendapat air percuma bagi tahun 2008 hingga 2015 mengikut daerah. Untuk makluman Y.B. Rawang, jumlah pembiayaan air percuma mulai Jun 2008 hingga September 2015 adalah sebanyak RM1.054 bilion.

Pecahan pembiayaan mengikut daerah adalah seperti yang akan saya cerakinkan iaitu (sekali lagi kalau diperlukan perincian saya akan serahkan secara bertulis kepada Yang Berhormat), tetapi secara umumnya jika kita bandingkan dengan tahun 2008 (mulai Jun) apabila program ini dilancarkan, jumlah bilangan akaun pengguna ialah 1,101,636 akaun dan sehingga 30 September 2015 ianya telah meningkat kepada 1,473,350 akaun pengguna. Dari segi jumlah pembayaran subsidi mulai Jun 2008 sehingga hujung tahun 2008, jumlah pembayaran subsidi ialah RM68.67 juta dan pada tahun 2015 ini oleh kerana jumlah pengguna juga telah meningkat, maka jumlah pembayaran subsidi meningkat kepada RM121.99 juta bagi tahun ini sahaja.

Ada empat daerah yang mencatatkan bilangan akaun pengguna yang terbesar iaitu daerah yang terbesar ialah daerah Petaling dengan mencatatkan 272,362 akaun pengguna pada tahun 2008 dan meningkat kepada 358,887 akaun pengguna. Yang kedua adalah daerah Klang (pada tahun 2008) 239,707 akaun. Pada tahun ini ia meningkat kepada 320,218 akaun pengguna. Dan seterusnya daerah-daerah yang lain akan saya serahkan secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga ingin mendapat makluman tentang peruntukan Kerajaan Negeri untuk membaiki paip-paip air yang pecah. Sehingga 15 Oktober 2015, kos yang telah dibelanjakan untuk kerja-kerja membaiki paip-paip air yang pecah dan pengendalian sistem bekalan air adalah sebanyak RM677.95 juta. dan pembiayaan untuk kerja-kerja ini diperuntukkan di dalam *Capital Expenditure* atau *CAPEX* (syarikat pengendali agihan bekalan air) yang kemudiannya telah diterjemahkan dalam bentuk tarif kepada pengguna. Dengan muktamadnya pengambilalihan SYABAS oleh Air Selangor pada 15 Oktober 2015, Air Selangor akan mengkaji peruntukan bagi kerja-kerja pembaikan paip-paip supaya kerja ini dapat dilaksanakan dengan efisien dan efektif dan Air Selangor akan memperuntukkan anggaran perbelanjaan sebanyak RM65 juta bagi kerja-kerja pembaikan paip pecah untuk tahun 2016. Terima kasih.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Soalan tambahan.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Rawang.

**YB PUAN GAN PEI NEI :** Saya ingin bertanya sama ada pihak Kerajaan Negeri akan membuat satu kajian supaya pemberian air percuma ini sampai ke sasarannya (maksudnya kepada golongan yang benar-benar memerlukan). Contohnya mereka yang pendapatan rendah sebab bagi saya ini satu skim yang baik tetapi kalau niat Kerajaan Negeri adalah untuk membantu rakyat, saya cadangkan kalau adalah lebih eloknya satu kajian dibuat supaya mereka yang benar-benar miskin ataupun memerlukan diberi pemberian yang lebih tinggi. Adakah kajian akan dijalankan?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih YB Rawang. Cadangan Yang Berhormat tersebut adalah satu cadangan yang cukup bertanggungjawab dan saya telah pun memberikan gambaran dalam penggulungan Perbahasan Belanjawan 2016 bahawa jumlah yang besar iaitu RM170 juta yang diperuntukkan pada tahun 2016 bagi tujuan pemberian air percuma ini harus dimanfaatkan oleh kumpulan yang wajar mendapat manfaat Skim Air Percuma. Saya juga telah menyentuh bagaimana pemberian air percuma ini tidak dimanfaatkan oleh segelintir pengguna dengan pembaziran yang begitu besar termasuk menggunakan air-air terawat ini bagi tujuan

membasuh kereta ataupun *gardening* ataupun *swimming pool*. Sudah tentulah ini bukan hasrat Kerajaan Negeri untuk membantu rakyat yang berpendapatan rendah. Kita memberikan Program Air Percuma ini kepada mereka yang memerlukan bantuan dan sokongan daripada Kerajaan Negeri khususnya yang berpendapatan rendah. Sebab itu kita mahu penduduk dan penghuni serta pemilik rumah-rumah pangaspuri (khususnya kos rendah) ini diberikan keutamaan untuk mendapatkan Skim Air Percuma.

Saya juga telah menyarankan dalam Dewan ini supaya Kerajaan Negeri dan Air Selangor selepas ini mengambil inisiatif untuk mendidik rakyat dan memberikan kesedaran tentang konservasi air di mana penggunaan air secara bertanggungjawab ini harus menjadi disiplin dan amalan serta budaya kita. Dan penggunaan air terawat ini antara yang terbesar di dalam negara dan di rantau ini di mana rakyat negeri Selangor menggunakan 235 liter seorang sehari dan jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain sudah tentulah jumlah ini satu jumlah yang besar yang perlu diberikan perhatian kerana kalau tidak ada inisiatif untuk memberikan kesedaran dan menjadi budaya penggunaan air secara berhemah, kos ini akan terpaksa ditanggung oleh kerajaan kemudian hari.

Jadi, saya menyambut baik cadangan YB Rawang dan kita rasa perkara ini harus diberikan perhatian walaupun kita telah memberi jaminan bahawa pemberian air percuma ini akan dikekalkan bagi tahun 2016, tetapi pada masa yang sama program pendidikan dan kesedaran awal ini harus berjalan serentak bagi jangka panjang. Terima kasih.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Terima kasih Tuan Speaker. Oleh kerana dasar Kerajaan Negeri untuk memberikan air percuma ini secara sama rata, pada masa yang sama apabila orang-orang kaya dapat menikmati air percuma, tapi ada lagi rakyat terutamanya di kalangan pendapatan rendah yang tinggal di pangaspuri gagal menerima air oleh kerana kekangan daripada masalah bab meter. Jadi, adakah Kerajaan Negeri bercadang oleh kerana mereka ini tidak dapat mengecapi atau menikmati air percuma yang telah dinikmati oleh lain daripada sejak tahun 1998 Kerajaan Negeri akan membayar rebat ataupun sagu hati kepada mereka?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : YB Sungai Burong berniat tidak baik ya. Saya dah nyatakan tadi hasrat Kerajaan Negeri mahu mereka yang benar-benar memerlukan bantuan Skim Air Percuma ini diberikan perhatian dan keutamaan. Memang sebelum ini ada di kalangan mereka yang tinggal di pangaspuri tertinggal dan tidak mendapat manfaat. Tapi bukan program ini gagal. Kerana Kerajaan

Negeri telah pun mengambil langkah-langkah proaktif untuk memastikan mereka mendapat Skim Air Percuma ini melalui pemberian kupon dan juga rebat yang dijalankan oleh Lembaga Perumahan Hartanah Selangor. Jadi YB Sungai Burong, janganlah buat kenyataan-kenyataan yang tidak tepat kerana ini adalah kerajaan yang peduli rakyat ya. Apa juga skim yang kita mahu, kita akan pasti berjaya dengan kaedah yang lain sebab bila kita lancarkan program migrasi daripada meter pukal kepada meter individu, ada masalah juga sebab SYABAS meletakkan kos yang begitu tinggi untuk menukar meter-meter individu ini. Kerana SYABAS dipelopori oleh kumpulan Yang Berhormat juga sebelum ini. Jadi, Kerajaan Negeri mengambil satu langkah yang proaktif. Oleh kerana nak menukar meter pukal kepada meter individu itu terlalu mahal maka kita memberikan kupon. Kita juga ada satu Sistem Lapor dan Dapat (kalau dia tak dapat, dia lapor dia dapat). Jadi, kalau Sungai Burong lapor, memang tak patut dapat sebab Yang Berhormat layak untuk membayarnya. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Morib.

**Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN** : Terima kasih Tuan Speaker. Soalan saya nombor 135.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
YB TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN  
(N53 MORIB)**

**TAJUK** : **PROGRAM SIHAT SELANGOR**

135. Bertanya kepada YAB Dato' Menteri Besar :-

- Berapakah jumlah penerima bantuan dan jumlah bajet yang telah diluluskan pada 2015?

**Y.B. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI** : Terima kasih Morib. Tuan Speaker, Kerajaan Negeri Selangor yang prihatin dan peduli rakyat dalam menjaga kesihatan dan dalam usaha mengurangkan kos rawatan dan beban pesakit yang berpendapatan rendah, warga emas dan juga kalangan Orang Kurang Upaya, selaras dengan usaha Kerajaan Negeri untuk menjadi negeri berkebajikan dalam mensejahterakan rakyat negeri di Selangor.

Bagi merealisasikan hasrat tersebut, Kerajaan Negeri telah melaksanakan Skim Bantuan Kesihatan yang dikenali sebagai Bantuan Sihat Selangor yang menyediakan jenis bantuan seperti berikut :-

- Dialisis buah pinggang iaitu bantuan tidak melebihi RM5,000;
- Pembedahan katarak mata (bantuan tidak melebihi RM1,200);

- c) Pembedahan kecil (bantuan tidak melebihi RM5,000);
- d) Bantuan kaki palsu (tidak melebihi RM5,000); dan
- e) Lain-lain rawatan termasuk seperti peralatan kesihatan, bantuan susu khas ataupun lampin pakai buang dan bantuan ini tidak melebihi RM5,000.

Bagi tahun 2015, jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk program ini adalah sebanyak RM2juta. Manakala jumlah penerima bantuan pada tahun ini adalah seperti berikut:-

- a) Rawatan dialisis (sejumlah 250 orang dengan kelulusan RM854,479);
- b) Katarak mata (39 orang dengan RM27,266.30);
- c) Pembedahan kecil (17 orang, RM53,412);
- d) Kaki palsu (13 orang dengan RM42,100); serta
- e) Lain-lain rawatan (86 orang dengan RM262,697.40).

Jumlah keseluruhan penerima Bantuan Sihat Selangor sehingga kini untuk 2015 adalah seramai 405 orang dengan peruntukan yang telah pun dikeluarkan sebanyak RM1,239,954.70. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER** : Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Tuan Speaker, soalan nombor 136.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPDA  
YB TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF  
(N55 DENGKIL)**

**TAJUK** : **WIFI PERCUMA SELANGORKU**

136. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah sasaran pemasangan 2500 *hotspot wifi* percuma telah tercapai?
- b) Berapakah jumlah kos total yang terlibat?
- c) Adakah ada kajian dilakukan terhadap keberkesanan sistem *wifi* ini dari segi keberkesanan jarak jangkauan, kuota, kelajuan dan sebagainya?

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Terima kasih YB Dengkil. Bagi tentang sasaran pemasangan 2500 *hotspot* (setakat 30 Oktober 2015), 1,378 *hotspot* telah pun disiapkan dan kita merancang (*insya-Allah*) menjelang 31 Disember ini kita akan siap 2,500 *hotspot* sebagaimana telah dibentangkan oleh YAB Dato' Menteri Besar dalam Belanjawan 2015.

Tentang jumlah kos yang terlibat adalah sebanyak RM65juta untuk 2,500 *hotspot wifi* selama tempoh 5 tahun. Dan (C) tentang segi keberkesanan dari segi jarak jangkauan, kuota, kelajuan dan sebagainya, ia sememangnya sebelum pemasangan *wifi* dilaksanakan, pihak Kerajaan Negeri bersama-sama pihak pembekal akan melakukan lawatan lokasi terlebih dahulu dan untuk memastikan kesesuaian lokasi, keadaan sekeliling lokasi, kemudahan infrastruktur kabel *fiber* ataupun *copper* yang sedia ada untuk memastikan jarak jangkauan dan capaian dan juga untuk memastikan bahawa lokasi tersebut adalah kawasan tumpuan orang ramai sebelum memutuskan untuk pemasangan *wifi* percuma bagi kawasan tersebut. Terima kasih.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Tuan Speaker.

**TUAN SPEAKER** : Dengkil.

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF** : Terima kasih YB EXCO atas jawapan tadi. Saya ingin bertanya, berapa ramaikah syarikat yang telah pun dipilih untuk memperolehi projek ini dan apakah mereka ataupun syarikat-syarikat ini dipilih melalui tender terbuka, tender terhad mahupun tender terendah? Saya minta penjelasan daripada YB EXCO.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Terima kasih YB Dengkil. Kita telah selepas YAB Dato' Menteri Besar mengumumkan rancangan pemasangan 2,500 *hotspot wifi* pada Belanjawan 2015 (tahun lepas), kita telah menerima banyak *proposal* antaranya daripada syarikat-syarikat termasuk seperti *Stelf Communication*, YTL menerusi anak syarikatnya Kumpulan Jaringan Selangor, Kumpulan NAZA dan Kumpulan (apa itu) P1 dan beberapa syarikat yang lain. Namun akhirnya, pihak Kerajaan Negeri telah memilih untuk menggunakan khidmat syarikat (dua syarikat) utama di negara iaitu Celcom Axiata dan TM Berhad kerana memandangkan mereka memiliki infrastruktur yang lengkap ya. Kalau kita (misalnya) memilih MAXIS dan beberapa syarikat yang lain, mereka masih lagi menggunakan *back end* (dengan izin) syarikat TM. Jadi, sebab itu kita memilih kedua-dua syarikat ini yang merupakan syarikat di bawah Khazanah Nasional sebagai pembekal bagi perkhidmatan ini.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Sungai Burong.

**Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS** : Terima kasih Tuan Speaker. Oleh sebab jurang *wifi* ini masih begitu ketara antara kawasan luar bandar dengan bandar, ini adalah disebabkan oleh kerana pembangunan infrastruktur *wifi* di kawasan bandar adalah jauh lebih ke hadapan, jadi, apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk meningkatkan (apa ini) pembinaan *hotspot* bagi membantu

untuk memperbanyakkan lebih banyak *wifi* ini dibina di kawasan-kawasan luar bandar bagi mengurangkan jurang (apa orang kata) *access availability* (dengan izin) terhadap *wifi* ini.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD** : Terima kasih Yang Berhormat Sungai Burong, sememangnya antara matlamat yang telah dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, dalam kita memasang *wifi* ini ialah untuk mengurangkan jurang digital ataupun *digital divide* antara kawasan bandar dan luar bandar. Maka apa yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri ialah kita telah meminta ia, pejabat-pejabat daerah pejabat tanah juga PBT untuk memberikan *feed back* kepada kita tentang lokasi-lokasi yang sesuai dan mungkin kalau Sungai Burong ada beberapa cadangan pun boleh dicadangkan kepada pejabat saya untuk dipasang dan kita juga berhasrat ada beberapa lokasi ini kerana infrastruktur sedia ada masih menggunakan *copper* dengan izin yang mana kelajuan hanya setakat 80mbps maksimum kita berhasrat untuk menggantikan semua dengan *fibre* gentian *fibre* supaya memberi kelajuan yang paling maksimum tidak kira lokasi tersebut.

**TUAN SPEAKER** : Kampung Tunku

**YB TUAN LAU WENG SAN** : Terima kasih Puan Speaker, soalan saya 137.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN LAU WENG SAN**  
**(N35 KAMPUNG TUNKU)**

**TAJUK : DASAR PEROLEHAN PKNS**

137. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Apakah benar bahawa dasar perolehan PKNS hanya dibuka kepada syarikat Bumiputera 100%?
- b) Memandangkan PKNS dibiayai oleh wang pembayar cukai semua rakyat Selangor tanpa mengira kaum, adakah dasar ini masih relevan pada masa sekarang?
- c) Apakah kesan TPPA terhadap dasar perolehan PKNS?

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Yang Berhormat Kampung Tunku, untuk makluman Yang Berhormat Dasar Perolehan PKNS adalah berpandukan kepada Peraturan Perakuan dan Kewangan. Kenyataan Dasar Perolehan PKNS hanya dibuka kepada Syarikat Bumiputera 100% adalah tidak benar dan bukan menjadi dasar PKNS. Untuk makluman Yang Berhormat saya ingin memberikan sedikit perincian seperti berikut :

Dasar Perolehan PKNS yang berhubung dengan perolehan Sebut Harga (Kurang daripada RM500,000) ada 2 (dua) kategori, yang pertama Bekalan/ Perkhidmatan bagi nilai di antara bagi nilai RM50,000 hingga RM100,000 dibuka kepada Syarikat Bumiputera tetapi bagi nilai RM100,000 hingga RM500,000 dibuka kepada Syarikat Bumiputera dan Bukan Bumiputera.

Bagi Perolehan Kerja, ada 2 (dua) kategori. Pertama Kerja Kejuruteraan Awam, bagi nilai RM50,000 hingga RM200,000 dibuka kepada Syarikat Bumiputera. Bagi nilai RM200,000 hingga RM500,000 dibuka kepada Syarikat Bumiputera dan Bukan Bumiputera. Manakala bagi kerja-kerja elektrik yang bernilai di antara RM50,000 hingga RM500,000 dibuka kepada Syarikat Bumiputera dan Bukan Bumiputera.

Bagi Perolehan Tender yang melebihi daripada RM500,000. Terdapat 2 jenis tender iaitu Tender Kerja dan Tender Bekalan dan Perkhidmatan. Bagi tender kerja, kerja-kerja kepakaran adalah terbuka kepada Syarikat Bumiputera atau Bukan Bumiputera, melainkan kerja-kerja biasa yang buka kepada Syarikat yang taraf Bumiputera, manakala Tender Bekalan dan Perkhidmatan ditawarkan kepada Syarikat berdaftar dengan Kementerian Kewangan terbuka kepada Syarikat Bumiputera atau Syarikat Bukan Bumiputra. Bagi Perkhidmatan Perunding. Perkhidmatan yang disediakan oleh firma perunding yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang perkhidmatan perundingan berkaitan dan di kategorikan sebagai perunding fizikal dan perunding bukan fizikal dan pelantikan Perunding adalah terbuka kepada Syarikat Bumiputera atau Bukan Bumiputera.

Yang Berhormat juga ingin bertanya tentang kesan TPPA terhadap dasar perolehan PKNS. Kita dia maklum pada ketika ini, dokumen TPPA masih lagi tidak dibentangkan di dalam dewan rakyat, maka belum diputuskan tentang kesan langsung terhadap perolehan dasar perolehan PKNS namun seperti yang telah kita telah jelaskan dalam beberapa siri perbincangan sebelum ini secara tidak langsung pastinya ianya akan meningkatkan kos di termasuk di negeri Selangor kerana dalam industri pembinaan hartanah sebagai contoh beberapa komponen yang terlibat dalam pembangunan ini pastinya akan terlibat dalam komponen bahan-bahan import dan akan memberikan kesan kepada kos pembangunan perumahan yang dimajukan oleh PKNS. Tetapi kesan langsung kita harus melihat apakah yang telah diputuskan oleh Kerajaan Persekutuan dengan pihak Amerika Syarikat apabila perkara ini harapnya dibentangkan dan dibahaskan dalam Dewan Rakyat akan datang.

**TUAN SPEAKER** : Selat Klang

**Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI** : Puan Speaker, Soalan 138

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI  
(N45 SELAT KLANG)**

**TAJUK : PROGRAM GALAKAN SAINS DI SEKOLAH AGAMA RAKYAT**

138. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Sekolah (integrasi) agama yang dibina rakyat telah dipinggirkan sebelum 2008. Bagaimanakah Kerajaan Negeri membantu SAR menguasai bidang sains?
- b) Apakah bentuk bantuan yang diberikan?

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Tuan Speaker. Selat Klang bertanyakan berkaitan program galakan sains di sekolah agama rakyat bagi pelajar-pelajar mengusai bidang sains. Pendidikan sains perlu dididik secara ber *syllabus* dan ada teknik PNP pengajaran dan pembelajarannya bermakna ia memerlukan guru dan buku teks dan sebagai rujukan di dalam pendidikan. Hanya sekadar memberikan galakan dan tidak ada kesinambungan yang terancang, saya kira kita tidak dapat menerapkan pendidikan untuk pelajar-pelajar menguasai bidang sains. Tumpuan Kerajaan Negeri pada hari ini melalui Jabatan Agama Islam Negeri Selangor adalah memberikan kursus kepada pendidikan Islam itu sendiri. Seperti mana untuk sekolah-sekolah kelas agama dan fardu ain kita bantu daripada segi buku teksnya dan bagi sekolah selain daripada tu peruntukan untuk naik taraf dan baik pulih infra dan fizikal bangunan sepertimana yang kita peruntukan 6 juta setahun untuk sekolah-sekolah agama rakyat untuk membantu daripada segi keperluan infra ataupun baik pulih bangunan itu sendiri. Terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Soalan tambahan

**TUAN SPEAKER** : Paya Jaras

**Y.B. TUAN HAJI MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Terima kasih Tuan Speaker saya ingin bertanya oleh Yang Berhormat EXCO tentang membaik pulih infra sekolah agama ataupun apa saja entiti di bawah JAIS. Apakah JAIS mempunyai satu badan tersendiri yang mempunyai kekuatan untuk sebagai mana JKR kerana sebab saya difahamkan sekarang ini JAIS bergantung pada JKR dalam sesuatu projek.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Paya Jaras, untuk makluman bahawa di Jabatan Agama Islam sendiri, kita tidak mempunyai kekuatan daripada segi teknikal dalam urusan untuk bagi pulih mahupun pembinaan yang mana seperti mana yang disebutkan oleh Paya Jaras tadi hatta dalam

pembangunan sama ada permohonan baru sama ada masjid, sekolah, surau dan sebagainya. Kita masih lagi memerlukan bantuan daripada Jabatan Kerja Raya daripada persediaan awal menyediakan BQ sehingga proses tender. Daripada segi pemantauannya sebab itu saya kira untuk negeri Selangor, yang mana kalau saya lihat peruntukan di bawah hal ehwal agama sendiri juga satu peruntukan yang besar, sudah tiba masanya untuk Kerajaan Negeri untuk melihat keperluan kumpulan tenaga ini mungkin lantikan secara kontrak sama ada dari peringkat teknikal dan sehingga engineer nya perlu ada kekuatannya sendiri di peringkat Jabatan Agama Islam untuk menyediakan persiapan-persiapan awal termasuklah BQ dan sebagainya. Memerlukan juru ukur bahan tersendiri supaya program-program yang di bawah pembangunan JAIS itu sendiri sama ada baik pulih ataupun pembinaan itu dapat dilakukan ataupun diselenggarakan dengan sebaik mungkin. Terima kasih

**Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI :** Speaker Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Selat Klang

**Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI :** Saya hendak bertanyakan kepada Kerajaan, ekoran daripada apa yang saya tengok, bertanyakan dalam soalan asas tadi. Kerajaan Negeri seperti yang disebutkan oleh EXCO tadi, telah pun memberikan tumpuan kepada sekolah-sekolah di bawah JAIS, dan di antara yang dalam perancang 2016 ialah, menambahkan maahad integrasi tafhiz sains dan itu seluruhnya di bawah tanggungan kerajaan. Dan ia melibatkan kos yang banyak dianggap besar. Soalan saya ialah di dalam apa ini, kenapa kerajaan tidak boleh bersinergi dengan sekolah agama rakyat yang telah pun dibangunkan oleh rakyat dan dengan bantuan sedikit oleh kerajaan itulah satu galakan untuk kerajaan membantu rakyat itu sendiri telah membina sekolah agama rakyat dengan sedikit bantuan maka objektif untuk mendidik rakyat itu tercapai.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Selat Klang. Seperti mana kita sedia maklum, tumpuan Kerajaan Negeri melalui Jabatan Agama Islam Negeri Selangor adalah sekolah-sekolah agama integrasi yang melibatkan pendidikan sains itu adalah menjadikan keutamaan kami termasuklah yang disebutkan tadi maahad tafhiz integrasi. Dan untuk bersinergi dengan sekolah-sekolah agama rakyat terutamanya untuk melibatkan bidang-bidang sains sudah tentu ia melibatkan banyak perkara terutamanya dari segi peruntukan kewangan daripada segi keperluan bahan-bahan buku teks kursus dari segi keperluan guru-gurunya yang saya kira antara halangan yang cukup besar di bawah Jabatan Agama Islam untuk mendapatkan guru-guru sains yang mana juga akhirnya guru-guru ini bukan sekadar dilantik sebagai guru kontrak tetapi mereka juga mengharapkan jawatan yang tetap sifatnya yang ini juga bergantung pada Jabatan Perkhidmatan Awam kerajaan, Kerajaan Kementerian Pelajaran atau Kerajaan Pusat untuk memberikan kelulusan-kelulusan yang sebutkan tadi.

**Y.B. PUAN DR HAJAH HALIMAH BINTI ALI** : Puan Speaker saya nak lagi..apa jawapan oleh EXCO tadi. Maksud saya bukan beri guru bukan beri segala-gala yang telah dibuat Kerajaan Negeri di bawah JAIS sekarang ini, tapi mungkin satu makmal bukannya tanggungan selama-lamanya seperti di bawah JAIS iaitu maksud saya, itu adalah galakkan, itu bukan tanggungan segala-galanya di bawah tunggak Kerajaan Negeri. Hanya boleh kerajaan mengkaji *option* ini.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih Selat Klang, kita akan melihat perkara ini dan membuat tindakan di masa akan datang.

**Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI** : Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER** : Kota Anggerik, pastikan betul-betul soalan ya.

**Y.B. TUAN DR YAAKOB BIN SAPARI** : Ya, ia berkaitan sains di sekolah agama rakyat. Saya hendak tanya kepada pihak kerajaan adakah kerajaan bersedia untuk memberikan pendedahan sains kepada guru-guru agama contohnya bab-bab bersuci dikaitkan dengan penyakit berjangkit, bakteria supaya guru-guru agama juga faham *basic* sains kepada pelajar-pelajar.

**Y.B. DATO' DR AHMAD YUNUS BIN HAIRI** : Terima kasih, Kota Anggerik. *Insyah-Allah* kita akan mengambil kira pandangan-pandangan daripada Kota Anggerik ini.

**TUAN SPEAKER** : Taman Medan

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA** : Terima kasih Tuan Speaker, Soalan 139.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED BINTI TALHA  
(N33 TAMAN MEDAN)**

**TAJUK : PEMBERIMILIKAN TANAH**

139. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Bilakah bermula Dasar Pemberi Milikan Tanah (tiada rancangan pembangunan ke atasnya kepada penduduk (warganegara)?
- b) Nyatakan bilangan warganegara dan luas keseluruhan tanah yang diberi hak milik mengikut daerah.

- c) Nyatakan bilangan bukan warganegara dan keluasan tanah yang diberi hak milik mengikut daerah.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Tuan Speaker Yang Berhormat Taman Medan ingin mengetahui tentang Dasar Pemberi Milikan Tanah kepada warganegara dan juga kepada bukan warganegara. Untuk makluman Yang Berhormat Taman Medan, Dasar Pemberi Milikan Tanah kepada individu warganegara Malaysia telah dilaksanakan selaras dengan Pekeliling Pengarah Tanah dan Galian Selangor Bilangan 6/2011 yang berkuat kuasa mulai 1 Jun 2011. Maklumat bilangan permohonan luas pemberimilikan tanah kepada warga negara adalah seperti berikut. Saya memberikan statistik kepada Yang Berhormat Taman Medan untuk tahun 2014. Bagi daerah Hulu Selangor sebanyak 20 permohonan. Daerah Hulu Langat 15. Kuala Selangor 56, Klang 3, Kuala Langat 71, Sabak Bernam 142, Petaling 150, Gombak 291, Sepang 65, menjadikan jumlah 813 permohonan bagi tahun 2014. Manakala jumlah keluasan yang diluluskan bagi tahun 2014 adalah sebanyak 66.7 ekar tanah. Untuk makluman Yang Berhormat Taman Medan tidak ada pemberimilikan tanah kepada golongan bukan warga negara di bawah dasar pemberimilikan tanah. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Taman Medan

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Maksud saya, bukan warganegara tu sama ada pelabur-pelabur asing yang datang dari luar yang ingin membuka industri ataupun apa-apa kilang adakah permohonan daripada mereka dan apakah permohonan yang dibuat guna tanah yang dipohon.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Untuk makluman Yang Berhormat Taman Medan walaupun ia tidak fokus kepada soalan ibu soalan pokok asal itu kerana saya memahami soalan ini untuk pemberimilikan tanah bagi warganegara ataupun bukan warganegara untuk kediaman bukan tujuan untuk pelaburan ataupun industri tetapi bagi pelabur-pelabur asing yang datang ke negeri Selangor ini mereka tidak diberikan milikan tanah dengan skim yang sama mereka perlu membeli secara tender terbuka untuk mendirikan industri ataupun kilang-kilang mereka di dalam negeri Selangor ini. Terima kasih.

**Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA :** Saya ingin betulkan dalam soalan saya tidak pun menyebut tentang pemilikan untuk kediaman tidak sebut dalam soalan.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Tidak juga disebut untuk industri dan pelaburan ya. Jadi sebutkan saya sebutkan istilah tadi pemahaman saya ini pemberimilikan tanah kepada penduduk warga negara.

**TUAN SPEAKER** : Paya Jaras

**Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin bertanya kepada Yang Amat Berhormat Dato' MB. Tajuk pemberimilikan bagaimana Kerajaan hendak selesaikan masalah tanah yang kosong yang permohonan dia berulang-ulang. Maknanya tanah kosong dimohon, ditolak oleh Kerajaan kerana atas sifat, atas sebab tidak ada bangunan atau tidak ada diusahakan. Kemudian tahun depan orang mohon lagi ditolak, mohon lagi ditolak bagaimana kita nak selesaikan masalah ini.

**TUAN SPEAKER** : Bukit Antarabangsa tak perlu jawab kalau tak ada jawapan kerana berlainan dengan soalan pokok.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Saya boleh jawab dari segi dasar saja Yang Berhormat Tuan Speaker. Dari segi dasar untuk Yang Berhormat Kuang memang pemberimilikan tanah ini kita memberi kepada... ehh Paya Jaras, (ketawa) bukan saya nak uji sama ada kita *alert* ataupun tidak (ketawa) dan itu juga menunjukkan tak lama lagi Kuang juga menjadi milik kita... *Insya-Allah*. Ok.

Yang Berhormat Paya Jaras dari segi dasarnya kita memberikan pemilikan tanah ini kepada mereka yang telah mengusahakan tanah tersebut untuk satu tempoh yang agak lama. Kalau tidak ianya menjadi satu amalan yang tidak sihat. Mereka meneroka tanah-tanah Kerajaan dalam tempoh yang singkat dengan harapan untuk mendapat tanah-tanah yang berkenaan. Jadi dari segi dasar memang kita akan pertimbangkan bagi mereka yang telah mengusahakan tanah-tanah tersebut untuk satu tempoh yang lama untuk diberikan milikan pada individu yang berkenaan. Kalau ada permohonan tertentu ataupun kes-kes tertentu memang mereka telah mengusahakan tanah sekian lama dan belum lagi dapat elok Yang Berhormat kemukakan terus kepada Kerajaan Negeri memang kita mahu memastikan mereka yang telah mengusahakan tanah-tanah ini diberikan keutamaan untuk memiliki tanah yang berkenaan tetapi pastinya kena mengikut garis panduan yang sedia ada supaya susun atur bangunan di kawasan tersebut juga mestilah dipatuhi sebelum milikan itu diberikan kepada mereka.

**TUAN SPEAKER** : Ya Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI** : Soalan Tambahan. Ini sebenarnya daripada jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat tadi tentang pemberian milikan sebab sekarang apa yang berlaku atas keadaan sekarang atas tapak ada dua keadaan. Maksudnya, sebelum ini Kerajaan kata perlu usahakan baru boleh akan dipertimbangkan untuk kelulusan itulah sebabnya mereka ceroboh dan masuk. Pada masa yang sama ada orang yang mohon dia ikut undang-undang, dia tunggu kelulusan baru dia masuk jadi bila kita buat aduan kes pun tertangguh macam itu sahaja. Jadi kalau dalam

kes sebegini macam mana kita nak buat keputusan, siapa yang patut kita luluskan sama ada orang yang dah mohon dulu ataupun orang yang ceroboh tapi tak ini. Itu yang saya nak tanya.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Yang Berhormat Rawang. Pandangan saya tidak timbul isu mereka berlumba-lumba untuk ceroboh tanah dan bangunkan supaya dapat hak milik kerana kalau kita lihat perincian garis panduan yang sedia ada mereka yang telah mengusahakan tanah-tanah Kerajaan sebelum tahun 2008. Jadi kalau tidak kita akan encourage mereka untuk meneroka tanah-tanah Kerajaan dengan harapan untuk mendapat milikan tanah tersebut. Jadi ada tempoh-tempoh tertentu, tarikh tertentu yang membenarkan kita untuk menimbangkan permohonan yang berkenaan.

Bagi mereka yang baru menceroboh tanah sudah tentulah tidak dapat dipertimbangkan kerana kita harus membuat secara tender terbuka bagi tanah-tanah Kerajaan yang hendak dilupuskan kepada mana-mana pihak ataupun mana-mana individu bagi tujuan kediaman ataupun bagi tujuan perniagaan.

**TUAN SPEAKER :** Kuang. Tidak hadir. Ya Sungai Pelek.

**Y.B. PUAN LAI NYUK LAN :** Terima kasih Tuan Speaker. Sungai Pelek mengambil soalan 140.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK ABDUL SHUKUR BIN IDRUS  
(N13 KUANG)**

**TAJUK: PEMILIHAN USAHAWAN**

140. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Jawatankuasa Tetap Pembangunan Negeri Selangor telah banyak membantu usahawan seperti sasaran yang ditetapkan?
- b) Adakah terdapat syarat khas bagi mendapatkan bantuan dana selain daripada syarat wajib sedia ada?

**TUAN SPEAKER:** Batu Caves.

**Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI:** Terima kasih Sg. Pelek yang mengambil Kuang. Semangatnya Kuang gitu (ketawa). Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian, soalannya, bagi soalan a, pada tahun ini kita telah mensasarkan pertambahan daripada segi peserta-peserta untuk menyertai program-program pembangunan usahawan dan saya ingin rekodkan di sini sehingga 4 Oktober, 4 November tahun

2015 sebanyak 587 usahawan-usahawan telah menyertai program latihan dan kursus. Seramai 30 peserta-peserta telah menyertai program 4P iaitu Pempakejan Negeri Selangor. Seramai 146 peserta-peserta, usahawan-usahawan telah menyertai program promosi Negeri Selangor dan seramai 76 orang telah menyertai program dana usahawan *micro* Selangor iaitu sebanyak 763 orang peserta-peserta, usahawan-usahawan Negeri Selangor telah terlibat dalam program-program keusahawanan Negeri Selangor.

Untuk program latihan kita ada satu lagi program latihan dianggarkan kira-kira 70 hingga 80 orang lagi akan menyertai program tersebut. Untuk program 4P kita telah melengkapkan kuota ataupun sasaran kita pada 30 orang tadi. Untuk program promosi kita ada lagi 100 peserta-peserta yang akan mengikuti program Expo yang dianjurkan oleh EXCO Pelaburan Negeri Selangor dan untuk dana usahawan *micro* mesyuarat akhir bulan ini akan menetapkan baki 37 untuk melengkapkan 113 orang penerima dana usahawan *micro* Negeri Selangor. Jadi jumlah keseluruhan untuk penerima tahun ini dianggarkan kita akan menerima ataupun mampu membantu sekitar 1,000 usahawan-usahawan Negeri Selangor yang telah kita sasarkan.

Untuk soalan b, adakah syarat tambahan? Jawapannya tidak ada. Jadi ikutlah syarat yang telah ditetapkan tak perlu jadi Ahli Keadilan atau Ahli Pas ataupun Ahli DAP. Jadi kalau pihak UMNO ada sarankan, ada jumpa siapa-siapa yang sarankan untuk menyertai mana-mana Parti ataupun menyertai apa-apa. Jadi saya minta beritahu pada saya, saya minta pegawai tersebut masuk UMNO sebab perangai macam UMNO. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG:** Ya, terima kasih Tuan Speaker, soalan 141.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG  
(N06 KUALA KUBU BAHRU)**

**TAJUK: PENGIFTIRAFAN SIJIL PEPERIKSAAN BERSATU (UEC)**

141. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah Kerajaan Negeri mengiktiraf Sijil Peperiksaan Bersatu (UEC) yang dikeluarkan oleh Sekolah-sekolah Menengah Bebas Cina (MICSS) sebagai syarat untuk berkhidmat dengan perkhidmatan awam dan pusat pengajian tinggi awam negeri? Jika ya, nyatakan butir-butirnya.

**Y.B. TUAN NIK NAZMI BIN NIK AHMAD:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kubu Baharu. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 21 Oktober telah bersetuju

agar Sijil Peperiksaan Bersatu (UEC) diiktiraf bagi penyambungan pengajian di peringkat pengajian tinggi sebagaimana kita semua sedia maklum dalam pengumuman Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dalam ucapan belanjawan baru-baru ini dan buat masa ini untuk makluman pihak KUIS sebenarnya telah pun menerima pengiktirafan daripada agensi kelayakan Malaysia ataupun MQA berkenaan UEC untuk beberapa program. Manakala pihak UNISEL dalam proses mendapat pengiktirafan UEC sebagai sijil yang setara dengan sijil asasi daripada pihak MQA untuk program-program kursus pembelajaran.

**TUAN SPEAKER:** Dusun Tua.

**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN:** Tuan Speaker soalan saya 142.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN**  
**(N23 DUSUN TUA)**

**TAJUK: LANGKAH KERAJAAN NEGERI MENGHADAPI KELEMBAPAN EKONOMI SEKARANG**

142. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah strategi dan langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri?
- b) Mohon nyatakan kedudukan Pelaburan Asing Langsung (FDI) bagi Negeri Selangor bagi 3 tahun lepas?

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM:** Tuan Speaker saya memohon untuk menjawab soalan ini bersama dengan soalan 160, 177 dan 231. Sementara itu soalan 142 ini juga sebahagiannya telah pun dijawab semasa saya menjawab soalan 107 pada hari semalam.

Tuan Speaker, bagi tempoh 2013 hingga Jun 2015 prestasi pelaburan banyak disumbangkan oleh pelabur tempatan berbanding pelabur asing. Secara dasarnya kedudukan pelabur langsung asing atau MDI bagi Negeri Selangor adalah konsisten dan tidak menunjukkan penurunan yang ketara dari segi jumlah nilai pelaburan. Bagi tahun 2013, jumlah projek adalah 228 dengan modal pelaburan 9.8 billion. Bagi 2014, projek adalah 229 dengan modal pelaburan 7 bilion dan bagi tahu 2015 dari Januari hingga Jun, projek adalah 130 dengan modal pelaburan 4.2 billion. Jumlahnya untuk tiga tahun ini sehingga Januari Jun 2015, jumlah projek 587 dengan modal pelaburan RM21 bilion.

Sementara itu, bagi jumlah pelaburan yang diperolehi oleh setiap negeri Malaysia secara perbandingan dari 2011 hingga 2015 adalah seperti berikut dan saya hanya berikan yang utama.

Dari jumlah projek yang tertinggi diperolehi oleh Selangor sebanyak 1,102 projek. Kedudukan kedua oleh Johor 821 projek. Nombor tiga adalah Pulau Pinang dengan jumlah projek 579. Nombor empat adalah Kedah dengan jumlah projek 193 sementara nombor lima adalah Perak dengan jumlah projek 174 projek.

Dari segi modal pelaburan yang tertinggi adalah Johor dengan 74.7 bilion. Selangor nombor dua 41.5 bilion. Nombor tiga adalah Pulau Pinang dengan modal pelaburan RM27.9 bilion. Nombor keempat adalah Kedah dengan jumlah pelaburan RM15.6 bilion dan bagi kedudukan kelima adalah Perak dengan jumlah modal pelaburan RM10.3 bilion.

Tuan Speaker, bagi berdasarkan rekod daripada Jabatan Tenaga Kerja Selangor bagi tahun 2014 sebanyak lapan syarikat telah pun menutup operasi di Selangor sementara bagi tahun 2015 hingga September sebanyak 14 telah pun menutupkan operasinya dan antara faktor yang menyebabkan kilang menamatkan operasi di Selangor adalah:-

- Pertama:      Kekurangan permintaan terhadap produk keluaran di pasaran;
- Dua:            Penutupan sebahagian operasi syarikat;
- Tiga:           Kos operasi yang meningkat;
- Empat:          Penstrukturran semula syarikat; dan
- Lima:           Berpindah ke lokasi lain.

Bagi membantu pekerja yang kehilangan kerja akibat penutupan operasi tersebut Kerajaan Negeri telah pun mengadakan program-program jom *shopping* di beberapa daerah seperti Gombak, Kuala Selangor dan Sabak Bernam. Selain itu, pekerja-pekerja yang terlibat ini disyorkan untuk mendaftar dalam portal Job's Malaysia. Untuk penjodohan pekerjaan di samping menjemput mereka hadir ke karnival-karnival kerjaya yang dianjurkan oleh Jabatan Tenaga Kerja. Mereka juga turut dipelawa ke temuduga terbuka yang diadakan di cawangan-cawangan jabatan Tenaga Kerja. Selain usaha membantu pekerja yang terlibat mendapatkan pekerjaan, Kerajaan Negeri juga turut menyediakan program-program bantuan melalui jawatankuasa tetap yang berkaitan untuk menggalakkan pekerja yang diberhentikan untuk melibatkan diri dalam bidang perniagaan seperti berikut:-

- Satu: Jawatankuasa Tetap Kemiskinan – Program bantuan *blueprint* pembasmian kemiskinan yang memfokuskan kepada pemohon yang telah menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan yang tidak mempunyai modal untuk membeli mesin dan sebagainya. Bantuan maksimum diberikan adalah sebanyak RM5,000.00. Bantuan dalam bentuk pemberian mesin bantuan perniagaan.
- Dua: Melalui Jawatankuasa Tetap Pembangunan Usahawan – iaitu program Hijrah Kerajaan Negeri bagi menyediakan modal perniagaan; dan
- Ketiga: Melalui Jawatankuasa Tetap Usahawan – Dana Micro pemberian dana sehingga sebanyak RM30,000.00 untuk modal perniagaan.

Terima kasih.

**TUAN SPEAKER:** Kajang. Ya Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Puan Speaker, Peraturan Tetap 24 (2), saya ingin ambil alih soalan Kajang.

**TUAN SPEAKER:** Saya benarkan. Silakan Bukit Lanjan.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SERI DR. WAN AZIZAH BINTI WAN ISMAIL  
(N25 KAJANG)**

**TAJUK: DEMOKRASI DAN URUS TADBIR BAIK**

143. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejak Akta Kebebasan Maklumat diwujudkan pada tahun 2011, sila nyatakan jumlah permohonan dibuat oleh orang awam ke atas maklumat rasmi.
- b) Nyatakan jenis permohonan mengikut tujuan dan isu.
- c) Jumlah permohonan yang dilulus dan ditolak; dan sebab ditolak, jika ada.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Terima kasih Rawang. Tuan Speaker, berdasarkan semakan terhadap daftar rekod permohonan maklumat yang diterima melalui peruntukan di bawah Enakmen Kebebasan maklumat (Negeri Selangor) yang dikemas kini sehingga 20 Oktober 2015, Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor telah menerima sejumlah 230 permohonan secara keseluruhannya.

Maklumat-makluman ini diselaraskan oleh Pegawai-pegawai Maklumat yang telah dilantik di setiap Jabatan dan juga Agensi Negeri Selangor.

Semenjak Enakmen ini diperkenalkan, Pentadbiran Negeri Kerajaan Negeri Selangor telah menerima pelbagai jenis dan juga kategori permohonan seperti berikut:

- a. perancangan status projek pembangunan seperti pembinaan lebuh raya, projek penebatan banjir, bangunan sekolah, masjid dan sebagainya;
- b. laporan kewangan tahunan Anak-anak Syarikat dan Badan Berkanun Kerajaan Negeri;
- c. status pembangunan tanah di mukim, daerah dan sebagainya;
- d. status urusan penstrukturran semula air;
- e. status pelantikan Ahli Enakmen yang dilantik;
- f. senarai penjaja dan usahawan kecil yang menjalankan operasi di sesuatu tempat;
- g. statistik kemudahan pengangkutan awam;
- h. penjenamaan semula kemudahan perpustakaan awam;
- i. pengurusan sisa pepejal oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- j. maklumat sumber air seperti sungai, empangan dan sebagainya dan Navigasi jalan air pendalaman;
- k. isu-isu berkaitan dengan pencemaran sungai-sungai di Negeri Selangor;
- l. statistik taburan hujan dan kaedah pengukuran;
- m. maklumat mengenai Peruntukan Ahli Dewan Negeri bagi tahun 2013;
- n. maklumat insurans yang disediakan oleh PBT kepada warga kerja;
- o. jumlah kemudahan letak kereta yang disediakan oleh PBT; dan
- p. statistik kes yang diuruskan oleh Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Selangor.

Berdasarkan rekod, Pentadbiran Negeri Kerajaan Negeri telah meluluskan sejumlah 222 permohonan dan hanya menolak 8 permohonan sahaja atas sebab-sebab yang berikut:-

- a. Permohonan yang dikemukakan oleh Jabatan maaf dikemukakan kepada Jabatan ataupun Agensi diklasifikasikan sebagai bersifat peribadi;
- b. Permohonan yang dikemukakan tidak lengkap dan tidak menjelaskan tujuan sebenar permohonan;
- c. Permohonan yang dikemukakan memohon maklumat pihak ketiga; dan
- d. Permohonan yang dikemukakan tidak spesifik dan mengelirukan.

**TUAN SPEAKER:** Sungai Burong.

**Y.B. DATO' HAJI MOHD. SHAMSUDIN BIN HAJI LIAS:** Tuan Speaker, soalan nombor 144.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS  
(N08 SUNGAI BURONG)**

**TAJUK: HORAS**

144. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Sejauh mana pelaksanaan kerja-kerja Projek HORAS (*Hybrid Off River Augmentation Storage*) 600 terutamanya pembinaan kolam takungan dan penapisan serta kerja-kerja berkaitan telah disiapkan?
- b) Berapakah jumlah peruntukan Kerajaan Negeri Selangor yang telah dibelanjakan untuk projek ini setakat ini?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Tuan Speaker dan terima kasih kepada Sungai Burong yang bertanya berkaitan dengan status pelaksanaan kerja-kerja Projek HORAS 600 yang Alhamdulillah kerja-kerja pengorekan di kolam utama yang melibatkan kawasan 1, yang meliputi kawasan 53 hektar telah pun siap sepenuhnya, 100%. Manakala kerja-kerja pengukuhan tebing kolam telah pun bermula pada 1 November 2015 beberapa hari yang lepas dan pembinaan kolam menapis di Kampung Hang Tuah dan juga pembinaan rumah pam masih dalam peringkat mereka bentuk. Kerja-kerja ini dijadualkan siap sepenuhnya pada bulan Ogos 2016.

Berkaitan dengan jumlah peruntukan Kerajaan Negeri Selangor yang telah dibelanjakan untuk projek ini, Kerajaan Negeri belum mengeluarkan sebarang perbelanjaan bagi kerja-kerja penyediaan kolam takungan HORAS 600. Semua perbelanjaan bagi pengorekan kolam takungan HORAS 600 dibiayai sepenuhnya oleh Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. melalui penjualan pasir.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Ijok.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Terima kasih Tuan Speaker. HORAS, saya nak tanya Kerajaan Negeri apa langkah-langkah untuk mengatasi:

- 1) Pencemaran alam sekitar oleh sebab *stockpile* yang telah dilonggokkan pasir ya *stockpile* pasir sebelah kawasan perumahan dan masjid.
- 2) Apa langkah Kerajaan Negeri mengambil untuk mengatasi kerosakan jalan yang telah dilakukan oleh lori-lori pasir? Jalan cantik tetapi sekarang nampaknya dah mula rosak.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Terima kasih kepada Ijok yang bertanya berkenaan dengan pencemaran. Ianya sudah pasti dipertanggungjawabkan sepenuhnya kepada Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. dan di bawah pemantauan Jabatan Alam Sekitar. Dan sekiranya Ijok mempunyai aduan boleh terus kepada pihak Kerajaan Negeri untuk diambil tindakan yang tegas.

Dan berkaitan, juga berkaitan dengan lori-lori pasir juga di bawah tanggungjawab Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. untuk memastikan bahawa jalan-jalan itu harusnya tidak dirosakkan dengan keadaan lori pasir yang keluar masuk melalui kawasan tersebut.

**Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD:** Saya

**TUAN SPEAKER:** Bukit, Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN:** Puan Speaker, soalan 145.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA**  
**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN**  
**(N34 BUKIT GASING)**

**TAJUK: RUMAH KOS RENDAH KAWASAN PETALING JAYA.**

145. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Berapakah bilangan pemohon rumah kos rendah di kawasan MBPJ yang masih tidak berpeluang mendapat rumah?
- b) Berapa unit rumah kos rendah mengikut projek yang sedang dalam pembinaan atau perancangan untuk menampung permintaan (a)?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Terima kasih kepada Bukit Gasing. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan selamat pagi. Untuk makluman bahawa rekod pemohon rumah-rumah kos rendah di Negeri Selangor ini kita bahagikan menurut daerah, bukan menurut Majlis ataupun PBT. Jadi bermakna bahawa mereka yang memohon untuk mendapatkan rumah kos rendah, mereka yang berdaftar atau pemohon perlu meletakkan pilihan mereka menurut daerah dan juga menurut mukim secara fokusnya. Jadi untuk Daerah Petaling, terdapat 4,892 orang pemohon yang masih belum dapat ditempatkan untuk rumah kos rendah.

Untuk soalan kedua, adalah buat masa ini memang tidak ada rumah kos rendah yang sedang dibina ataupun yang telah mendapat perancangan atau kebenaran merancang. Di antaranya yang, yang telah, yang hanya ada adalah rumah Jenis B iaitu sebanyak 968 unit iaitu yang pertama adalah Sutera Damansara di Sungai Buloh Daerah Petaling, dalam pembinaan 236 unit Jenis B. Yang kedua adalah Country Wills iaitu di Pekan Sungai Buloh Daerah Petaling sebanyak keseluruhannya Jenis B 100 unit, Jenis C 100 unit dan Jenis D 236 unit. Yang ini belum lagi dibina. Yang, yang seterusnya adalah oleh Sime Darby Ara Damansara Development Sdn. Bhd. iaitu di Ara Damansara, Mukim Damansara, Daerah Petaling sebanyak 296 unit Jenis D. Yang ada, yang telah diluluskan adalah di PJS1 iaitu 262 unit rumah kos rendah tetapi ini bukan untuk dibuka untuk dijual. Tetapi ini adalah untuk peneroka Bandar PJS1 khususnya adalah kepada mereka yang terlibat dengan pemindahan. Cara macam mana kita nak menyelesaikan di kawasan Petaling ini seperti mana yang telah kita bincangkan atau kita bahaskan di dalam Dewan ini adalah kita pergi kepada peremajaan semula atau *re-development*. Yang ini akan pihak Kerajaan Negeri melakukan atau menujuhkan satu *task force* untuk melihat tentang peremajaan semula bandar-bandar kita terutama di kawasan-kawasan di mana ada keperluan perumahan kos rendah ataupun untuk mereka yang berpendapatan menengah, sederhana rendah. Iaitu dengan kita melihat kawasan-kawasan ini untuk kita bangunkan semula sebagai kawasan *mix development* untuk memastikan bahawa terdapat peluang bagi mereka yang berpendapatan rendah untuk memiliki rumah. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Seri Serdang.

**Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL:** Terima kasih Tuan Speaker. No, 146.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL  
(N29 SERI SERDANG)**

**TAJUK: RUMAH IBADAT BUKAN ISLAM (RIBI)**

146. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah peruntukan rumah ibadat bukan Islam (RIBI) diagihkan mengikut keperluan di setiap DUN?

**Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN:** Tuan Speaker, peruntukan rumah ibadat bukan Islam atau dikenali dengan nama Hal Ehwal Selain Islam dengan nama singkatannya HESI akan diagihkan mengikut peratusan penganut selain Islam Negeri Selangor yang dibahagikan kepada 3 kategori agama selain Islam utama iaitu Buddha termasuk Thawis, Hindu termasuk Sikh dan Kristian. Maklumat peratusan penganut selain Islam ini merujuk kepada data rasmi bancian penduduk tahun 2010 yang dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perangkaan Malaysia. Berikut adalah jumlah penganut mengikut agama yang terdapat di Negeri Selangor. Islam 57.9%, manakala Buddhism dan Thawrism 24.4%, Hindu 11.6%, Kristian 3.8% dan lain-lain 2.3%.

Bagi tahun 2015, sebanyak 6 juta telah diperuntukkan untuk tujuan ini. Pembahagian bagi setiap kategori agama selain Islam yang utama adalah mengikut peratusan penganut agama tersebut iaitu seperti jadual

Buddhism dan Thawrism	-	61.3% yang merangkumi RM36,078,600.00
Hindusm	-	29.14% merangkumi RM1,748,400.00
Kristian	-	9.55% - RM573,000.00

Pembahagian ini telah diputuskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada ke 5/2015 yang diadakan pada 4 Februari 2015.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI:** Tuan Speaker, soalan saya 147.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI  
(N40 KOTA ANGGERIK)**

**TAJUK: PENURUNAN NILAI RINGGIT MENJEJASKAN PELAJAR-PELAJAR  
TAJAAN JAIS/ MAIS DI JORDAN DAN MESIR**

147. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Adakah kerajaan akan menyemak kadar pembiayaan pelajar anjuran JAIS / MAIS?
- b) Adakah kerajaan bersedia memberi pembiayaan mengikut mata wang negara berkenaan berbanding dalam ringgit?
- c) Berapa jumlah pelajar tajaan JAIS / MAIS yang berada di luar negara. Senaraikan mengikut negara?

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Tuan Speaker. Kota Anggerik bertanyakan berkaitan dengan penurunan nilai ringgit menjelaskan pelajar-pelajar tajaan JAIS dan MAIS di Jordan dan juga Mesir. Jabatan Agama Islam Negeri Selangor telah menyemak kadar dermasiswa bagi pelajar di Mesir, Jordan, Morocco dan Indonesia dan satu kertas kerja telah, penstrukturkan semula kadar dermasiswa telah dihantar kepada Lembaga Zakat Selangor dan pada dasarnya Lembaga Zakat Selangor telah meluluskan untuk yuran pelajar dinaikkan mengikut kadar kenaikan semasa dan ianya akan dibayar dalam nilai USD. Manakala wang saku pelajar, pelajar-pelajar dermasiswa akan dibayar dalam bentuk ringgit. Dan pada tahun 2016, diuntukkan sejumlah RM15 juta untuk kadar-kadar dermasiswa ini. Jumlah pelajar tajaan JAIS dan MAIS yang berada di luar negara mengikut negara:

- |    |           |   |             |
|----|-----------|---|-------------|
| 1. | Mesir     | - | 411 pelajar |
| 2. | Jordan    | - | 203 pelajar |
| 3. | Morocco   | - | 12 pelajar  |
| 4. | Indonesia | - | 19 pelajar  |

Menjadikan keseluruhannya 645 pelajar. Terima kasih.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER:** Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI :** Adakah kerajaan bersedia untuk dermasiswa dalam mata wang negara berkenaan contohnya Dinar bagi

Jordan bukan dalam ringgit sebab kalau dalam ringgit dia *flat chuete* dengan kadar ringgit?

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Sebenarnya yang saya sebutkan tadi untuk yuran ya, dia dinaikkan dengan kadar yuran semasa. Cuma pembayaran melalui USD dan senilai dengan mata wang tempatan. Cuma pada masa ini keputusan untuk dalam bentuk wang saku kepada pelajar-pelajar dermasiswa ini akan diberikan dalam bentuk ringgit pada kadar yang ada pada hari ini. Terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Semenyih.

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK :** Speaker.

**TUAN SPEAKER:** Ya Permatang?

**Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK:** Peraturan 24(2) saya ingin mengambil soalan 148.

**TUAN SPEAKER:** Saya benarkan. Pihak kerajaan? Ya.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA  
Y.B. DATUK SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK  
(N09 PERMATANG)**

**TAJUK: OPERASI PEMBENIHAN AWAN**

148. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Mohon nyatakan syarikat-syarikat yang terlibat dalam Operasi Pemberian Awan pada 2015
- b) Adakah kos pemberian awan itu menggunakan peruntukan Kerajaan Negeri atau Persekutuan? Berapa banyak telah dibayar kepada pihak yang terlibat
- c) Mohon huraian dari aspek teknikal bagaimana SOP pemberian awan dilaksanakan

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB:** Tuan Speaker, terima kasih kepada Permatang yang bertanya berkenaan dengan operasi pemberian awan. Dari sudut syarikat-syarikat yang terlibat, pelaksanaan operasi pemberian awan di kawasan Tadahan Air Negeri Selangor pada tahun 2015 telah dijalankan oleh pembekal perkhidmatan yang dilantik iaitu Syarikat AF Jet Sdn. Bhd. Pembekal perkhidmatan

ini adalah merupakan salah satunya syarikat yang mempunyai pesawat yang dilengkapi dengan kemudahan bagi tujuan operasi pemberian awan di Malaysia. Pihak syarikat ini mempunyai kepakaran khusus serta kelebihan bagi operasi pemberian awan di Malaysia dan telah melaksanakan operasi pemberian awan bersama LUAS dan juga Jabatan Meteorologi Malaysia bermula daripada 1 April 2014 sehingga 31 Disember 2014 di bawah tадahan empangan Negeri Selangor. Pihak syarikat juga telah memberikan perkhidmatan operasi pemberian awan kepada beberapa negeri lain sebelum ini seperti Badan Kawal Selia Air Johor, BAKAJ dan MADA di Kedah. Bayaran bagi pihak AF Jet Sdn. Bhd. bagi tujuan pelaksanaan operasi pemberian awan bermula 21 Februari 2015 hingga 6 Julai 2015 adalah dengan menggunakan peruntukan Lembaga Urus Air Selangor, LUAS sebanyak RM2,856,000.00. Walau bagaimanapun peruntukan tambahan telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dalam Mesyuarat MMKN Ke 30/2015 sebanyak RM2,856,000.00 dengan menggunakan peruntukan Unit Perancang Ekonomi, UPEN bagi pelaksanaan operasi pemberian awan bermula 7 Julai 2015 hingga 31 Disember 2015.

Pihak LUAS juga telah mengambil inisiatif bagi meneruskan kesinambungan pelaksanaan operasi pemberian awan dengan pembekal perkhidmatan yang dilantik Syarikat AF Jet Sdn. Bhd. bermula pada 21 Februari 2015 dan dijangka hingga 31 Disember 2015 tertakluk kepada kesesuaian cuaca. Ia bertujuan bagi meningkatkan taburan hujan terutamanya di kawasan tадahan air empangan yang seterusnya meningkatkan kapasiti takungan empangan di Negeri Selangor.

Operasi pemberian awan menggunakan 2 pesawat yang dilengkapi dengan bahan *hydroscopic flair* di kedua-dua sayap. Bahan *hydroscopic flair* merupakan hablur garam sodium klorida bersaiz nano yang bertindak sebagai *cloud condensation* nuklear yang diperlukan oleh wap air di udara untuk menjadi titisan air hujan.

Dari sudut prosedur operasi Standard SOP bagi OPA, Operasi Pemberian di Negeri Selangor, ia terbahagi kepada 3 peringkat persediaan.

1. Sebelum penerbangan
2. Semasa penerbangan
3. Selepas penerbangan

Sebelum penerbangan, perlu dipastikan segala permohonan kelulusan dan kebenaran penerbangan dari Pihak Berkuasa seperti Jabatan Penerbangan Awam diperolehi dan memastikan juga Juruterbang dan Pembantu Juruterbang sentiasa bersedia sepenuhnya untuk penerbangan dan berada dalam keadaan yang sihat dari segi mental dan fizikal. Dan juga memastikan pesawat berkeadaan bersedia untuk terbang dengan mematuhi semua standard keselamatan pesawat antarabangsa bagi tujuan penerbangan dan Pegawai Meteorologi akan memberi taklimat cuaca kawasan operasi 1 jam sebelum operasi bermula kepada semua

juruterbang dan kru terlibat sama ada sesuai atau tidak operasi dijalankan pada hari tersebut. Ini merangkumi maklumat kawasan sasaran masa penerbangan boleh dimulakan, dan jangkaan sama ada berlaku hujan atau tidak sebaik saja OPA dijalankan dengan berdasarkan kepada analisa carta angin, gema radar, jenis kesesuaian awan, kelembapan atmosfera dan ketampakan kesan jerebu. SOP semasa penerbangan, juru terbang dan pembantu juruterbang perlu memastikan pesawat berada dalam keadaan yang baik sebelum berlepas dengan meneliti prestasi enjin dan sistem kawalan pesawat. Juga perlu dipastikan kawasan operasi selamat dari segi kesibukan trafik udara dan kelulusan dari pihak menara kawalan untuk melaksanakan operasi. Segala maklumat perimeter cuaca semasa penerbangan seperti suhu, kelembapan bandingan, jenis dan amaun kandungan awan pada paras tertentu perlu dicatat oleh pembantu juru terbang. Sentiasa memastikan keadaan kapal terbang baik dan terkawal termasuk operasi dilakukan dengan meneliti keadaan dan prestasi pesawat. Memastikan juga segala maklumat perimeter cuaca yang diperolehi semasa operasi lengkap dan tepat sebelum meninggalkan kawasan operasi.

Manakala SOP selepas penerbangan, memeriksa keadaan pesawat dan memastikan tiada kerosakan dan berada dalam keadaan baik untuk operasi seterusnya. Juga perlu dipastikan pesawat diletakkan dalam keadaan yang rapi. Dan memastikan segala keperluan pesawat untuk operasi seterusnya dipenuhi dan juga mengumpul segala maklumat berupa parameter cuaca yang diperolehi semasa operasi dan diisikan di dalam Laporan Harian OPA dan yang terakhir sekali maklumat harian parameter cuaca dan maklumat semua empangan Negeri Selangor akan dianalisa dan satu laporan bulanan teknikal OPA akan dikeluarkan pada setiap pertengahan bulan berikutnya. Ini adalah bagi tujuan analisa trend peningkatan atau penurunan jumlah hujan kawasan sasaran dan perbandingan dengan bulan-bulan sebelumnya serta seterusnya memberikan cadangan sama ada perlu dipertingkatkan atau dikurangkan bilangan operasi pemberian awan di kawasan sasaran.

**TUAN SPEAKER:** Ahli-ahli YB sekalian masa telah menunjukkan jam 11.30 pagi. Saya tangguhkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

**SETIAUSAHA DEWAN:** Aturan urusan mesyuarat seterusnya sambungan usul No. 37 Tahun 2015. Usul Peruntukkan Pembangunan 2015.

**TUAN SPEAKER :** Baiklah saya jemput pihak Kerajaan untuk menyambung penjelasan. Bukit Lanjan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya hanya ada 2 isu yang perlu dijawab dalam Dewan yang mulia ini. Satu sebenarnya telah dijawab oleh YB Kota Alam Syah, iaitu berkenaan tentang Kampung Orang Asli Bagan Hailam yang dibangkit oleh YB Selat Kelang. Selepas

semakan dengan beberapa pihak kita pada masa ini rasa kawasan tersebut perlu kajian yang lebih terperinci kerana baru semalam selepas penyelidikan melalui internet kita telah mendapat sedikit maklumat di mana ada keputusan sebut harga daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli untuk kawasan tersebut. Dan saya ingin baca keputusan tersebut iaitu kerja-kerja membina dan menyiapkan pagar jenis *Galvanised Security Fence* dan lain-lain kerja berkaitan penempatan semula Kampung Orang Asli Bagan Hailam Bandar Sultan Sulaiman Lot 92406 Daerah Klang Selangor. Dan ini akan ambil empat minggu. Jadi kita akan berhubung dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli untuk menyemak adakah mereka ada perancangan tambahan untuk kampung tersebut.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Speaker, saya kurang dengar tadi, nak dapat pencerahan daripada EXCO, *Security Fence*, *Security Fence* yang saya bangkitkan adalah keadaan rumah mereka yang terlalu uzur dan *inhabitable*....

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Ya, YB Selat Kelang, yang saya baca adalah kerja-kerja yang timbul dalam sebut harga ini tapi perkataan yang berikutannya adalah penempatan semula Kampung Orang Asli Bagan Hailam. Jadi pihak Kerajaan Negeri akan semak dengan pihak JKHOA untuk memastikan bahawa satu, mereka ada penempatan yang baru. Kita pun tidak dimaklumkan tentang perkara ini. Dan saya rasa kita boleh bekerja sama dengan JKHOA untuk memastikan penempatan mereka lama atau baru akan lebih selesa dan lebih baik daripada sekarang. Isu yang terakhir iaitu daripada YB. Ulu Kelang yang bertanya tentang Bukit Taboh ataupun yang sekarang dikenali sebagai Permatang KHOA Gombak Selangor(PKGS)ringkasannya YB telah menanya tentang status pengiktirafan dan telah menekan supaya pengiktirafan....hasil pengiktirafan antarabangsa boleh diluluskan dengan segera. Saya ingin maklumkan kepada Tuan Speaker dan juga ahli-ahli YB bahawa sebenarnya bukan satu langkah yang senang. Setakat ini Kerajaan Negeri Selangor telah masukkan telah kemukakan ke Jabatan Warisan Negara untuk mewartakan sebagai tapak Warisan Kebangsaan. Itu adalah langkah yang pertama. Bagi maksud itu borang penamaan sebagai Warisan Kebangsaan iaitu Borang E telah pun dikemukakan pada Pesuruhjaya Jabatan Warisan Negara untuk pertimbangan selanjutnya. Dan apa yang akan berlaku sekarang ialah Jabatan Warisan Negara akan mengemukakan Surat Niat kepada pemilik-pemilik tanah yang berada berdekatan ataupun atas Zon Penampang Permatang KHOA Gombak Selangor. Dan ini adalah satu proses saya rasa yang akan mengambil beberapa bulan tapi kita amat yakin kerana kita dapat dorongan dan juga *feedback* dengan izin yang sangat positif daripada pelbagai pihak termasuk Jabatan Warisan Negara maka kita yakin pengiktirafan Permatang KHOA Gombak Selangor ini akan diluluskan pada masa yang terdekat dan seterusnya kita dapat mengorak langkah ke arah pengiktirafan dunia UNESCO. Sehingga kini untuk makluman Tuan Speaker dan ahli-ahli YB kita bukan sahaja menunggu Jabatan Warisan Negara membuat keputusan. Kita juga menyediakan beberapa penerbitan dan juga kajian-kajian yang berkaitan bagi membuktikan pengukuhan ataupun fakta

pada nilai universal sejagat ataupun *Outstanding Universal Value* (OUV) terhadap tapak PKGS ini. Penerbitan dan juga kajian adalah seperti berikut;

- i) Kajian Saintifik Permatang KHOA Gombak Selangor dengan kerjasama Institut Kajian Bencana Asia Tenggara UKM
- ii) Kajian Penilaian Saintifik Ciri-ciri Fizikal menggunakan Teknologi Lidah di Permatang Kuatza Gombak Selangor yang dijalankan dengan kerjasama UTM Kuala Lumpur dan baru-baru ini kita telah melancarkan buku *Coffee Table* Permatang Kuatza Gombak Selangor yang dilancarkan oleh YAB Dato' Menteri Besar pada bulan September 2015. Dan selain daripada itu pihak JPBD juga telah membentangkan beberapa kertas kerja di beberapa *conference* yang mengutamakan *Geoheritage* dengan izin, sebagai contohnya di Kongres dunia *European GeoScience Union* di Vienna Austria pada bulan April 2015, di bengkel penetapan kriteria buffer zon tapak warisan Negeri Selangor dengan kerjasama FRIM bulan Oktober, dan juga pembentangan kertas kerja penggunaan Teknologi Lidah dalam penentuan ciri-ciri fizikal dan risiko PKGS di *Seminar Geoheritage Forum* di Langkawi pada bulan November ini.

**Y.B. TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB:** Soalan Tambahan

**TUAN SPEAKER:** Hulu Kelang

**Y.B. TUAN HJ. SAARI BIN SUNGIB:** Adakah pihak Kerajaan merancang untuk mengedarkan kepada Ahli-ahli YB *Coffee Table* Permatang Kuatza.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Saya akan semak dengan pihak JPPD.

**TUAN SPEAKER :** Sekinchan

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingin minta penjelasan daripada YB Bukit Lanjan EXCO berkenaan dengan jawapan semalam. Tentang Cadangan Pembangunan Bersepadu Pantai Sungai Labu kerana kesuntukan masa semalam jadi saya tak nampak tak boleh minta penjelasan. Apakah halangan utama yang menyebabkan cadangan ini tidak dapat diproses memandangkan cadangan ini adalah untuk menaik taraf sosial ekonomi di kawasan khususnya perkampungan Melayu Pantai Ledang itu sendiri....Pantai Sungai Labu itu. Minta penjelasan.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING:** Terima kasih Sekinchan. Sebenarnya semalam saya telah jelaskan iaitu rintangan utama adalah cadangan oleh pemaju iaitu Mantap Menang Sdn Bhd untuk membangunkan Pantai Sungai

Labu tidak selaras dengan pengurusan pantai bersepadu Kuala Selangor Sabak Bernam di mana ada pelbagai kalau kita lihat laporan ini, nanti saya akan beri pada YB. Di keseluruhan persisiran pantai dari Utara Negeri Selangor sampai ke Sg. Buluh memang ada pewartaan dan juga zon-zon yang diwartakan dan dikenal pasti. Pembangunan yang kita benarkan adalah seperti *agriculture* kemudahan masyarakat ataupun komuniti perikanan *agrotourism* dan *ecotourism*. Kita tidak menghalangkan pembangunan YB Sekinchan tetapi pembangunan itu mestilah pembangunan yang mampan dan selaras dengan apa yang dirancang oleh Kerajaan Negeri. Jadi kawasan tersebut adalah dikenali sebagai satu zon KSAS, kawasan sensitif alam sekitar. Jadi kalau ada sedikit perubahan kepada struktur ataupun fizikal sebagai contohnya tambakan pantai ataupun pembinaan yang luar biasa yang keluar daripada sempadan maka ianya akan ada kesan yang boleh dikatakan ketara kepada kawasan-kawasan lain di persisiran pantai bersebelahan ataupun Selatan daripada Pantai Sungai Labu. Maka saya ingin mencadangkan kepada YB Sekinchan untuk menasihatkan pemaju tersebut mungkin mengubah konsep pembangunan. Kalau kita lihat konsep yang dibentangkan kepada Majlis Daerah Sabak Bernam tidak nampak, saya tidak nampak ada keciran *ecotourism* ataupun *agrotourism*. Sebagai contohnya apa yang dibentangkan sebagai contohnya komponen-komponennya adalah seperti berikut: komersial 10.2%, *Commercial* dan *Service Apartment* 8.9%, tiga, apa yang dipanggil *termathic retail* iaitu penjualan secara bertema ini bukan taman tema, *its not a theme park*, tetapi *this is the retail space* 5. ....aa...maaf 8.3%. Lepas itu ada...yang di konsep itu ada *high end landed residential* maksudnya rumah yang mahal yang dalam kawasan 2.5 ekar dan hanya 1 komponen sahaja boleh digelar ataupun memberi seperti satu visi ataupun bayangan ada agro ataupun *ecotourism* iaitu *water chalet* yang hanya 1.9 ekar. So ini sebagai satu contohlah saya rasa ini, konsep ini boleh diubahsuai memandangkan memang garis panduan yang kita ada telah diwartakan dan saya yakin pencadang ataupun syarikat ini boleh ada cadangan yang berlainan yang lebih menjurus kepada *ecotourism* dan *agrotourism*.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM :** Saya minta lagi sikit pencerahan ya. Berkenaan dengan cadangan-cadangan tu saya rasa tak ada masalah. Cuma saya nak minta Kerajaan Negeri kalau boleh melalui UPEN tubuhkan satu jawatankuasa untuk menyelaraskan supaya semua rancangan itu permintaan itu dapat diselenggarakan. Kalau tidak permohonan-permohonan yang cadangan untuk dibuat itu selalunya terbantut di tengah jalan. Tak ada susulan daripada itu. Jadi kalau ada usaha daripada UPEN untuk membantu saya rasa kita dapat membangunkan dengan lebih baik. Itu cadangan saya.

**Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING :** Ok ini saya boleh bincang dengan pihak UPEN tetapi kalau ada pembangunan seperti ini yang tidak selaras dengan pelan pengurusan yang digazet bukan sahaja dekat Sekinchan saya dimaklumkan dekat Kuala Selangor pun ada beberapa *proposal* sepatutnya ianya dapat keputusan yang muktamad iaitu *summary rejection*.

**TUAN SPEAKER : Sijangkang**

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan perkara-perkara yang berkaitan dengan projek pembangunan di bawah port folio saya port folio hal ehwal Islam, adat Melayu, pembangunan desa dan kampung tradisi yang sebahagian besar adalah berkaitan dengan projek pembangunan, berkaitan dengan masjid, surau, sekolah di bawah tanggungjawab Jabatan Agama Islam atau Kerajaan Negeri, jalan desa dan juga kemudahan awam termasuklah balai raya dan dewan masyarakat. Beberapa perkara yang saya nak saya sebutkan sini yang supaya ia menjadi suatu juga dasar dan ingatan kepada Ahli Yang Berhormat yang mana di dalam setiap pembangunan yang dilakukan di bawah portfolio saya itu ada beberapa asas yang perlu kita lihat. Antara beberapa asas pembangunan fizikal atau pun pembangunan projek yang dilakukan termasuklah sama ada masjid, surau, sekolah yang antara perkara yang paling utama adalah berkaitan dengan isu-isu yang berkaitan dengan tanah. Maknanya projek itu kalau kita nak lakukan pada tahun semasa isu-isu tanah ini telah selesai dan sebab antara itulah perkara yang kita rasakan sangat penting dan akhirnya ketika ini dapat dilakukan atau dapat dimulakan pada tahun semasa dengan cepat ataupun pada awal tahun. Perkara yang kedua adalah berkaitan dengan justifikasi keperluan sudah tentulah ini juga ditekankan supaya projek-projek yang akan dibangunkan itu sudah ada justifikasi mengikut perkara-perkara yang perlu dijustifikasikan termasuk jumlah pendudukan, kedudukan tempat dan sebagainya. Dan keutamaan-keutamaan ini juga adalah projek-projek yang menjadi keutamaan di peringkat daerah dan akhirnya akan dilihat sebagai beberapa program keutamaan di peringkat negeri sebelum kita putuskan untuk dilaksanakan pada tahun semasa. Perkara yang lain yang juga menjadi pertimbangan kita adalah berkaitan disebabkan kita bergantung kepada Jabatan Kerja Raya bagi projek-projek yang melibatkan kos melebihi daripada RM400,000.00 maka ini juga menjadi perkara yang menjadi asas kepada kita supaya persediaan-persediaan awal dan proses tanah dan tender itu dapat dilakukan dengan sebaik mungkin sebelum dapat kelulusan melalui tender Kerajaan Negeri. Untuk makluman Yang Berhormat lebih kurang dalam 5 masjid yang akan kita bina dalam setiap tahun dengan kos lebih kurang 10 hingga 12 juta masjid ini dan bagi surau seperti mana yang dibangkitkan juga oleh Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa sebelum ini pembangunan surau ataupun pembinaan surau adalah inisiatif daripada jawatankuasa penduduk melalui sumbangan-sumbangan daripada masyarakat dan juga mungkin sumbangan-sumbangan yang dipohon melalui Lembaga Zakat. Cuma pada tahun ini 2016 nanti kod baru diwujudkan kod PK 4 yang mana Kerajaan Negeri memperuntukkan RM3 juta untuk pembangunan surau-surau baru dengan harga kos sebuah RM500,000.00 sebuah dan kita untukkan RM500,000.00 untuk baik pulih surau-surau dan bagi masjid kita.

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA:** Mohon mencelah.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Sila.

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA :** Adakah surau-surau perlu memohon semula untuk peruntukan bagi tahun 2016 yang disebutkan oleh YB EXCO tadi?

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Sebenarnya di Jabatan Agama Islam kita mempunyai *list* yang panjang lebih daripada 100 permohonan surau-surau ini dan kita sudah lihat beberapa-beberapa keutamaan-keutamaan surau yang saya sebut seperti mana asas-asas pertimbangan yang saya sebutkan tadi. Dan di antaranya adalah surau-surau yang keperluannya lebih di kawasan-kawasan desa ataupun di kawasan luar bandar yang mana mungkin ia agak sukar untuk mereka mendapatkan peruntukan-peruntukan daripada masyarakat tempatan. Dan itu menjadi keutamaan kepada pihak kami. Bagi baik pulih masjid itu kita peruntukan RM3 juta pada tahun ini walaupun saya kira untuk baik pulih masjid ini satu jumlah yang kecil berbanding tahun-tahun sebelum ini hatta pada tahun ini kita peruntukan RM5 juta untuk keperluan-keperluan baik pulih masjid kalau tahun depan kita peruntukan sejumlah RM3 juta saya kira adalah jumlah yang kecil. Pun begitu kita cuba melihat mana-mana keperluan, atau mana-mana peruntukan yang boleh kita gunakan termasukkan peruntukan daripada Lembaga Zakat yang boleh kita agih-agihkan untuk keperluan baik pulih masjid dan juga surau. Ahli-ahli Yang Berhormat untuk keperluan infrastruktur yang kita maklum penyelenggaraan jalan kampung atau jalan desa.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE :** Minta penjelasan.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Sila.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE :** Terima kasih saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO sama juga dengan soalan yang ditanyakan tadi untuk baik pulih surau adakah ia perlu dikemukakan sekali lagi memandangkan kalau di kawasan Balakong ada banyak dah yang mula pohon untuk baik pulih 2014, terima kasih.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Saya kira tidak bersalahan kalau ada Ahli-ahli Yang Berhormat untuk mengemukakan surau-surau yang perlu daripada segi sama ada pembinaan baru atau pun baik pulih sebagai satu *database* mengkaji semula keutamaan-keutamaan yang kita akan lihat dengan peruntukan tahunan yang akan kita masukkan di dalam belanjawan tahunan itu untuk kita bina ataupun baik pulih pada tahun-tahun semasa. Jadi saya mintalah Balakong pun boleh hantar semula supaya saya harapkan senarai yang ada kita itu adalah senarai yang terkini.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Mohon mencelah.

**TUAN SPEAKER :** Batu Tiga.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Sila.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih, saya juga sebenarnya nak menyentuh tentang apa yang telah diberi jawapan oleh pihak EXCO tentang selain daripada baik pulih kita lihat tentang apakah kriteria yang saya tanya semalam tentang kriteria tentang bila sesuatu masjid itu boleh dibina. Jadi jawapan daripada EXCO kita lihat EXCO bercakap tentang kalau tidak ada isu berkaitan dengan tanah, kalau ada justifikasi-justifikasi dari sudut kedudukan tempat dan sebagainya. Tapi apa yang saya nak apa yang saya timbulkan semalam Seksyen 20, seksyen 24 dan sebagainya telah pun memenuhi semua kriteria tersebut tetapi dalam tempoh 7 tahun ini tidak ada, tidak dimasukkan ke dalam senarai untuk dibina sedangkan contoh kalau Seksyen 13 masjid yang baru dibina telah ada peruntukan baik pulih. Lagi jadi saya nampak ada sedikit perkara yang perlu dibetulkan di sini bahawa '*first come first serve*' atau pun apakah aspek yang sebenarnya dipertimbangkan bila sesuatu masjid atau surau dibina. Jadi soalan saya tambahan untuk pastikan ianya dapat memenuhi apa yang ingin saya tanyakan semalam, terima kasih.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Batu Tiga antara beberapa aspek yang saya sebutkan tadi sebagai satu keutamaan untuk kita bina termasuklah tanah pada dasarnya kita melihat bahawa untuk pembangunan sesebuah masjid itu memerlukan sejumlah lebih kurang 3 ekar untuk pembangunan tapak masjid tersebut dan keperluan '*parking*'. Saya tidak nafikan di sebahagian besar daripada kawasan-kawasan bandar itu terutamanya agak mustahil untuk mendapatkan tanah seluas 3 ekar pun begitu ada beberapa tempat yang kita lihat bahawa pembangunan yang juga kurang daripada 3 ekar kita bangunkan cuma saya melihat saya tidak nafikan keperluan masjid itu perlu di Seksyen 20 dan Seksyen 24 dan cuma kita lihat pada hari ini penggunaan secara optimum adalah pada waktu solat Jumaat yang mana sebahagian besar daripada surau-surau yang berada di sekitar kawasan tersebut telah dibenarkan untuk digunakan sebagai surau solat Jumaat. Dan saya akan melihat semula dengan pihak Jabatan Agama Islam Negeri Selangor untuk melihat permintaan daripada Batu Tiga itu untuk kita justifikasinya. Kita justifikasikan ia sebagai satu keutamaan untuk bangunkan masjid di kawasan yang tersebut.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Minta celah.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Ya.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG:** Saya ingin nak tanya Yang Berhormat EXCO berkenaan tadi Yang Berhormat EXCO katakan keutamaan diberi bagi surau-surau di luar bandar akan tetapi terdapat ada sebilangan surau yang ditubuhkan di dalam rumah pangaspuri kos rendah yang selalunya menghadapi masalah dari segi kos pembaikan dan sebagainya. Jadi saya ingin nak tanya Yang Berhormat EXCO

sama ada bagi surau-surau yang diadakan di dalam rumah pangsapuri kos rendah itu juga dapat diberikan keutamaan memandangkan penduduk-penduduk ramai dan juga kadar kegunaan surau itu agak tinggi, terima kasih.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Saya kira tidak bersalah untuk juga kita pertimbangkan asalkan syarat yang lain dan juga ada juga tanah keluasan yang tertentu untuk kita bangunkan surau-surau terutama di kawasan luar bandar dan saya tidak nafikan di kawasan pangsapuri ini juga saya kira banyak ada keperluannya untuk pembangunan surau. Kalau kita nak harapkan dengan masyarakat tempatan juga kadang-kadang menghadapi masalah daripada sumber atau peruntukan asas untuk pembangunan surau tersebut.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** Mencelah sedikit.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Ya.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL:** EXCO saya ingat untuk memenuhi kehendak tiga minimum 3 ekar tanah ini agak mustahil sekarang ini memandangkan tanah-tanah di kawasan-kawasan baik bandar ataupun luar bandar banyaknya telah pun ia tidak mencukupi jadi apakah kita perlu satu cadangan dasar baru supaya masjid-masjid ini mungkin kita boleh '*parking*' bertingkat ataupun '*parking*' bawah tanah. Untuk pastikan akhirnya isu untuk kita dapat menampung keperluan rakyat bila ingin pergi masjid ini tidak mengganggu lalu lintas ataupun kawasan perumahan yang sedia ada. Jadi saya rasa pihak kerajaan boleh mempertimbangkan mewujudkan masjid-masjid '*parking*' bertingkat ataupun '*parking*' bawah tanah, terima kasih.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Batu Tiga itu saya kira menjadi pertimbangan pihak kami kerana kita juga tidak mahu ada pembangunan tapak kurang daripada di kawasan perumahan itu terutamanya kurang daripada 3 ekar yang mana '*parking*' menjadi masalah kepada masyarakat tempatan dan saya kira kita telah dalam proses pembinaan di sebuah masjid di kawasan kalau tidak silap saya di kawasan Balakong atau di Seri Kembangan yang keluasannya juga kurang daripada 2 ekar dan kita mempertimbangkan beberapa perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Batu Tiga tadi. Berkaitan dengan peruntukan infrastruktur penyelenggaraan jalan yang kita peruntukan pada tahun ini 12 juta dan pada tahun hadapan 10 juta. Apa yang menjadi keutamaan kami adalah jalan-jalan yang melibatkan rizab jalan di kampung-kampung dan kita juga mempertimbangkan jalan-jalan yang menjadi laluan awam tetapi dengan kebenaran atau pun '*consen*' seperti mana yang dibangkitkan oleh Selat Kelang semalam antara tujuannya adalah supaya penyelenggaraan jalan ini dapat diselenggarakan dengan baik dan kalau ada jalan-jalan yang perlu dinaiktarafkan supaya dapat dinaiktarafkan dan akhirnya jalan-jalan ini boleh didaftarkan di dalam MARRIS dan boleh dimasukkan di dalam peruntukan MARRIS pada tahun-tahun yang berikutnya. Jadi saya menjawab

secara khusus soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan Negeri semalam pertamanya berkaitan dengan Bukit Gasing, berkaitan dengan Masjid Bulat. Perancangan Jawatankuasa Masjid adalah untuk membina bangunan sokongan seperti bilik kuliah dan juga kelas KAFA. Cuma pada masa ini daripada peruntukan baik pulih yang kita ada keutamaan kami adalah pembangunan bagi untuk membaik pulih ruang solat utama bagi Masjid Bulat tersebut. Dan secara umumnya peruntukan baik pulih ini, keperluan baik pulih asas yang terutamanya berkaitan dengan perkara-perkara keselamatan termasuklah mungkin struktur dan juga elektrik yang saya kira ini adalah keutamaan untuk masjid-masjid di seluruh Negeri Selangor dengan peruntukan 3 juta ada pada tahun hadapan daripada Kerajaan Negeri.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Tuan Speaker boleh saya celah.

**TUAN SPEAKER:** Ya.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI:** Tadi isu tadi boleh tak saya mencadangkan kepada Kerajaan Negeri supaya menyelesaikan masalah untuk seluruh Negeri Selangor untuk jalan-jalan kampung. Wujudkan satu ‘task force’ yang melibatkan semua yang boleh menyumbangkan kepada menyelesaikan masalahnya secara ‘one cent for all’ dengan izin. Bukan sangkut sana, sangkut sini kalau ada penghulu, ketua kampung semua yang terlibat termasuklah daripada segi undang-undang satu ‘task force’.

**Y.B. DATO’ DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI:** Terima kasih, Selat Kelang buat masa ini kita memang ada satu jawatankuasa yang kita amanahkan kepada UPEN untuk melihat keperluan ataupun jalan-jalan kampung di seluruh Negeri Selangor terutama juga yang melibatkan tanah-tanah persendirian. Cuma saya terus kepada Selat Kelang yang semalam dibangkitkan jalan yang di Selat Kelang itu kerana dia melibatkan beberapa penama ataupun tuan punya tanah dan ada sebahagianya tidak setuju dan saya kira prinsipnya apabila kita nak senggarakan jalan itu mestilah walaupun jalan itu jalan persendirian untuk kegunaan awam perlu ada kebenaran ataupun ‘concern’ daripada tuan tanah. Kalau tidak kita tidak mahu menghadapi masalah kemudiannya kita bina ia mendatangkan masalah dan kalau dibawa ke peringkat ke muka pengadilan ke Mahkamah kita akan kalah dalam pertikaian pembangunan tersebut. Saya menjawab kepada perkara yang dibangkitkan oleh Dengkil berkaitan dengan Masjid Pekan Dengkil buat sementara ini pihak Jabatan Agama Islam Negeri Selangor sudah menyediakan satu kertas kerja MMKN yang mana menunggu keputusan daripada Kerajaan Negeri saya kira dalam Mesyuarat Negeri yang akan datang kita akan putuskan cara mana yang terbaik antara beberapa opsyen untuk bayaran pampasan kepada Orang Asli ini. Pada peringkat awalnya kita hanya membayar pada jumlah pokok kawasan Rayau, tetapi atas permintaan Orang Asli ini mereka juga mahu pampasan tanah daripada Sungai Rayau yang telah mereka usahakan sehingga pada hari ini. Berkaitan dengan

Masjid Desa Sentosa yang mana juga ada di dalam Buku Belanjawan kita tidak dimasukkan pembangunan tahun hadapan. *Insya-Allah* mengikut keutamaan dibina pada tahun 2017. Kota Anggerik membangkitkan perkara keperluan membina SRA Seksyen 7 saya maklum keperluan pelajar-pelajar yang begitu ramai di kawasan Seksyen 7 ini cuma masalah setakat ini kita tidak melihat, kita tidak jumpa mana tapak yang ada untuk tujuan pembinaan membina SRA di Seksyen 7 itu. Kemudian untuk keperluan membina Masjid Setia Alam pembinaan masjid ini akan menggunakan dana kutipan awam terlebih dahulu sejumlah RM3 juta yang kita dapat maklumat. *Insya-Allah* kita Kerajaan Negeri melihat mana yang kerajaan boleh negeri membantu kita akan cuma membantu dalam pembinaan Masjid Setia Alam ini. Balakong mahukan perkara berkaitan dengan permohonan Masjid Taman Sutera tapi tidak ada jawapan peruntukan yang diuntukkan kepada P14 adalah terhad seperti mana yang saya katakan tadi. Kita akan lihat semula di sudut keutamaan kita akan lihat setiap tahun sebelum kita kemukakan kepada Kerajaan Negeri untuk Belanjawan ataupun pembinaan pada tahun yang kita sasarkan kita akan melihat semula. Berkaitan telah menghantar surau tadi saya pun sudah sebut dihantar lagi untuk kita lihat di mana kita sedia maklum peruntukan-peruntukan yang diuntukkan oleh Kerajaan Negeri pada tahun ini melalui kod yang baru peruntukkan melalui Lembaga Zakat juga kita boleh gunakan untuk keperluan terutamanya baik pulih dan sebagainya. Jadi Selat Klang saya sudah sentuh tadi. Seri Serdang mohon status tanah tapak Surau Takwa Kampung Orang Asli Sg. Rasau, Batu 17 untuk disemak semula kerana ada pertikaian sama ada ini adalah tapak pembangunan untuk surau ataupun tapak penduduk. Jadi saya ingat kita akan lihat tentang perkara ini. SRA Puchong Perdana serta sebelah tapak masjid SRA dekat Kinrara 14 yang ini kalau ikutkan perancangan kita akan masukkan pada perancangan Tahun 2017. Taman Medan mengemukakan perkara berkaitan dengan terdapatnya beberapa sekolah agama termasuk SRA Taman Medan 1 yang perlu penambahbaikan gelanggang dan juga SRA Nuruz keperluan penambahan kawasan. Keperluan ini akan diteliti dan akan dipertimbangkan berdasarkan keutamaan dan peruntukkan yang kita ada dan saya kira Taman Medan juga memohon supaya pengambilan balik tanah yang bersebelahan walaupun saya kira kosnya agar tinggi kita kan lihat tentang perkara ini. Surau yang sedang dalam perancangan pembinaan Surau Istikilal dan Surau Takwa tanah disalah gunakan mana kala Surau Al-Falah perlu di baik pulih keperluan ini akan diteliti dan dipertimbangkan berdasarkan kepada keutamaan dan peruntukkan yang sedia ada. Dusun Tua bertanya berkaitan dengan peruntukkan untuk baik pulih surau dan masjid masih lagi tidak mencukupi sedia maklum dengan peruntukkan yang saya sebutkan tadi sudah tentulah kita tidak dapat memenuhi semua permintaan-permintaan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat *Insya-Allah* kita akan lihat daripada segi keperluan bergantung dengan peruntukkan yang kita ada. Batu Tiga saya kira saya telah sentuh saya telah jawab tadi. Kinrara semakin banyak masjid dan surau yang memasang penyaman udara yang mungkin menyebabkan kebakaran buat masa ini JAIS memohon bekerjasama daripada JKR untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan pendawaian elektrik memandangkan JAIS sendiri tiada mempunyai kepakaran untuk melaksanakan skop tersebut dan

kita akan buat Audit kepada semua masjid-masjid terutama berkaitan dengan soal-soal keselamatan termasuklah pendawaian ini adalah satu saya kira sangat penting. Teratai membangkitkan berkaitan dengan kos SAR Cheras buat masa ini tiada peruntukan diuntukkan untuk sekolah agama swasta ya, yang kita ada hanya tekankan kepada sekolah-sekolah agama kerajaan. Terima kasih.

**Y.B. PUAN TIEW WAY KENG :** Mohon mencelah. Terima kasih Tuan Speaker. Soalan semalam saya kepada Y.B. EXCO adalah berkenaan dengan permohonan peruntukan daripada Sekolah Agama Rakyat Kg. Cheras Baru bukan Cheras, Kg. Cheras Baru yang mana sekarang terdapat kekurangan bilik darjah sehingga bilik guru dijadikan sebagai bilik dan guru-guru terpaksa mengorbankan diri supaya pelajar-pelajar dapat belajar dalam lebih selesai. Apa yang berlaku ialah semakin ramai pelajar yang belajar di sekolah agama rakyat berkenaan permintaan yang sama pernah dikemukakan sebelum ini. Jadi saya mengharap Y.B. EXCO dapat mengambil berat atas permohonan ini. Terima kasih.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Teratai. Saya kira peruntukan Sekolah Agama Rakyat semalam telah dijawab oleh Y.B. Seri Setia peruntukan RM6 juta yang diuntukkan. Y.B. Teratai boleh memohon melalui Seri Setia. Saya kira itu beberapa perkara yang dibangkitkan yang saya perlu jawab. Terima kasih.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI :** Tuan Speaker. Boleh tak saya tanya kepada EXCO yang tadi Jawatankuasa Khas atau *task force* yang saya sebutkan. Adakah ia melibatkan Aset KTM tanah Aset KTM B di mana ia juga berada di kawasan kampung. Contoh di Telok Gadung. Kedua di Kg. Jawa.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Saya kira untuk pembangunan atau penyelenggaraan jalan ini perlu mendapat kebenaran juga tidak kira siapa tuan punya. Kalau tuan punya KTM kita perlu memohon kebenaran daripada KTM. Cuma

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI :** Soalan saya ialah adakah semua jawatankuasa dan agensi kerajaan yang perlu untuk menyelesaikan masalah-masalah di kampung ini dimasukkan di dalam jawatankuasa ini?.

**Y.B. DATO' Dr. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Kira tidak ada keperluan untuk semua agensi kerajaan yang terlibat dalam jawatankuasa tersebut. Terima kasih.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG :** Soalan tambahan.

**TUAN SPEAKER :** Ya Kuala Kubu Baharu.

**Y.B. PUAN LEE KEE HIONG :** Yang Berhormat tadi jawab fasal ramai Ahli Yang Berhormat bertanya berkenaan dengan Adat Melayu dan Warisan. Sebenarnya saya

ada bertanya tapi hanya kalau *you* tengok bawah peruntukan Adat Melayu dan Warisan itu peruntukannya sangat kecil sahaja. Semua projek ini disenaraikan tetapi tidak dilaksanakan dalam tahun 2016. Yang macam Muzium daerah-daerah tahun lepas ada RM350,000.00 tahun ini RM10 token sahaja. Mengapa berlaku macam ini?.

**Y.B. DATO' Dr. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Terima kasih Kuala Kubu Baharu. Untuk Muzium sebenarnya kita ada beberapa lagi projek yang sepatutnya kita lakukan pada tahun ini ya. Dan berlaku kelewatan antara yang saya sebutkan tadi projek-projek yang kita lakukan perlu persiapan awal melalui Jabatan Kerja Raya dan peruntukan-peruntukan itu masih ada lagi. Dan *Insya-Allah* kita akan lakukan projek-projek itu pada tahun ini dan *Insya-Allah* pada tahun 2017 kita akan rancang pembangunan terutamanya berkaitan dengan Muzium-muzium daerah dan juga beberapa perkara pembangunan yang juga melibatkan pembangunan di bawah Adat Melayu dan Warisan yang kita akan rancang pada tahun akan datang.

**Y.B. TIEW WAY KENG :** Tuan Speaker satu soalan belum jawab lagi. Saya ingin minta penjelasan daripada Y.B. EXCO tentang Masjid Nurul Syuhadah satu-satunya masjid di DUN Teratai. Terima kasih.

**Y.B. DATO' DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI :** Cik Nurul Saadah maaf ya. Permohonan ini kita akan teliti dan kita akan pertimbangkan mengikut keutamaan daripada daerah dan juga di peringkat itu sendiri. *Insya-Allah* kalau kita rasa itu antara *priority* kita akan masukkan *priority* dalam akan datang.

**TUAN SPEAKER :** Seri Kembangan 10 minit cukup.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH :** Terima kasih Tuan Speaker. Saya harap cukup. Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang menyentuh tentang isu kerajaan tempatan. Pertama sekali saya menjawab isu yang dibangkitkan oleh Balakong tentang cadangan jalan automotif dari Bandar Sg. Long ke Cheras Selatan. Untuk makluman Yang Berhormat pihak MPKj telah pun melantik perunding dan menjalankan kajian terperinci dan berdasarkan cadangan ia melibatkan 2 komponen yang perlu dilaksanakan.

1. Lencongan jalan trafik dari arah lebuh Raya Cheras – Kajang
2. Pembinaan Radia Kate Rim Out dari Bandar Sg. Long ke Lebuh Raya SUKE

Dan kos anggaran untuk melaksanakan projek ini ialah berjumlah lebih kurang RM19 juta. MPKj memang menghadapi masalah tentang kewangan dan akan membuat satu kertas kerja kepada Kerajaan Negeri untuk pertimbangan Kerajaan Negeri. Dan isu kedua yang dibangkitkan oleh Balakong ialah tentang isu banjir di Baru Balakong. Adakah pihak yang menyebabkan isu banjir ini telah dihukum.

Untuk makluman Yang Berhormat MPKj telah mengeluarkan notis dan kompaun kepada pemaju yang terlibat iaitu One An Merry Sdn Bhd. Kompaun telah dikeluarkan adalah berjumlah RM250,000 dikeluarkan pada 19 November baru-baru ini tahun ini. Dan saya ingin menjawab isu yang dibangkitkan oleh Kinrara tenang cadangan untuk mengadakan satu sistem aduan X yang boleh diguna melalui Smart phone. Untuk makluman Yang Berhormat satu projek prestij X aduan iaitu myklin city telah dilaksanakan pada tahun ini dengan kerjasama *sentral came rokresion two rezim* dengan MPPJ. Memang ada hasrat bagi Kerajaan Negeri untuk panjangkan sistem ini kepada semua PBT-PBT. Dan juga untuk menjawab Y.B. Hulu Kelang tentang Projek Padang Cergas ya. Projek ini masih diteruskan dan setiap PBT dipertanggungjawabkan untuk membina 2 sekurang-kurangnya 2 padang cergas setiap tahun. Dan juga Program Tong Sampah, Projek Tong Sampah percuma juga akan diteruskan untuk tahun depan dan sebanyak RM1.1 juta telah disediakan untuk projek ini.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Tertinggal medan selesa.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH :** Medan selesa PBT boleh memohon kepada Kerajaan Negeri melalui UPEN dan kita telah menyediakan sejumlah RM4.5 juta untuk kemudahan asas bagi PBT ini kita boleh bantu ya. Untuk menjawab soalan daripada Rawang tentang isu pasar awam. Untuk makluman Yang Berhormat MPS pada dasarnya bersetuju untuk menaik taraf pasar moden Pekan Rawang dan juga pasar awam Centre Home dan juga Seksyen PBT UPEN juga bersedia bantu dari segi kewangan. Dan juga berkenaan *Time Okoremim* yang dicadangkan oleh Y.B. Rawang, MPS akan membuat kesesuaian tapak. Dan pertama sekali isu rizab tanah perlu diselesaikan dan saya cadangkan kepada Y.B. Rawang supaya terus menghubungi MPS tentang isu ini *follow up* dengan MPS. Untuk kita sama-sama jayakan cadangan ini. Itu sahaja Tuan Speaker. Sekian, terima kasih.

**TUAN SPEAKER :** Cempaka.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah membangkitkan banyak perkara tentang perumahan. Saya ingin menjawab tentang persoalan yang telah dibangkitkan oleh Bukit Gasing tentang reka bentuk rumah supaya ianya tidak perlu tidak memerlukan *maintenance* ataupun penyelenggaraan yang tinggi, kos penyelenggaraan yang tinggi. Perkara ini sedang dilakukan secara *progressively* bermakna bahawa di peringkat Kerajaan Negeri kita ada satu Jawatankuasa yang bernama KORSEL yang melihat tentang kualiti-kualiti Rumah Selangorku. Selain itu, Jawatankuasa ini juga akan melihat ataupun meneliti akan *design* atau reka bentuk secara terperinci akan Rumah-rumah Selangorku yang dibina yang akan dibina untuk memastikan bahawa ia tidak akan mendatangkan masalah kepada pemilik-pemilik yang akan datang.

Seperkara lagi yang telah dibangkitkan adalah tentang sama ada jalan-jalan perlu diserahkan kepada Pihak Berkuasa Tempatan atau diselenggarakan sendiri oleh JMB ataupun MC. Perkara ini ada dua, kita boleh melihatnya dari dua *perspectives*. Sebab terdapat JMB ataupun MC yang ingin menyelenggarakan kawasan mereka oleh sebab mereka ada *control* atau kawalan ke atas kawasan mereka. Apabila mereka tidak menyerahkan ataupun apabila pembangunan itu tidak menyerahkan jalan-jalan atau infrastruktur kepada PBT ini bermakna mereka boleh menghalang orang daripada masuk ke dalam pembangunan mereka. Jadi bermakna bahawa Kerajaan Negeri perlu memikirkan secara *detail* perkara ini oleh kerana..

**TUAN SPEAKER :** Yang Berhormat Cempaka boleh kuat sikit.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Oleh kerana sekiranya diserahkan kepada dah hari *second last* ni. Oleh kerana jika diserahkan kepada PBT bermakna orang luar bebas keluar dan masuk ke dalam kawasan tersebut. Tetapi kalau tidak diserahkan kepada PBT, JMB boleh halang sesiapa untuk masuk sebab ada kes di mana pembangunan itu dijadikan sebagai jalan pintas atau *shortcut* oleh orang-orang luar. Jadi dalam kes tersebut apabila ia adalah diselenggara oleh JMB bermakna bahawa pihak JMB atau MC boleh halang. Jadi bermakna Kerajaan Negeri perlu membuat satu kajian yang terperinci sebab ada dua pandangan, tapi masalahnya ialah sekiranya tidak diserahkan kepada PBT, bermakna bahawa JMB atau MC akan menanggung akan kos baik pulih. Pada Sidang yang lepas kita ada membangkitkan tentang isu ataupun Kerajaan Negeri telah bersetuju melihat kaedah di mana Kerajaan Negeri sendiri iaitu PBT akan menyenggara jalan-jalan dan infrastruktur di rumah-rumah kos rendah atau pangsapuri kos rendah dan kita dah dapat satu formula dan akan dilaksanakan pada tahun hadapan di mana pihak PBT akan menggunakan pihak PBT akan menggunakan bajet infrastruktur mereka untuk membaik pulih atau menyenggara di dalam kawasan pangsapuri kos rendah. Kemudian Kerajaan Negeri akan *reimburse* daripada duit Kerajaan Negeri daripada dana Kerajaan Negeri kepada PBT tersebut. Jadi PBT akan buat baik pulih di dalam kawasan-kawasan pangsapuri kos rendah ini menggunakan bajet infrastruktur tetapi kemudiannya Kerajaan Negeri akan *reimburse* pihak PBT. Jadi bermaknanya masih boleh dilakukan akan baik pulih di dalam kawasan pangsapuri kos rendah oleh PBT. Terima kasih.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** Nak tanya berkenaan apa yang baru diberitahu itu satu berita yang sangat baik. Ada tak peruntukan, *I mean* berapa juta yang diperuntukkan untuk tujuan ini untuk membaiki *infra* di kawasan *flat* kos rendah?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Sebenarnya kami ataupun pihak Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor telah mengarahkan kepada semua PBT untuk mengemukakan akan kawasan pangsapuri yang memerlukan baik pulih dan juga saya telah menerima banyak akan permohonan daripada Ahli-ahli Yang

Berhormat sekalian akan tempat-tempat yang untuk di baik pulih tapi kalau kesemuanya kita hendak baik pulih dia punya jumlahnya adalah hampir RM100juta. Tapi saya rasa kita tidak akan dapat RM100 juta tapi yang ini kita perlu pergi atau perlu mengadakan perbincangan dengan pihak PBT dan juga kita perlu pilih pangapuri yang amat memerlukan. Jadi bermakna ini kita akan laksanakan.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Berapa juta diperlukan untuk tahun depan?

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Belum lagi, belum ada. Saya ada permohonan tetapi ya la makna perlu kita bincang secara *detail* sekali tapi kita ada dia punya *figure* yang lebih daripada RM100 juta tapi kita mungkin tidak akan dapat RM100 juta la.

**TUAN SPEAKER** : Yang Berhormat Cempaka, Batu Tiga dan Balakong, mana satu dulu? Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL** : Terima kasih Tuan Speaker. Terima kasih. Saya ingin bertanya ataupun ingin memohon penjelasan sahaja. Apakah program ini hanya untuk pangapuri kos rendah atau pun kos rendah sederhana juga termasuk dalam program ini.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Yang kita telah dapat makluman adalah untuk kos rendah sahaja.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE** : Minta penjelasan sikit. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO seperti mana yang kita difahamkan sebelum ini bahawa tempat-tempat ni yang dinamakan sebagai *common area* memang di bawah tanggungjawab JMB ataupun pemilik sendiri. Jadi apakah perbezaan dengan cara yang akan digunakan PBT baiki buat dulu projek tu dan duit akan di *reimburse* oleh Kerajaan Negeri, apakah perbezaannya sebab saya nampak dia tak ada apa-apa perbezaan dan kalau boleh dibuat dengan cara ni infrastruktur yang lain juga mungkin boleh dibaiki dengan cara yang sama juga. Terima kasih.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD** : Ini adalah sehubungan daripada keputusan kita untuk menggunakan duit MARRIS. Kita tak boleh menggunakan duit MARRIS dalam kawasan JMB, jadi ianya berbeza sebab PBT akan membaik pulih dalam kawasan *common area* iaitu jalan, infrastruktur seperti mana yang selalunya dilakukan di jalan-jalan MARRIS di luar tapi guna duit PBT lepas tu kemudian pihak Kerajaan Negeri akan *reimburse* PBT. Jadi bermakna ada duit yang akan turun dari Kerajaan Negeri. Dia tak pergi *direct* tetapi dia akan pergi kepada dia akan pergi kepada PBT.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE :** Jadi sekiranya begitu adakah boleh semua Ahli Yang Berhormat meminta supaya PBT membaiki infrastruktur yang lain dan Kerajaan Negeri *reimburse* dengan dana Kerajaan Negeri untuk infra yang lain. Terima kasih.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Dia panjang, dia *complicated* sikit sebab dana tu sebab kita ada peraturan-peraturan yang perlu kita patuh daripada segi MARRIS jadi bermakna saya rasa kebanyakan Yang Berhormat -Yang Berhormat telah hantar akan senarai kawasan-kawasan rumah kos rendah yang hendak di baik pulih. Jadi kita akan berdasarkan kepada senarai tersebut dan juga kita akan berdasarkan kepada pemerhatian PBT.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN :** Nak minta penjelasan. Apakah keutamaan di antara semua senarai yang dihantar oleh banyak YB sekalian, apakah kriteria-kriteria dalam memilih siapakah yang mendapat *priority* untuk membaik pulih jalan-jalan.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Dalam kita kalau kita ambil daripada CERIA apa yang kita lakukan kepada CERIA kriteria utama ialah *life threatening* bermakna bahawa mengancam nyawa kalau tak, itu yang pertama lah mengancam nyawa bukan untuk cantikkan atau pun bukan untuk *ecstatic purposes*.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN :** Tetapi tiada satu peruntukan *target* seperti apa yang dikatakan oleh ADUN Bukit Gasing. So kita memang tak ada untuk sebagai contoh RM 5 juta setahun *then* mengikut *priority* so kita sekarang pun tidak ada peruntukan yang spesifik atau pun *target* yang kita nak *spend* so macam mana kita boleh dapat membaik pulih. Saya memang tidak tahu apakah *target* dan pelan.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** *Target* saya tahun lepas RM50 juta tapi kita tak cukup. Kita tak ada RM50 juta, itu masalahnya jadi kita terpaksa.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN :** Berapa yang kita ada? Soalannya berapa yang kita ada so semua ADUN boleh merebutnya untuk mendapatkan.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Berdasarkan kepada PBT, sebab saya pun tak tahu berapa yang PBT ada tapi bermakna bahawa kita sekarang ini ada kaedah, kaedahnya kita akan gunakan PBT dan kita akan *reimburse* PBT balik.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Mohon mencelah.

**TUAN SPEAKER :** Cempaka, Batu Tiga dulu dah lama berdiri.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Saya hanya ingin menyambung apa yang disebut oleh Pandamaran berkaitan dengan dasar...oh *sorry* Balakong. Tentang dasar kalau kita katakan hanya maknanya kalau kita ada dasar di bawah Kerajaan Negeri jalan-jalan persendirian boleh dimohon untuk dibuat digunakan penggunaan

MARRIS untuk baik pulih apakah mungkin bawah JMB pun dikatakan *common area* ini adalah persendirian juga, apakah Kerajaan mempertimbangkan jika ada permohonan boleh diberikan jadi tidak lah perlu kos rendah diberi perhatian tetapi kos sederhana rendah saya nampak juga amat memerlukan bantuan daripada pihak Kerajaan disebabkan isu JMB atau MC yang tidak upaya ini menyebabkan kawasan perumahan ini begitu usang dan uzur teruk sangat untuk dilaksanakan. Jadi saya mohon supaya Kerajaan juga menyeragamkan di bawah MARRIS, di bawah luar bandar boleh kalau ada permohonan daripada pihak penduduk begitu juga di bawah JMB di bawah JMB boleh kalau di bawah mereka memohon di bawah MARRIS dengan syarat mereka memberi laluan ataupun memberi persetujuan untuk perkara ini dilakukan. Terima kasih.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Pihak Kerajaan Negeri akan mengkaji sama ada untuk melebarkan permohonan ini ataupun skim ini kepada rumah kos sederhana rendah.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN :** *Last* mencelah, saya rasa isu ini di mana-mana *public policy* memang ada *pro and con* kepada mana-mana cadangan seperti mana Yang Berhormat EXCO tadi berkata kalau kita nak menyerah semua *common area* kepada Kerajaan Negeri jadi JMB tak mengawal jalan raya, padang, dewan dan sebaginya, ada *pro and con* nya seperti satu kelemahan dia tak boleh mengawal orang luar daripada masuk kawasan tetapi beban untuk menyenggara bukan di atas MC tetapi beban untuk menyenggara di atas PBT dan apa yang saya lihat tadi daripada Batu Tiga, Balakong, Damansara Utama memang *back log* untuk isu-isu penyelenggaraan di *flat* kos rendah cukup banyak dan saya fikir untuk bergerak ke hadapan kita perlu satu sistem untuk *lower middle income* dan untuk orang miskin, *more for the bottom 40%* bukan rumah kos bebas, rumah mewah. *Those* kita boleh *continue* dengan sistem *strata* sedia ada, dia boleh ada *private road, private garden* sebagainya tetapi untuk Rumah Selangorku supaya masalah ini tidak berulang 5 tahun, 10 tahun, 20 tahun daripada sekarang, di mana ADUN – ADUN masa depan akan berdiri di sini dan kata Rumah Selangorku di kawasan saya perlu diturap semula jalan-jalan dia. Jadi saya nak mencadangkan saya harap Kerajaan Negeri mengambil serius cadangan ini supaya setiap Rumah Selangorku diberi *Block Title* sahaja dan di luar daripada blok kawasan tempat letak kereta, jalan-jalan, kawasan hijau, padang rekreasi dan sebagainya dalam pembangunan tersebut semuanya diserahkan kepada Kerajaan Negeri dan PBT mengambil tanggungjawab untuk menyenggara kemudahan-kemudahan tersebut. Ini bukan satu perkara luar biasa perkara ini telah dibuat untuk beberapa flat PKNS yang dibangunkan sebelum ini seperti di kawasan Seksyen 17, saya punya kawasan, dia *Block Title* sahaja jadi dia banyak kawasan yang luar tu diselenggara oleh pihak MBPJ dan bukan oleh MC. Jadi ini bukan satu perkara baru, memang pernah dibuat oleh Kerajaan Negeri sebelum ini. Jadi saya harap boleh diberi pertimbangan demi pemilik Rumah Selangorku mempunyai kos penyelenggaraan yang munasabah yang paling rendah di satu jangka masa panjang akan datang.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD :** Terima kasih Bukit Gasing. Pihak Kerajaan Negeri akan mengkaji memang betul bahawa sekarang ini semua rumah-rumah berstrata PKNS dia *surrender* atau dia serah selepas *perimeter drain* tetapi kalau rumah-rumah yang lain dia akan serah di luar kawasannya tapi memang seperti yang saya katakan ada *pro and con* di mana ada penduduk yang begitu possessive yang tak mahu orang masuk langsung atau guna kemudahan tapi Kerajaan Negeri akan membuat satu polisi yang jelas selepas ini.

Keduanya adalah Permatang telah membangkitkan tentang supaya Kerajaan Negeri memberi tumpuan kepada kawasan-kawasan luar bandar jadi *Insya-Allah* perkara ini akan dilihat kembali, akan penempatan ataupun Rumah Selangorku yang dibina di kawasan-kawasan luar bandar tapi untuk makluman Permatang Yang Berhormat, bahawa Kerajaan Negeri juga ada mengkaji akan Skim Pembesaran Kampung yang pernah dilaksanakan dulu sama ada skim ini boleh dilaksanakan kembali tetapi dengan kawalan yang lebih ketat lagi supaya tidak berlaku projek-projek terbengkalai. Jadi bermakna yang ini di bawah Yang Berhormat Sijangkang akan melihat sama ada pembesaran kampung ini *viable* dan boleh kita hidupkan semula tetapi dengan kawalan yang lebih ketat lagi. Berkenaan dengan isu kawasan hijau iaitu pihak JPBD Negeri Selangor sedang menjalankan satu Kajian Jaringan Hijau dan mengenal pasti satu *hotspot* kawasan lapang bagi seluruh Negeri Selangor. Kaji ini akan diteruskan pada tahun 2016 dengan menentukan pelan tindakan bagi jaringan hijau dan *hotspot* kawasan lapang. Jadi bermakna bahawa akan diadakan satu kajian dan inventori tentang kawasan-kawasan lapang yang ada sekarang ini sama ada ianya digunakan atau tidak atau pun sama ada ianya diwartakan atau tidak. Atau pun terdapat kawasan-kawasan yang digunakan sebagai kawasan rekreasi oleh penduduk tapi sebenarnya ianya bukan kawasan lapang adalah hak milik individu. Ini akan dilakukan oleh pihak JPBD atau pun Jawatankuasa Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor yang akan melakukan kajian di bawah Peruntukan P.K. 3 iaitu Projek Khas Rancangan. Setelah dibangkitkan juga oleh Batu Tiga, terima kasih iaitu tentang program-program kehidupan bandar. Kehidupan bandar ini adalah satu STANDCO yang baru atau pun Jawatankuasa Tetap yang baru untuk menggantikan sebelum itu setinggan ditukarkan ke peneroka bandar, sekarang lebih luas lagi kita pergi kepada kehidupan bandar. Persoalannya adalah peruntukan sebanyak RM3 juta untuk kehidupan bandar. Apakah program-program tersebut, di antaranya program-programnya adalah saya sebutkan satu demi satu sebelum saya pergi kepada secara terperinci. Yang pertamanya adalah Kelab Interaktif Komuniti iaitu sebanyak RM200,000.00, iaitu Seroja Skim Prasarana Pangrupi sebanyak RM600,000.00, Format Kurikulum Pengurusan Bangunan dan Strata Fokus iaitu RM495,000.00, Kes Bestari sebanyak RM300,000.00, Kes Skuad Memperdaya Komuniti iaitu sebanyak RM100,00.00, Laman Hijau sebanyak RM100,000.00, Sekolah iaitu Skim Pengenalan Pengurusan Strata sebanyak RM200,000.00, K Smart atau pun Smart Knowledge Komuniti iaitu sebanyak RM905,000, jumlah keseluruhan sebanyak RM3 juta.

Program pertama iaitu Kelab Interaktif Komuniti adalah satu program yang dihasilkan berdasarkan pada pengalaman kita sebelum ini di mana kita nak mengubah mereka yang duduk di pembangunan berstrata dan juga di kawasan-kawasan yang bersekitaran. Kita pada asalnya kita telah membuat satu kempen secara menyeluruh ada dua kempen iaitu kempen anti vandalisme dan juga kempen bersih, ceria dan harmoni. Apa yang berlaku bahawa kita tidak ada fokus, kita terus kepada penduduk dan masalahnya kempen ini kita tidak dapat mengubah banyak di kalangan masyarakat atau pun anggota masyarakat. Jadi kempen untuk Kelab Interaktif Komuniti ini adalah kita fokus kepada remaja mengharapkan bahawa remaja ini akan menjadi ejen perubahan bermaknanya mereka ini akan jadi *future GMB*, *future MC* dan *target* kita pada tahun 2016. Tahun 2016 adalah sebanyak 20 kawasan dan setiap kawasan itu kita ada 20 orang remaja yang akan menjadi penggerak komuniti. Tahun ini kita dalam proses untuk mendapat 20 kawasan. Jadi bermakna bahawa saya mengharapkan kepada Yang Berhormat Sekalian kalau boleh menamakan kawasan-kawasan pangsapuri yang difikirkan layak untuk menyertai skim Kelab Interaktif Komuniti ini. Yang kedua adalah skim seroja iaitu skim kejiranan Pangsapuri iaitu pada asalnya skim ini sama seperti Rukun Tetangga, bukan kita nak *challenge* nak bersaing dengan Rukun Tetangga tetapi Program Seroja ini adalah Rukun Tetangga Kerajaan Negeri la adalah dilaksanakan di kawasan-kawasan pangsapuri dan pada asalnya kita fokus hanya kepada apa yang dipanggil sebagai ronda-rondaan tetapi sekarang ini kita akan membenarkan, kita akan tambah peruntukan membenarkan kawasan kejiranan komuniti ini supaya mereka boleh memasang CCTV. Bermakna sekarang mereka boleh meronda daripada pejabat mereka selain daripada rondaan biasa. Sekarang ini kita pakai, kita guna teknologi untuk rondaan mungkin kawasan besar, mungkin kita akan gunakan *drone* untuk buat rondaan mungkin kita, ini adalah teknologi-teknologi yang baru yang perlu kita buat jadi kita benarkan CCTV dengan kos sebanyak RM5,000 setiap kawasan dan tahun ini kita telah dapat ke 38 kawasan dan *target* tahun ini 50 kawasan dan tahun hadapan ada 50 kawasan lagi. Bermakna bahawa saya memohon kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat Sekalian boleh mengemukakan nama-nama pangsapuri-pangsapuri untuk menyertai skim Seroja ini. Yang kedua, yang ketiga adalah sebanyak RM495,000 adalah format kokurikulum pengurusan bangunan. Yang ini seperti mana yang ada Yang Berhormat bertanya bahawa kita bagaimana dengan JMB dan MC ini, adakah kita lepas kan begitu sahaja? Jadi kita ada satu program iaitu format kokurikulum pengurusan bangunan di mana pada tahun hadapan, kita *target* setiap PBT ada 3 CD kursus bermakna kita ada 33 siri kursus, 3 bagi setiap PBT ini kita nak bagi *training* atau pendedahan kepada JMB-JMB dan MC-MC. Jadi bermakna Kerajaan Negeri tak melepaskan JMB dan MC itu begitu sahaja tetapi kita kena bagi mereka *training* macam mana nak menguruskan kewangan, menguruskan manusia dan menguruskan kawasan mereka.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Mencelah, mohon mencelah.

**TUAN SPEAKER : Ya.**

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih, saya nak bertanya tentang program format kokurikulum pengurusan bangunan ini. Apakah nanti ada satu syarat baru bahawa mereka hanya melalui atau mengikuti program-program ini sahaja boleh dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa MC atau JMB di kawasan sebab tak guna kita latih tapi akhirnya orang yang dilatih itu tidak dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa, orang lain pula baru yang dilantik, jadi saya nak bertanya sama ada ia, saya nak bertanya pada Kerajaan perlu apakah keperluan untuk mensyaratkan, mereka yang telah melalui kokurikulum pengurusan ini sahaja yang boleh dilantik untuk menjadi Ahli Jawatankuasa MC atau pun JMB di kawasan supaya isu-isu ini nanti tidak berulang dan berulang semula, terima kasih.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Boleh kajilah sama ada untuk menetapkan syarat itu tapi mungkin kalau sama ada ia bertentang atau tidak dengan Akta 57 di segi pelantikan JMB dan MC. Walau bagaimanapun terima kasih kepada Yang Berhormat kita boleh kita akan kaji sama ada ini akan dilaksanakan praktikal atau tidak tetapi apa yang kita boleh buat sekarang adalah bahawa hanya kawasan atau mereka yang melalui fokus ini JMB dan MC ini yang melalui fokus sini akan kita dahulukan dari segi peruntukan-peruntukan seperti ceria dan sebagainya. Dan seterusnya adalah kita ada juga program yang melibatkan 84 kawasan itu K Star, itu benar penerapan Bestari yang mana ini program untuk JMB dan MC yang terbaik di mana kita lihat dari segi pentadbiran, program komuniti dari segi perkara-perkara lain jadi bermakna kita ada program K Star, kemudian kita ada kes iaitu memperdayakan komuniti. Yang ini adalah kebanyakan skim fokus kita adalah kita nak membimbing akan JMB dan MC ini adalah untuk menguruskan kawasan mereka dengan baik, sebab sekarang masalah ini tak ada orang nak jadi JMB, tak ada orang nak jadi MC sebab mereka takut. Jadi Kerajaan Negeri perlu ada program-program ini untuk meyakinkan bahawa dia boleh menjadi JMB, dia boleh menjadi MC.

Yang keenam adalah Laman Hijau, Laman Hijau ini seperti mana tahun 70an kita buat bumi hijau program menanam iaitu kita ada bantuan peralatan menanam, kerja-kerja tanah dan sebagainya. Yang ini kita ada 20 kawasan juga terpulang kepada kita tengok kepada permohonan-permohonan. Yang seterusnya adalah Sekolah, iaitu skim pengenalan pengurusan strata iaitu program pendidikan berserata tinggal di rumah berserata yang diadakan bersama pelajar-pelajar sekolah. Yang ini alhamdulillah kita telah berjaya masuk ke dalam Sekolah-sekolah pihak Lembaga Perumahan Hartanah Selangor dan telah memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar Sekolah ini dan kehidupan rumah berserata komuniti dan seterusnya.

Yang kelapan yang terakhir adalah program K Smart atau *Smart Knowledge communities* iaitu kita dia bukan Perpustakaan penggerak tetapi ianya adalah van yang boleh pergi ke sebuah kawasan sebagai pencetus aktiviti iaitu program

motivasi ini baru belum lagi kita laksanakan. Tahun depan akan laksanakan program motivasi bacaan dan komuniti interaksi. Kenapa kita fikir sedemikian adalah sebelum ini kita habiskan duit banyak untuk buat perpustakaan komuniti atau pun perpustakaan di kawasan pangaspuri tetapi masalahnya dua. Yang pertama bahawa kalau kita buat satu maka ianya ada di situ sahaja, kita boleh buat program macam-macam ianya ada di situ dan tak boleh berkongsi dengan tempat lain. Yang kedua adalah kawasan-kawasan yang tidak ada kawasan lapang langsung untuk kita wujudkan perpustakaan komuniti. Oleh kerana yang demikian, kita memikirkan kenapa kita tidak adakan pusat komuniti atau pusat aktiviti yang bergerak. Jadi yang ini saya telah mengadakan perbincangan dengan pihak, walau bagaimananya ia pun berbeza langsung, ianya bukan perpustakaan seperti mana pihak .... kalau tidak kita akan *overlap* kerja-kerja kita tetapi ini fokus kepada pembinaan komuniti dan juga program-program komuniti yang akan kita buat daripada tempat ke tempat, terima kasih ucapan kepada Yang Berhormat sekalian.

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA :** Sebab saya juga ada bangkitkan perkara berkaitan kekurangan wang untuk anak-anak beraktiviti. Saya setuju dengan program yang disenaraikan sebentar tadi tetapi tidak ada ruang dan EXCO sendiri mengakui bahawa tidak ada ruang kawasan lapang untuk berekreasi, terpaksa buat program komuniti bergerak yang disebutkan tadi. Jadi saya yang mencadangkan supaya ada diberi ruang atau pun satu unit untuk mereka jadikan tukarkan dia jadi satu tempat bersama maknanya apa-apa aktiviti contohnya untuk aktiviti kemasyarakatan dia berfungsi sebagai Dewan. Jadi kebanyakan blok ini memang tidak ada kemudahan tersebut.

**Y.B. DATO' ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD:** Yang Berhormat kita akan *study* kan benda ini sebab kita boleh *convert* kawasan-kawasan contohnya kita nak *convert* kawasan tempat letak kereta dan kita Cuma *break up* sahaja, tempat letak motosikal kita *break up* untuk dijadikan kawasan atau pun pusat komuniti atau pusat aktiviti-aktiviti untuk pelajar-pelajar. Terima kasih atas komen Yang Berhormat, *Insya-Allah* kita akan kaji dan kita akan lihat pelaksanaannya. Jadi terima kasih saya ucapan .....

**TUAN SPEAKER :** Taman Templer.

**Y.B. TUAN ZAIDI BIN ABDUL TALIB :** Tuan Speaker dan saya ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Dewan yang telah pun mengambil bahagian dalam membahaskan berkaitan dengan anggaran Belanjawan Pembangunan, khususnya yang melibatkan portfolio Infrastruktur dan Kemudahan Awam Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani. Dan hasil daripada penelitian saya permasalahan yang dibangkitkan telah pun berada dalam pengetahuan dan juga tindakan pihak Jabatan-jabatan yang terbabit. Berkaitan P.12 Jabatan Kerja Raya saya ingin menyentuh berkenaan dengan apa yang dibangkitkan oleh DUN Rawang, sebenarnya mungkin ada isu-isu yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Dewan yang lain

mungkin secara pintas lalu saya akan beri maklum balas yang selebihnya mungkin akan boleh diberikan secara *detail* bertulis. Rawang ada membangkitkan berkenaan dengan kepentingan permasalahan lampu di FT 3209, B27 dan FT 01 peringkat pihak Kerajaan Negeri akan mengambil maklum dan melihat keperluan pemasangan lampu di jalan yang dimaksudkan. Berkaitan dengan menaiktarafkan Jalan B27 fasal 3 seperti mana yang telah pun diketahui disebut oleh Rawang ianya di bawah pemaju Mah Sing dan pihak Majlis Perbandaran Selayang, dipertanggungjawabkan untuk memastikan sumbangan atau pun naik taraf itu dilakukan dan pihak Kerajaan Negeri juga setuju dengan Rawang supaya Kerajaan Negeri juga mengambil bahagian untuk memastikan supaya tanggungjawab ini dapat disempurnakan. Berkenaan dengan Jalan B25 hasil semakan mendapati 900 meter sahaja jalan sebahagian jalan tersebut di bawah Jalan Negeri maka Kerajaan Negeri akan menggunakan peruntukan MARRIS untuk melakukan *resurface*.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Tuan Speaker, mohon penjelasan sedikit. Ada dua perkara yang pertama berkenaan B 27 itu ada tak telah disyaratkan bilakah pemaju Mah Sing akan jalankan naik taraf tersebut sebab sekarang naik taraf B 27 fasal 2 sedang rancak di jalankan atas tapak jadi kita jangkakan kalau tidak diselaraskan dia akan berlaku kesesakan di kawasan yang lain juga. Kedua berkenaan B 25 saya difahamkan sebenarnya telah diturap menggunakan peruntukan MARRIS kalau tak salah saya tetapi keperluannya dan adalah lebih kepada naik taraf di simpang yang masuk ke kawasan tersebut yang menghubungkan FT 3209 dan dengan B 25 ini jadi itu yang sebabnya saya mohon untuk dinaiktarafkan tetapi bukan diturap.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB:** Terima kasih Rawang, pihak saya akan membuat semakan khusus berkaitan dengan Jalan B 27 naik taraf untuk fasal 3 itu. Di sana adakah ada diletakkan tempoh dan sebagai yang telah pun di pertanggungjawabkan oleh Majlis Perbandaran Selayang. Begitu juga dengan B 25 naik taraf simpang yang merobohkan FT 3209 dan akan diberikan secara bertulis kepada Rawang. Kinrara membangkitkan berkenaan dengan rekod jejantas di jalan batu 7 ke batu 10. Untuk pengetahuan Kinrara Jabatan Kerja Raya telah masukkan dalam skop kontrak penyelenggaraan jangka panjang untuk tahun 2016 ke tahun 2020. Bagi Kota Damansara berkaitan dengan jejantas pejalan kaki di Jalan Pekan Subang berhampiran dengan Jalan Jati pihak Kerajaan Negeri melalui JKR akan segerakan pelaksanaan jejantas tersebut. Isu *railing* dipasang di tengah median disebabkan terdapat orang awam yang melintas di kawasan lintasan yang tidak sepatutnya, lintasan pejalan kaki secara *push button* telah disediakan tetapi tidak digunakan dengan sebaiknya oleh orang awam. Seterusnya Dengkil berkaitan dengan pemasangan lampu jalan juga di Taman Warisan Bestari Kota Warisan Kampung Sungai Buah Bukit Unggul dan sebagainya pihak Jabatan akan mengambil maklum dan akan buat kajian keperluan pemasangan lampu jalan. Kota Anggerik membangkitkan berkenaan dengan pembinaan *flyover* dari *Guthrie Corridor* ke Lebuh raya Persekutuan. Ianya sebenar adalah Jalan Persekutuan FT 3214 dan telah pun dimohon oleh JKR Selangor ke RMK 11 tetapi masih tidak

mendapat kelulusan. Selat Klang membangkitkan berkenaan Persimpangan di Sungai Udang juga berkaitan dengan pembinaan Jambatan Ke 3 Klang jalan yang dimaksudkan telah adalah merupakan lengongan sementara dan pihak jabatan akan memastikan segala prosedur bersedia di ikuti dan mengambil berat tentang prihatin dan Selat Klang di atas insiden-insiden yang telah berlaku di kawasan tersebut. Ijok membangkitkan berkenaan dengan pemasangan lampu jalan di desa dan kampung, perkara ini sangat menarik dan saya sendiri pun telah turun bersama dengan Ijok melihat apa yang dimaksudkan dengan pemasangan lampu jalan menggunakan jalan kaedah suria. Perkara tersebut akan diambil maklum oleh peringkat negeri dan akan dibincangkan di peringkat jawatankuasa yang mana yang sesuai untuk melihat perkara ini satu solusi yang cukup baik dan jejantas di Sekolah Menengah Kebangsaan Raja Muda Musa Jaya juga diambil maklum dan akan dibuat kajian dan dari sudut keperluan jejantas tersebut. Juga membangkitkan berkenaan dengan menaik taraf jalan dari bandar ke Pekan Ijok ini merupakan jalan Persekutuan FT 54 projek ini telah pun lulus dan Rancangan Malaysia Ke11 di bawah tajuk menaik taraf Jalan Kuala Selangor FT 54 dari Sungai Buloh ke Asam Jawa Daerah Kuala Selangor dengan kos projek berjumlah RM453.2 juta. Projek sedang dalam peringkat perolehan dan proses tender akan tutup pada 29 Disember 2015. Taman Medang membangkitkan persoalan jejantas di kawasan perumahan kos rendah dari PJS 1 ke Lebuh raya MPE ianya sebenarnya di bawah skop LLM or ROW. LLM dan pihak Kerajaan Negeri sedia untuk membantu Taman Medan untuk dengan LLM untuk mengatasi permasalahan yang dibangkitkan. DUN Teratai, Teratai membangkitkan dengan jejantas jalan kaki di Jalan Melati juga pihak Jabatan akan mengambil maklum untuk melihat ke atas keperluan pembinaan jejantas ini begitu juga dengan ...

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Minta celah.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Boleh.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI:** Terima kasih, Yang Berhormat EXCO sebab permintaan ini telah dikemukakan di mana JKR Hulu Langat telah membuat kajian dan telah dikemukakan semasa dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Daerah di sebelum ini. Jadi apa yang berlaku ini ialah pada ketika itu pihak JKR Hulu Langat tidak ada bajet jadi saya berharap memang Yang Berhormat EXCO Kerajaan Negeri Selangor dapat hanya memasukkan permohonan ini dalam Belanjawan 2016 ini, terima kasih.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Terima kasih atas keprihatinan Teratai. Pihak kerajaan mengambil berat tentang perkara ini dan dari sudut cadangan dikemukakan oleh Teratai. Kajang ada membangkitkan pelan supaya kerajaan memperhatikan memantau berkaitan dengan ke dalam pembinaan projek MRT dan sebenarnya di peringkat JKR Daerah permit kerja dan dapat syarat-syarat yang perlu dipatuhi dan sekiranya syarat-syarat tersebut dilanggar *stop order* boleh dikeluarkan. Saya mohon perhatian Ahli Dewan sekalian sekiranya ada projek-

projek pembangunan sebegini yang dicurigai akan menimbulkan bencana dan sebagainya boleh maklumkan kerana kita ada Jawatankuasa Banjir yang antara aktivitinya adalah yang kita akan beroperasi jadi tolong bisikan kepada pihak kerajaan untuk kita membuat operasi lumpuh ke atas projek-projek yang dikhuatiri akan melibatkan bencana. Kemudian akhir sekali DUN Sungai Air Tawar membangkitkan naik taraf Jalan B 46 begitu juga naik taraf Jalan Sekolah Integrasi juga diambil maklum dan akan dilihat secara detail berkenaan dengan cadangan tersebut.

Berkenaan dengan P 13 Jabatan Pengairan dan Saliran Dengkil membangkitkan banyak perkara masih sabar menunggu. Berkenaan dengan kerja tebatan banjir di Sungai Merab, Sungai Merab untuk pengetahuan Dengkil kerja-kerja kecemasan banjir yang berjaya kerja berkaitan mungkin sedang dilaksanakan dan kerja-kerja kecemasan pun telah pun akan selesai pada 31 November ini. Kerja-kerja naik taraf kolam takungan banjir di kolam Sungai Merab Tengah dan kerja-kerja lain berkaitan dengan Mukim Dengkil juga sedang dilaksanakan dan saya akan perlu semak sepatutnya siap pada 13 November dan kerja-kerja penyelenggaraan kolam takungan berbanjir kolam 1 serta kerja-kerja berkaitan di Kampung Sungai Merab Dengkil Sepang juga akan ada kerja sedemikian dilaksanakan dan akan berakhir pada 31 Disember 2015. Jadi banyak kerja-kerja sebenarnya telah pun dilakukan untuk mengatasi masalah-masalah banjir di Sungai Merab. Berkaitan dengan Sungai Meranti langkah-langkah pendek yang telah pun diambil melalui pelaksanaan kerja-kerja kecemasan antaranya ialah kerja-kerja kecemasan banjir Morib dengan bercuci utama kerja-kerja berkaitan di Masjid, Pulau Meranti juga dilaksanakan dan akan siap pada 26 November begitu juga dengan kerja-kerja naik taraf sistem saliran Kampung Meranti dijangkakan yang telah pun saya kira siap berjumlah RM2,300,000.00 maafkan saya RM230,000.00 ini akan dijangka siap 19 Oktober 2016. Damansara Utama membangkitkan persoalan dan peruntukan bagi Sungai Kayu Ara yang dipohon hampir 3 tahun. Sebenar perancangan bagi pelaksanaan RTB Sungai Kayu Ara memang pihak Jabatan di bawah RMK 11 namunnya akan dilaksanakan 2017 maka tidak di peruntukan untuk tahun 2016. Di bawah RMK 11 JPS memohon sebanyak RM5 juta bagi pelaksanaan projek tebatan banjir dan banjir Kampung Cempaka Sungai Kayu Ara. Bagi Ijok berkaitan dengan

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Nak minta penjelasan, adakah peruntukan RMK11 itu sudah *approved* dan adakah pasti tahun depan akan bermula sebab sudah 3 tahun kita memohon projek demikian.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Terima kasih Yang Berhormat Damansara Utama memang di bawah RMK 11 kita telah JPS telah membuat permohonan sebanyak RM5 juta dan dalam masa lagi masih dan *Insya-Allah* kita akan maklumkan secara bertulis kepada Damansara Utama. Berkenaan dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ijok peruntukan sebagaimana tertera dalam buku bajet adalah merupakan peruntukan yang difokuskan dilaksanakan tahun 2016.

Walau bagaimana pun kerja-kerja pembangunan saliran di daerah Kuala Selangor akan dilaksanakan bermula tahun 2017 dari sudut bajet pembangunan. Namun untuk tahun 2016 kerja-kerja penyelenggaraan parit saliran akan dilaksanakan seperti biasa. Seperti mana tahun 2015 peruntukan untuk parit saliran di Kuala Selangor sahaja berjumlah RM6.8 juta jadi kita jangkakan akan sama untuk tahun 2016. Bagi Dusun Tua berkaitan dengan projek tebatan banjir Sungai Serai projek tebatan banjir Sungai Serai akan dilaksanakan pada 25 November 2015 dengan tempoh masa prasarana selama 7 – 8 minggu dengan anggaran kos sebanyak RM4,600,000.00. Kota Damansara berkaitan dengan RTB Kampung Melayu Subang di Kampung Pelempas pihak jabatan mengambil maklum akan hari ini dan kerja-kerja tersebut akan dilaksanakan mengikut atur cara kontrak dan sebagaimana spesifikasi serta mengikut lukisan. Pembinaan kerja-kerja ini akan dan tender akan dipanggil seawal tahun 2016 dan Sungai Tawar membangkitkan soalan muara sungai kerana melayan masalah untuk ke laut terutama Air Cetek. Jabatan mengambil maklum isu ini kerja-kerja *outlet* bagi daerah Sungai Bernam termasuk dalam perancangan pelaksanaan oleh pihak JPS dengan peruntukan sebanyak RM1.5 juta bagi RMK11. Begitu juga dengan penstabilan sungai bagi tebing bagi sekitar tanah PKPS dan telah pun diruntuh yang dibangkitkan oleh sungai Pelaksanaan kerja-kerja penstabilan tebing ini adalah termasuk dalam skop kerja bagi pelaksanaan RTB Sabak Bernam dengan peruntukan sejumlah RM12 juta di bawah RMK11 dan yang akhir sekali Tanjong Sepat membangkitkan persoalan pembaikan tebing di Kampung Tumbuk. Pihak jabatan telah mengambil tindakan bagi sebahagian tebing yang dimaksudkan oleh Tanjong Sepat melalui pemasangan *tube* secara sebut harga dan masih terdapat 300 meter lagi tebing yang terdedah dengan hakisan yang tersebut yang akan dilaksanakan pada tahun 2016. Sedikit berkenaan dengan P.08 Jabatan Pertanian berhubung dengan permohonan Dusun Tua untuk mengantikan tanaman Durian yang telah tua. Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian bersedia untuk menimbaikan permohonan tersebut melalui peruntukan P.08 di bawah Pecahan P.K. 4 Pembangunan Tanaman Buah-buahan sejumlah RM1.3 juta sebenarnya telah di peruntukan untuk tahun 2016. Bagi tanaman durian dan tanaman buah-buahan kekal yang lain RM10,000 telah di peruntukan untuk membaiki kerja-kerja sistem kawasan, perparitan, sistem pengairan serta bekalan input pertanian termasuk bekalan benih bermutu di 197 durian Raja Kunyit dan juga Musang King. Beradu dengan aduan di keadaan mengenai bantuan yang dikatakan ada yang dapat ada yang tidak dapat dan sebagai. Pihak jabatan akan mengambil perhatian serius tentang perkara ini dan akan nama baik mutu perkhidmatan supaya semua golongan sasar dapat kita sentuh dengan berkesan. Berkenaan dengan isu kelapa matag yang dibangkitkan oleh Sungai Air Tawar memang diakui bekalan benih tersebut pada terhad kerana kelapa matag adalah merupakan *hybrid* yang agak sukar berbanding dengan pengeluaran benih biasa. Fungsi pengeluaran benih pada masa ini terletak di bawah bidang kuasa Jabatan Pertanian di peringkat Persekutuan. Namun Jabatan Pertanian di Selangor akan terus bekerjasama dengan peringkat Jabatan Pertanian Persekutuan bagi mendapatkan bekalan matag di mana pada tahun 2016

dijangkakan sebanyak RM10,000 biji benih matag akan dibekalkan untuk projek semula dan pemulihan di negeri Selangor dan akhir sekali P.17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Dusun Tua juga membangkitkan berkenaan dengan

**TUAN SPEAKER :** Taman Templer, jam sudah menunjukkan pukul 1.00 nanti kita bersambung.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** *Last sekali,*

**TUAN SPEAKER:** Ayat

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Ayat terakhir, saya pun tak tahu nak akhir macam mana. *Insya-Allah* Dusun Tua saya akan berikan jawapan ini secara bertulis kepada Dusun Tua okey, saya rasa itu sahaja, terima kasih kepada semua Ahli Dewan yang memberikan maklum balas yang baik.

**TUAN SPEAKER :** Baiklah jam sudah menunjukkan 1.00 petang maka saya tangguhkan sesi Dewan sehingga 2.30 petang hari ini. Dewan ditangguhkan.

**(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)**

( Dewan disambung semula )

(Tuan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Assalamualaikum dan selamat petang. Dewan disambung semula. Saya persilakan Pihak Kerajaan, Sungai Pinang.

**Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM :** Terima kasih Timbalan Tuan Speaker. Dan Timbalan Tuan Speaker, saya hanya ada beberapa maklumat yang perlu dikemas kini untuk maklumat Dewan yang mulia ini. Pada minggu lepas apabila saya membuat penggulungan, semasa membahaskan bajet bagi tahun 2016, saya telah pun memaklumkan dewan bahasa empat bengkel kerja akan diadakan bagi membincangkan Pelan Induk Pengangkutan Awam di mana laporan interennya telah pun siap dan telah pun dimaklumkan pada pihak kerajaan. Tetapi pada hari Isnin yang lalu, saya telah pun dimaklumkan oleh perunding berkenaan, bahawa untuk tujuan memudahkan perbincangan dan memastikan bahawa maklum balas daripada pihak semua pihak yang berkenaan dapat dibincangkan bersama. Maka bengkel tersebut daripada empat bengkel dia akan menjadikan satu bengkel sahaja. Di mana ia akan melibatkan semua jabatan teknikal daripada berbagai lapisan iaitu umpamanya Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa, JKR, PBT, SPAD, LLM, DBKL dan sebagainya. Dan bengkel ini juga akan melibatkan pemaju harta tanah utama kerana dalam perancangan bandar yang baru, ya sudah tentu melibatkan pemaju harta tanah yang utama di negeri Selangor ini. Sementara itu, satu sesi juga akan diadakan selepas itu untuk mengadakan perbincangan dengan Ahli Parlimen dan Ahli Dewan Undangan Negeri. Bagi memperoleh maklum balas daripada wakil rakyat yang sudah tentu memahami keadaan di bawah. Itu adalah berkenaan dengan Pelan Induk Pengangkutan Awam. Yang keduanya, yang telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Gasing iaitu Pelan Induk untuk Kawasan Hijau sesungguhnya kita mempunyai garis panduan yang telah pun disediakan oleh Jabatan Perancang Bandar Dan Desa. Sementara itu, pelaksanaannya adalah di Pihak Berkuasa Tempatan. Walau bagaimanapun kalau mungkin apa yang dihujahkan oleh Yang Berhormat Bukit Gasing itu lebih merujuk kepada kawasan-kawasan perumahan yang lama. Di mana kemungkinan pematuhan kepada pelan induk ini tidak begitu baik ataupun pada masa pembangunan itu dilakukan tidak ada garis panduan berkenaan maka sudah tentu pada hari ini dia tidak, keadaan sekarang ini tidak mencerminkan sepatut yang ada. Walau bagaimanapun bagi perbandaran yang baru seperti Setia Alam, Rimbayu, KwasaLand, dan sebagainya, sudah tentu dari segi pelaksanaannya ia dipantau oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan. Sementara itu Yang Berhormat Kinrara ada menyebut tentang Apps, untuk Aduan. Dan itu sedang dilakukan seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Seri Setia dalam proses, cuma saya hendak mengambil peluang ini untuk memaklumkan bahawa SDCC di bawah CTEK telah mengadakan dua program iaitu pertamanya Selangor Apps 100, di mana ia akan mewujudkan seratus apps di mana ia meliputi Jawatan Jabatan Kerajaan Negeri. Buat masa ini kita telah pun

membuatkan apps untuk sepuluh jabatan di Jabatan kerajaan dan agensi kerajaan di Selangor ini. Termasuk seperti Jabatan JPBD itu sendiri, Invest Selangor, Pejabat Menteri Besar dan sebagainya. Dan ada lagi tujuh dalam proses yang lainnya akan kita kemas kini atau tambah sehingga kita mencapai seratus apps untuk Selangor, termasuk perkhidmatan daripada pihak swasta. Yang keduanya adalah satu kumpulan lagi, iaitu Selangor *Online* 100. Selangor *Online* 100 di mana kita akan meletakkan, atau merekakan seratus apps untuk Industri Kecil dan Sederhana yang berminat untuk mencebur diri dalam e-Perdagangan atau e-Commerce. Dan buat masa ini sudah ada 44 syarikat IKS yang telah berjaya ataupun melayakkan diri untuk disenaraikan dalam apps ini. Sementara ada 14 lagi masih dalam proses dan ini adalah salah satu usaha daripada Kerajaan Negeri Selangor untuk menggalakkan atau mempromosi e-Commerce di kalangan IKS di Selangor ini. Dan kita menjangkakan dalam tempoh 6 bulan lagi, kita akan dapat mengisi seratus *online* untuk IKS bagi menceburi e-Commerce ini. Sementara itu mungkin masa perlu masa lebih panjang sikit untuk mengisi seratus Selangor *online*. Bagi membentuk satu masyarakat *online* di Selangor ini. Jadi itu sahaja maklumat yang dapat saya maklumkan pada dewan ini. Sekian, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Terima kasih Sungai Pinang. Persilakan Bukit Antarabangsa.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Tuan Speaker, bagi pihak Kerajaan Negeri saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-Ahli Yang Berhormat yang telah menyertai Perbahasan di Peringkat Usul Pembangunan Belanjawan 2016 dan saya ingin memberikan respons kepada beberapa perkara yang dibangkit pada sepanjang tempoh perbahasan yang berkenaan. Yang pertama, izinkan saya Yang Berhormat Tuan Speaker untuk memberikan maklum balas kepada Yang Berhormat Bukit Gasing dan Yang Berhormat Damansara Utama. Yang telah membangkitkan isu berhubung penggunaan peruntukan pembangunan di bawah P01, Menteri Besar dan SUK. Yang pada pandangan Yang Berhormat ia perlu diperuntukkan di bawah belanja mengurus seperti program berikut. PK15, Perumahan dan Hartanah, iaitu bagi tujuan membaik pulih Projek Perumahan Rakyat. PK18, Merakyatkan Ekonomi Selangor bagi Tujuan Program Skim Kesihatan Wanita dan Skim Mesra Usia Emas dan PK19 bagi tujuan baik pulih bangunan kerajaan. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam hal ini bagi kerja baik pulih, naik taraf dan juga pelaksanaan program di bawah dasar Kerajaan Negeri memang diperuntukkan di bawah belanja pembangunan kerana ia secara tidak langsung menyumbang kepada pembangunan negeri Selangor. Satu lagi contoh yang boleh saya berkongsi dengan Ahli-Ahli Yang Berhormat ialah Program-program Mesra Rakyat yang digunakan melalui peruntukan Ahli-Ahli Dewan Negeri itu juga adalah di bawah projek pembangunan. Jadi untuk tujuan itu topik ataupun kepala-kepala ini kekal dalam peruntukan pembangunan. Yang Berhormat Damansara Utama ada membangkitkan isu berhubung penggunaan peruntukan pembangunan di bawah Vot P01, Pejabat

Menteri Besar dan SUK, PK18 Merakyatkan Ekonomi Selangor bagi Program Urus Tadbir Dan Pendemokrasian dengan peruntukan berjumlah RM1.1 juta bagi tahun 2016. Untuk makluman Yang Berhormat peruntukan tersebut disediakan bagi dua tujuan utama. Pertama bagi pelaksanaan kajian berhubung persempadanan kawasan pilihan raya di negeri Selangor dan yang kedua, peruntukan ini juga akan digunakan bagi melaksanakan program-program khusus yang menjurus ke arah pengukuhan demokrasi dan urus tadbir yang baik dengan penyertaan Tokoh-Tokoh Antarabangsa. Sebagai contoh baru-baru ini ada seorang Tokoh Negarawan yang bercadang untuk datang ke negeri Selangor dan berkongsi pengalaman demokrasi di negara yang berkenaan tetapi kita tidak bersedia dengan satu peruntukan yang telah dibajetkan maka bagi tahun depan oleh Selangor sekarang sudah menjadi berada di peta dunia, kita merasakan ada keperluan untuk menyediakan belanjawan ataupun peruntukan bagi maksud mendengar pandangan dan pengalaman tokoh-tokoh dalam bidang ekonomi dan pengurusan dan politik bagi membantu negeri Selangor untuk terus maju sebagai sebuah negeri yang demokratik. Saya juga ingin respons kepada pertanyaan tentang pinjaman kerajaan daripada kerajaan persekutuan yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli-Ahli Yang Berhormat. Untuk makluman, Kerajaan Negeri telah membuat pinjaman daripada kerajaan persekutuan bagi melaksanakan tiga projek utama iaitu Projek Bekalan Air, Projek Perumahan Awam Kos Rendah dan Projek Pelbagai. Kedudukan pinjaman Projek Bekalan Air sehingga 31 Oktober 2015 adalah seperti berikut. Jumlah keseluruhan pinjaman bagi Projek Bekalan Air adalah sebanyak RM902.54 juta. Itu pokok dan tidak ada faedah dikenakan ke atas pinjaman tersebut kerana Yang Berhormat Damansara Utama juga bertanyakan apakah *terms and condition* yang dikenakan oleh kerajaan persekutuan. Manakala baki pinjaman tersebut sehingga 31 Oktober 2015 adalah sebanyak RM862.34 juta. Pinjaman sebanyak RM747.29 juta daripada keseluruhan pinjaman tersebut adalah merupakan penjadualan semula pinjaman bekalan air di mana bayaran balik pinjaman telah dijadualkan selama 23 tahun mulai tahun 2011 sehingga tahun 2033 di mana bayaran akan dibuat oleh pihak SYABAS. Dan baki pinjaman sehingga 31 Oktober adalah sebanyak RM707.12 juta. Di antara syarat-syarat utama pinjaman ialah tempoh penangguhan dan tempoh bayaran balik mengikut pinjaman tertentu. Tempoh penangguhan adalah di antara tiga hingga empat tahun dan tempoh bayaran balik adalah seperti berikut.

Bagi Projek Penggantian Aset Bagi Operasi Melebihi Kapasiti Di Loji Sungai Semenyih di mana tarikh pinjaman berkuat kuasa pada Jun 2013. Siling pinjaman adalah RM30 juta, kadar faedah tidak ada dan tempoh bayaran balik 23 tahun. Bagi Projek Pengagihan Semula Kapasiti Naik Taraf Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 yang berkuat kuasa pada Mei 2014 dengan siling pinjaman RM67 juta juga tidak dikenakan kadar faedah untuk tempoh selama 22 tahun. Bagi Projek Pengagihan Semula Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 3, yang berkuat kuasa mulai Mei 2014, siling pinjaman bernilai RM81juta tanpa faedah untuk tempoh 22 tahun. Projek Skim Pemindahan Pukal Rasa berkuat kuasa Mei 2014 dengan net siling pinjaman bernilai RM74 juta, tempoh bayaran balik

selama 22 tahun tanpa faedah dan akhirnya Projek Menaik Taraf Stesen Mengepam Air Mentah Ke Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1, yang berkuat kuasa pada Disember 2011 dengan siling pinjaman berjumlah RM90 juta tanpa faedah untuk tempoh 24 tahun. Terdapat dua lagi pinjaman tambahan bagi projek bekalan air yang masih dalam proses untuk dimuktamadkan. Yang pertama, Projek Pengagihan Semula Kapasiti Naik Taraf Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1 dengan siling pinjaman bernilai RM20.24 juta untuk tempoh 19 tahun tanpa faedah dan yang kedua, Projek Pengagihan Semula Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 3 yang bernilai RM91.65 juta tanpa faedah untuk tempoh 19 tahun. Yang Berhormat Tuan Speaker, Yang Berhormat Kota Anggerik telah membangkitkan keadaan lif menara SUK yang tidak secocok ya dengan hasrat Kerajaan Negeri untuk maju sebagai *Smart State* sehingga kita sedia maklum Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri sendiri terperangkap selama 45 minit di dalam lif berkenaan dan *alhamdulillah* beliau selamat dan masih terus kukuh membantu Kerajaan Negeri. Namun kita mengambil maklum teguran tersebut dan untuk makluman Yang Berhormat Kota Anggerik, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri telah pun mengambil maklum berhubung kekerapan kerosakan lif di Menara Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah yang dialami sejak akhir-akhir ini. Memandangkan usia lif tersebut telah menjangkau 13 tahun. Justeru itu, Pejabat SUK telah pun memohon kerjasama daripada JKR Selangor untuk melaksanakan tindakan pemeriksaan. Pejabat SUK telah menerima ulasan teknikal daripada Jabatan Kerja Raya berhubung status hasil pemeriksaan terhadap empat unit lif di menara bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah melalui surat bertarikh 9 Oktober 2015, dan berdasarkan ulasan tersebut JKR Mekanikal telah mengesyorkan agar lif-lif berkenaan ditukar baru dan digantikan. Susulan daripada itu, pejabat SUK telah mengangkat permohonan kelulusan khas kepada Perbendaharaan Negeri Selangor. Dan Alhamdulillah, Perbendaharaan telah pun meluluskan kerja-kerja bagi perolehan secara tender untuk membekalkan, memasang dan menguji serta menguji terima pemasangan gantian 4 unit lif menara di bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Urusan projek penggantian tersebut dijangka akan mengambil masa selama 18 bulan. Dengan anggaran kos keseluruhan berjumlah RM1.8 juta dan dijangka siap pada tahun 2017. Kita berharap dalam tempoh ini tidak ada yang terperangkap. Dan kita dapat lif baru pada 2017. Dan peruntukan ini telah pun diperuntukkan secara *One-Off*, di bawah peruntukan mengurus bagi tahun 2017 kelak. Dan kita mengambil maklum tentang cadangan pembinaan tempat letak kereta bertingkat tambahan bagi menampung keperluan pengunjung, pegawai dan kakitangan di bangunan yang berkenaan.

Yang Berhormat Tuan Speaker, saya mengambil serius teguran Yang Berhormat Speaker semalam, supaya Ahli-ahli Dewan Negeri menggunakan forum ini untuk berbahas. Dan tidak membuat sebarang tohmahan dan dakwaan di luar Dewan. Kerana sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat, saya percaya kita mempunyai tanggungjawab untuk mengangkat suara rakyat dan bincang, bahas di dalam Dewan Negeri yang sedang bersidang pada hari ini. Dalam pada masa yang sama, saya

juga merasa kesal kerana penggulungan, jawapan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri telah diputarbelitkan oleh sebahagian daripada media yang cuba merosakkan imej Kerajaan Negeri Selangor. Saya membawa perkara ini kerana ada juga perbahasan dalam usul pembangunan tentang projek industri perkhidmatan air. Dan saya merasa amat kecewa kerana ada pihak media yang tidak bertanggungjawab, yang telah melaporkan seolah-olah Kerajaan Negeri telah pun bersetuju untuk menaikkan kadar tarif air. Ini satu pembohongan, fitnah. Dan saya tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana media khususnya TV3, sekiranya mereka terus membuat pembohongan ini. Kerana saya membawa, (TEPUK), ia sebagai respons kepada Yang Berhormat Batang Kali dan juga Yang Berhormat Permatang semalam, yang bertanya secara khusus kepada saya. Ini *hansard* rasmi yang dikeluarkan oleh Dewan. Yang Amat Berhormat Bukit Antarabangsa, ini ditanya oleh Yang Berhormat Permatang. Apakah pendirian Kerajaan Negeri dalam menjamin tiada kenaikan tarif dengan penstrukturkan industri air. Soalannya spesifik. Maka apa jawapan yang saya berikan semalam. Terima kasih Yang Berhormat Batang Kali dan juga Permatang. Untuk makluman Yang Berhormat, mana-mana aset air yang telah diserahkan kepada PAP, dalam skim penstrukturkan semula ini, aset-aset ini yang memerlukan penambahbaikan akan dibiayai oleh PAP. Tetapi aset-aset air yang masih kekal dalam pemilikan Kerajaan Negeri Selangor akan dibiayai oleh Air Selangor. Yang kedua, dalam mana-mana program ataupun skim penstrukturkan ini, pastinya ia akan memberikan implikasi kos. Untuk memastikan pengurusan air lebih efektif dan memberikan satu perkhidmatan yang bertanggungjawab dan secara holistik, namun pendirian Kerajaan Negeri selama ini ialah untuk memastikan sebarang kenaikan kadar tarif air ini, tidak akan membebankan pengguna dan rakyat negeri Selangor. Di mana saya menyebut bahawa Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menaikkan kadar tarif air. Ini satu pembohongan.

Yang keduanya, saya terus dengan, saya baca daripada *hansad*. Dan itulah sebabnya, mengapa Kerajaan Negeri mengambil keputusan hasil daripada Akta WASIA yang diluluskan di dalam Parlimen supaya industri perkhidmatan air ini tidak diswastakan. Malahan dikembalikan semula kepada Kerajaan Negeri dan aset ini akan diuruskan oleh PAP. Dengan cadangan ini, kita percaya pengalaman yang ada di dalam Kerajaan Negeri dalam menguruskan ABBAS beberapa tahun secara cukup efektif dan berkesan, menguruskan ABBAS beberapa tahun, secara cukup efektif, kita percaya Kerajaan Negeri dapat menguruskan industri ini dengan lebih efektif. Dan sekiranya, ini *hansard*, sekiranya ada keperluan kenaikan kadar tarif, maka ia akan ditentukan setelah Kerajaan Negeri mengambil alih keseluruhan syarikat-syarikat berkenaan. Belum ada keputusan. Mengapa saya kata begitu, kerana saya sebut, saya sambung ayat itu. Hari ini, kita lebih kurang dalam sebulan, masuk dalam SYABAS. Sudah tentulah Air Selangor, yang menguruskan industri sedang meneliti keseluruhan kos efektif dan kesan implikasi kewangan yang perlu ditanggung oleh Kerajaan Negeri dalam memastikan kedua-dua syarikat ini dapat diuruskan dengan lebih bertanggungjawab. Walau bagaimanapun, sekali lagi saya

memberi jaminan, sebarang kenaikan tarif itu tidak akan memberi kesan dan beban kepada pengguna dan rakyat di negeri Selangor. Saya nak cabar, TV3 ataupun ada Ahli Dewan Negeri yang bersekongkol dengan mereka, di mana saya menyebut, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menaikkan kadar tarif air. Saya mengambil tanggungjawab secara ikhlas dan amanah bahawa untuk menguruskan industri air ini, kosnya besar. Kita nak ambil alih ekuiti 4 syarikat konsesi ini, Kerajaan Negeri terpaksa tanggung RM2 bilion, minima. Itu yang pertama. Yang kedua, dalam Dewan Negeri, bila kita diberikan taklimat oleh pengurusan air Selangor yang baru, SYABAS dan juga Puncak Niaga, antara tumpuan selepas ini ialah untuk mengurangkan NRW. Dan mengurangkan NRW memerlukan kos yang besar. Maka, itu soalan seterusnya Yang Berhormat Permatang. Saya nak tanya Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengenai SPLASH, itu tak apa, kita boleh jawab. Dia ada tanya tentang NRW. Ini. Ini daripada Yang Berhormat Permatang, sedangkan keperluan untuk membayai operasi hari ini, terutama dalam usaha untuk menurunkan NRW, seperti Yang Amat Berhormat bagi tahu tadi lebih kurang 34% perlu diuruskan. Itu juga melibatkan kos. Kita memberikan air percuma, RM170,000,000.00, itu juga melibatkan kos. Maka kita kena jujur untuk melihat kesan implikasi kewangan kepada Kerajaan Negeri. Apakah kita mampu *absorb* semua ini. Kalau kita mampu *absorb* semua kos ini, tidak timbul soal kadar tarif air dinaikkan. Tetapi, saya juga menyatakan kita baru masuk syarikat. Kita nak tengok dulu kos efektif syarikat yang berkenaan. Kita nak lihat berapa keperluan untuk membaiki paip dan mengganti paip-paip yang sudah rosak. Supaya NRW ini dikurangkan. Jadi bila kita dah teliti semua ini, barulah kita kena bincang semula apakah perlu naik tarif atau tidak. Ini beza dengan Kerajaan Persekutuan. Dia tak bincang, dia tak teliti, dia hanya berpihak kepada kroni. Berbeza dengan di negeri Selangor, kita berpihak kepada rakyat. Yang ini yang saya nak tegaskan. Ya. Tak apalah itu permainan media. Tetapi ini permainan Pelabuhan Kelang. Satu lagi. Sebentar tadi dia *twit*. Tak perlu *twit*. Sebab dia Ahli Dewan Negeri. Datang. Kalau *twit*, saya nak kena jawab. Letih, panjang, duduk, kerusi dah ada. Kalau tak nak kerusi itu, beritahu. Kita ada calon nak ganti kerusi Pelabuhan Klang. Tak ada masalah. Dia *twit*, tiada rasional munasabah untuk menaikkan tarif air Selangor. Bila dia *twit*, TV3 pun ikutlah. Dengkil jangan ikut. Walaupun ni kawan baru Dengkil. Kita ikut benda yang baik. Yang tak baik jangan ikut. Saya pun, ok. Dia kata tiada rasional, tetapi saya bawa keratan akhbar yang dibuat oleh Pelabuhan Klang pada Jun, 13, 2012. Meskipun kos pengurusan industri air semakin meningkat, Kerajaan Negeri Selangor akan hanya menaikkan kadar tarif air tidak melebihi 12%. Dia lupa ke. Melayu mudah lupa ke. Sekurang-kurangnya saya mengambil pendirian yang lebih bertanggungjawab. Saya mahu lihat dulu implikasi pengambilalihan syarikat-syarikat ini. Saya nak lihat implikasi pengganti paip-paip. Saya nak lihat implikasi kewangan terhadap pengurangan NRW dan kita duduk bincang untuk melihat apakah Kerajaan Negeri boleh *absorb* ataupun sebaliknya. Tetapi dia sendiri telah umum 12%. Hari ini, dia kata tidak munasabah untuk naikkan kadar tarif air. Jadi saya setuju dengan pandangan Speaker semalam, datang Dewan. Boleh kita bincang, boleh kita bahas. Kalau dia terlupa, kita ingatkan dia. Kalau dia tak faham,

kita ajar dia. Itu tanggungjawab kita. Tetapi jangan buat fitnah di luar seperti ini, kerana sudah tentulah media ini tidak berpihak kepada kita. Dan cuba menggembarkan gemburkan seolah-olah Kerajaan Negeri tidak peduli rakyat, tidak bertanggungjawab. Saya mahu perkara ini dihentikan dan guna ruang ini untuk bercakap benar dan jujur kerana akhirnya rakyat akan membuat keputusan dalam pilihan raya yang akan datang.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Saya minta..

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Sekinchan.

**Y.B. TUAN NG SUEE LIM** : Pencerahan sikit, penjelasan sikit. Saya minta pandangan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar, bagi Ahli-ahli Dewan yang kita bersidang dalam bajet lebih kurang 10 hari, hari yang ke 8, hari ini. Kita bersidang tiap-tiap hari, mereka tak datang tapi buat kenyataan. Kenyataan di luar, tapi tak datang, buat *twit*, seperti ini, apakah tindakan yang patut kita buat terhadap mereka. Yang kedua, ada yang buat PC di luar, di luar, tapi tak masuk dewan untuk berbahas. Tak ambil bahagian, buat PC, buat tuduhan macam-macam. Saya nak minta dewan ini, Tuan Timbalan Speaker, buat satu keputusan kalau macam itu berterusan, saya minta buat satu larangan pekeliling sudut PC di luar dimansuhkan. Tidak boleh buat PC. Mesti berdebat di dalam, kalau tak berdebat di dalam, tak boleh buat PC. Saya minta satu pandangan daripada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan Timbalan Speaker.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Yang Berhormat Sekinchan, pengurusan Dewan bidang Speaker. Hari ini saya Menteri Besar, saya belum Speaker lah, jadi saya tidak ada kuasa itu. Tetapi teguran itu penting. Teguran Sekinchan itu penting untuk dihayati oleh semua. Kerana di sini, saya dan Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ini, kita memikul tanggungjawab, kita boleh jawab. Yang Berhormat Damansara Utama, Yang Berhormat Bukit Gasing, Yang Kampung Tunku, Yang Berhormat Hulu Kelang, siapa lagi. Yang garang-garanglah dalam Dewan. (KETAWA). Tapi tak apa. Mereka, walaupun garang dan tegas, niat dia baik. Nak selamatkan negeri, nak selamat rakyat. Tapi jangan bawa fitnah. Kita boleh beri penjelasan. Tak ada masalah. Tapi buat fitnah seperti ini, saya rasa tidak adillah kepada Kerajaan Negeri. Seterusnya, Yang Berhormat Tuan Speaker, ini soalan Yang Berhormat Damansara Utama, memang keras dan tegas, tapi kita jawab. Yang Berhormat Damansara Utama bertanya pembangunan di bawah kod projek 16010, 16011, 16012 dan 16013. Di mana ini adalah pembangunan menambah kapasiti Empangan Tasik Subang, kajian pembangunan sumber air di Pulau Ketam, kajian pembangunan sumber air Sungai Kelang, Sungai Langat dan pembangunan HORRAS 3000 fasa 1. Yang Berhormat Damansara Utama melahirkan keprihatinan beliau mengapa perkara-perkara ini tidak dibajetkan, untuk diberikan keutamaan. Kerajaan Negeri sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat, kita memberikan tumpuan yang utama ke atas pelaksanaan pembangunan loji rawatan air Labuan

Dagang dan Semenyih 2 yang kita umumkan baru-baru ini. Dan ia nya melibatkan kos RM800 Juta. Itu juga satu pelaburan yang besar di pihak Kerajaan Negeri untuk menyelamatkan keadaan bagi kepentingan rakyat. Kerana Kerajaan Persekutuan gagal menyiapkan Langat 2 pada tempoh yang ditetapkan. Jadi sekali lagi pelaburan begini besar RM800 Juta. Kalau mengikut peraturan biasa ia nya akan dialihkan kosnya kepada pengguna melalui tarif. Tetapi kita tidak membuat keputusan begitu. Kita boleh *absorb* lagi untuk membina loji rawatan ini bagi kepentingan rakyat untuk masa depan. Maka oleh kerana kedua-dua projek ini penyelesaian segera bagi mitigasikan sebarang kemungkinan kekurangan bekalan antara 2017 dan 2019 berikutan kelewatan Projek Langat 2. Ya keduanya, bagi pembangunan di bawah kod projek 16010 iaitu menambah kapasiti Empangan Tasik Subang dan kajian pembangunan sumber air di Sungai Ketam dan kajian pembangunan sumber air Sungai Klang dan Sungai Langat serta pembangunan HORAS 3000 kajian terperinci perlu dilaksanakan dahulu sebelum projek boleh dibangunkan. Sebab itu kita hanya meletakkan token kerana kajian-kajian khususnya untuk HORAS 3000 ini memerlukan kajian yang komprehensif dan ia nya memerlukan satu jumlah pelaburan yang cukup begitu besar, sebab itu kita mengutamakan loji rawatan air Labuan Dagang dan Semenyih 2. Projek-projek tersebut telah disenaraikan di dalam Kajian *Water Resources Supply...Study River Selangor*, dikenal pasti kawasan agihannya. Bagi persoalan berikutan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Damansara Utama di bawah projek 16014 Projek Pengagihan Semula Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air Selangor Fasa 1, Projek Pengagihan Semula Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air Selangor Fasa 3, Bukit Badong, dan Projek Pengagihan Semula Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 3, Pemindahan Pukal Rasa. Projek-projek ini di bawah kod 16014, 16015 dan 16016 adalah Projek Mitigasi 2 yang dijadualkan siap pada akhir tahun ini. Dan projek ini adalah merupakan projek sambungan dan peruntukkan yang dibuat adalah merupakan sebahagian bayaran baki 5% yang boleh di bayar kepada kontraktor selepas tempoh tanggungan kecacatan dimuktamadkan. Berhubung pelaksanaan Projek Mitigasi 2 ini menggunakan pembiayaan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan di mana butiran pinjaman adalah seperti berikut : Pengagihan Semula Kapasiti Naik Taraf Loji Air Selangor Fasa 1, pinjaman RM87.24 Juta. Projek Pengagihan Semula Kapasiti Reka Bentuk Loji Rawatan Air Selangor Fasa 3, pinjaman RM172.65 Juta dan Skim pemindahan Rasa – RM37.89 Juta.

Dan bagi soalan berikutnya. Tentang Pembangunan di bawah kod projek 16017, Projek Penggantian Aset dan Menaik Taraf Bagi Operasi Melebihi Reka Bentuk Di Loji Rawatan Air Sungai Langat dan 16018 Projek Menaik Taraf Rumah Pam SYABAS. Kedua-dua projek ini merupakan projek yang baru diluluskan pada 8 Oktober 2015 oleh KeTTHA untuk dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri menggunakan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan dan butiran pinjaman yang telah diluluskan adalah seperti berikut- Projek Penggantian Aset dan Menaik Taraf Bagi Operasi Melebihi Reka Bentuk Di Loji Rawatan Air Sungai Langat RM4.48 Juta, dan Projek Menaik Taraf Rumah Pam SYABAS sebanyak RM49.1 Juta. Ada pertanyaan

Damansara Utama mengapa peruntukan bagi IWRMS ini atau pun *Intergrated Water Recourses Management System* ini tidak dibajetkan? Untuk makluman Yang Berhormat telah dibangunkan oleh LUAS (Lembaga Urus Air Selangor) semenjak 2012 dan pembangunan sistem pembangunan tersebut telah dijalankan secara berperingkat bagi menambah baik mutu penyampaian data. Bagi tahun 2016, LUAS telah pun diperuntukan sebanyak RM475 000.00 seperti perincian berikut:- Integrasi dengan empangan RM125 000.00 dan pembinaan stesen baru RM300 000.00. Bajet tersebut bagaimanapun menggunakan sumber dalaman bajet pembangunan LUAS. Yang Berhormat Kajang dan Yang Berhormat Dengkil ada membangkitkan tentang pembinaan Apartmen De' Lower di Kajang. Sekali lagi, pendirian Kerajaan Negeri kita senantiasa mendengar keluhan dan bantahan yang dikemukakan oleh pihak persatuan penduduk ataupun wakil penduduk. Baru-baru ini pun Seri Serdang minta saya dua hari lepas, semalam untuk menerima memo bantahan pembinaan kondominium di Taman Seri Serdang yang dibangkitkan. Saya bertemu dengan wakil-wakil penduduk untuk kita teliti dan mendengar keluhan rakyat yang berkenaan. Sama juga isu pembinaan Apartment De' Lower ini di Kajang dalam DUN Bangi, saya sendiri telah menerima beberapa memo daripada Yang Dipertua PIBG yang berkenaan dan kita telah mengambil langkah-langkah pro aktif untuk melihat bagaimana Kerajaan Negeri boleh menimbangkan bantahan yang dikemukakan. Saya sendiri menghubung YDP MPKj untuk melihat bagaimana PBT dapat menyemak semula, sesuai dengan bantahan yang berkenaan. Dan beberapa pindaan telah dibuat sebenarnya hasil daripada bantahan yang berkenaan tetapi bantahan masih lagi dikemukakan dan saya memberitahu Yang Berhormat Kajang dan Yang Berhormat Bangi kita akan terus meneliti bantahan tersebut. Cuma bagi pihak Kerajaan Negeri saya perlu memberi fakta supaya tidak timbul tohmahan dan fitnah terhadap Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kajang atau mana-mana pegawai kalau tiada bukti yang sahih. Saya tidak mahu bantahan ini diseliputi dengan fitnah dan tohmahan sehingga kita tidak boleh mengambil keputusan yang adil. Saya hendak maklum kepada Yang Berhormat Kajang dan Yang Berhormat Dengkil, kelulusan kebenaran merancang bagi pembinaan De'Lower ni telah diluluskan pada 11 Jun 2014 atas tapak berkeluasan 3.6 ekar setelah permohonan tersebut memenuhi garis panduan Perancangan Negeri Selangor dan Perancangan Tempatan MPKj serta mendapat sokongan jabatan teknikal terlibat termasuk LLM. Tanah tersebut dikategorikan sebagai zon guna tanah komersial dalam Perancangan Tempatan MPKj yang membenarkan pembinaan apartmen perniagaan. Pihak Majlis telah meluluskan pelan infrastruktur pada 17 Disember 2014 yang mensyaratkan pemaju mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh jabatan teknikal termasuk syarat yang ditetapkan oleh LLM. Seterusnya, pihak majlis telah meluluskan pindaan pelan infrastruktur pada Januari 2015 dengan mengambil kira kelulusan reka bentuk jalan keluar masuk ke pembangunan tersebut yang diluluskan oleh Menteri Kerja Raya melalui surat bertarikh 17 November 2014 kepada pemaju. Sebenarnya di sinilah timbul kekeliruan kerana pihak yang membantah mengguna dan merujuk kepada kelulusan awal yang bersyarat tetapi keputusan muktamad Yang Berhormat Menteri Kerja Raya diberikan pada 17

November 2014 yang menentu reka bentuk jalan keluar masuk ke pembangunan tersebut. Pemaju sebenarnya tidak bersetuju dengan keputusan LLM. Dan telah mengemukakan rayuan untuk meminda jalan keluar masuk tetapi LLM masih mengekalkan reka bentuk asal yang diluluskan pada 17 November 2014. Maka pemaju akhirnya akur dengan reka bentuk jalan keluar masuk tersebut sebagaimana yang diluluskan oleh LLM dan memenuhi syarat yang ditetapkan oleh MPKj. Kelulusan pelan infra tersebut mensyaratkan melebarkan jalan sedia ada di hadapan sekolah. Daripada satu lorong kepada dua lorong, dua hala yang akan mengurangkan kesesakan lalu lintas setelah pembinaan apartmen siap. Pihak majlis yakin pelebaran jalan ini memberi lebih keselesaan dan keselamatan kepada guru dan ibu pada yang menggunakan jalan laluan tersebut berbanding jalan keluar masuk yang sedia ada yang sempit dan berbahaya. Pemaju ini telah dikenakan arahan berhenti kerja sejak 22 April 2015 atas sebab Pemaju tidak mematuhi beberapa syarat kelulusan pelan infra dan syarat kelulusan pelan bangunan yang diluluskan oleh MPKj. Pemaju juga telah disyaratkan untuk membina jalan masuk berasingan ya, ke tapak pembinaan dan mengemukakan pelan kawalan bunyi bising semasa pembinaan dijalankan sebagai syarat tambahan setelah pihak majlis memorandum PIBG Maahad Hamidiah, Kajang pada April 2015. Yang ini saya nyatakan tadi, apabila kita menerima bantahan itu saya telah menghubungi Yang Dipertua Majlis untuk menyemak semula dan meneliti bantahan tersebut, dan inilah pindaan-pindaan dan syarat-syarat tambahan yang telah dikenakan terhadap pemaju. Dan arahan berhenti kerja tersebut telah ditarik balik oleh Majlis pada 4 November 2015 setelah pihak Majlis berpuas hati berkenaan pembinaan jalan berasingan untuk pembinaan dan pematuhan syarat-syarat lain yang telah ditetapkan. Apa yang hendak dinyatakan di sini ialah sebarang bantahan yang dikemukakan oleh penduduk akan diteliti oleh Kerajaan Negeri. Kita tidak diketepikan begitu sahaja. Saya memberi jaminan sekiranya ada bukti-bukti baru yang dikemukakan saya akan pastikan pihak majlis mematuhi syarat-syarat dan undang-undang sedia ada. Yang kita tidak terima sekiranya ada elemen unsur rasuah, salah guna kuasa dalam memberi kelulusan ini Kerajaan Negeri tidak akan mengkompromi dan kita memberi jaminan tindakan akan diambil. Namun ia mesti diasaskan kepada fakta yang tepat dan bukan tohmah dan andaian. Itu yang saya hendak bagi tahu.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER : Dengkil.**

**Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF :** Terima kasih Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar atas penjelasan yang diberikan ke atas projek De'Lower ini saya mohon jasa baik Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar agar rayuan daripada Jawatankuasa Bertindak projek ini, bantahan projek ini, untuk menemui sendiri Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar supaya Dato' Menteri Besar boleh menerangkan dengan lebih lanjut dan jelas supaya segala kekeruhan yang timbul ini dapat diperjelaskan dan supaya juga ramai yang tangani petisyen bantahan seramai 40 000 orang secara *online*. Dapat juga dilihat dan diteliti Yang Amat Berhormat

sendiri turun berdialog ataupun bersemuka dengan Jawatankuasa Bertindak itu mohon jasa baik daripada Yang Amat Berhormat.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER : Bukit Antarabangsa.**

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR :** Terima kasih Yang Berhormat Dengkil, saya boleh terima pandangan cuma jangan itu dijadikan alasan. Untuk untuk menafikan fakta yang telah saya bentangkan tadi. Sebenarnya sama ada saya ataupun ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri lain kita terbuka, kita terima semua pertemuan dalam bentuk pertemuan peribadi ataupun delegasi ataupun dialog ataupun memorandum. Saya boleh beri banyak contoh. Soal, sebagai contoh DISH saya bertemu dengan Sinu DISH dengan Ahli Parlimen,dengan ADUN, kita bertemu dengan Sinu KIDEX cuma, jadi pada ketika itu mungkin dalam kesesakan jadual tidak sempat tetapi saya mengakui saya sendiri menghubungi Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kajang dan saya minta supaya memo itu diteliti segera untuk mungkin menetapkan tarikh pertemuan itu mengambil masa. Saya hendak perkara ini diselesaikan segera. Saya tahulah Yang Berhormat telah mengutip 40 000 tandatangan termasuk ahli-ahli alumni. Saya kali pertama mendengar bantahan boleh juga disertai oleh ahli alumni sepatutnya biarlah penduduk yang terkesan dengan bangunan itu tapi tidak apalah jiwa Yang Berhormat itu baik, niat baik untuk membantu dan Kerajaan Negeri pun niat baik untuk membantu. Cuma jangan timbulkan suasana yang tegang dengan emosi yang tidak dapat menyelesaikan masalah. Saya di sini untuk menyelesaikan masalah setelah mendengar bantahan dan itulah jaminan yang saya berikan kepada Yang Berhormat Kajang dan Yang Berhormat Bangi supaya kita lah duduk dan selesaikan perkara ini secara muafakat dan baik supaya pembangunan di negeri Selangor ini dapat diteruskan tetapi rakyat juga dapat bersama dalam pembangunan yang berkenaan. Itu harapan kitalah. Yang Berhormat Tuan Speaker akhirnya ada dua isu lagi yang kedua terakhir ini tentang Permatang, tidak ada pula hari ini. Dia telah membuat satu kenyataan yang saya rasa tidak wajarlah hanya 4% sahaja belanjawan 2016 ini ditumpukan di kawasan luar bandar dan desa. Betul ke ini, fakta tidak betul sebab saya nak beritahu, nak beritahu Yang Berhormat Permatang ini fakta Kerajaan Negeri telah meluluskan sejumlah 222.9 juta ringgit atau pun 15.5% daripada peruntukan pembangunan tahun 2016 bagi tujuan pembangunan luar bandar bukan 4%, 15.5% termasuk pembangunan dari aspek projek infrastruktur dan pelaksanaan program yang meningkatkan ekonomi serta memberi impak ke atas pertumbuhan sosial tanpa menumpukan kepada volt yang spesifik. Kita tidak bolehlah pilih satu volt mengikut selera kita lepas itu menyerang Kerajaan Negeri tidak buat apa-apa. Sebenarnya kita ada berapa portfolio ada sepuluh Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri setiap di kalangan mereka ada tanggungjawab untuk menjaga rakyat Selangor sama ada di bandar atau di desa. Maka dalam setiap volt itu ada peruntukan yang telah disiapkan untuk pembangunan sosial ekonomi di desa dan luar bandar. Sebagai contoh di bawah Jabatan P 01 Menteri Besar dan SUK, pecahan kepala PK yang melibatkan pembangunan luar bandar adalah di bawah PK 2, PK 4, PK 5, PK 7, PK

8, PK 14 dan PK 17. Isunya kita kena fikir kalau kita tidak fikir inilah masalahnya dia keliru, dia tidak dapat maklumat yang tepat. Jadi saya sudah bagi berapa PK, PK 2, PK 4, PK 5, PK 7, PK 8, PK 14 dan PK 17 yang berjumlah 72.31 juta ringgit telah disediakan bagi tujuan pembangunan projek kecil di bawah kawasan Pejabat Daerah dan juga pelaksanaan program pembangunan termasuk program berbentuk bantuan. Selain daripada PK 01 sejumlah 150.6 juta peruntukan disediakan untuk projek pembangunan yang akan dilaksanakan di kawasan luar bandar. Iaitu P 08 Jabatan Pertanian 18 juta, pertanian ini mestilah luar bandar, takkan kita nak tanam padi di Bukit Gasing, tak boleh. Boleh, tak boleh kecuali kita tanam atas bumbung macam ada Menteri Pertanian dululah, itu daripada UMNO. Jadi tolonglah Dengkil nasihatkan kawan-kawan sebab Yang Berhormat Dengkil ini memang layak sebagai Ketua Pembangkang. Mungkin dibantu oleh Kota Damansara yang teringin, jangan main ‘whatsapp’ datang bahas, ini nak main ‘whatsapp’ dengan Cempaka je tak bolehlah saya pun cemburu juga. Ok, P 10 Jabatan Perhutanan 7 juta, P 12 JKR 42.55 juta, P 13 JPS 39 juta, P 14 JAIS 37.5 juta, P 17 Jabatan Veterinar 6.6 juta manakala di dalam belanja mengurus pula sejumlah 170 juta atau 12% peruntukan disediakan yang memberi manfaat di kawasan luar bandar. Pertama pemberian air percuma 51 juta kecuali kalau Dengkil tak mahu, tak apa, kita boleh tarik balik, kalau tak naklah. Tapi kita nak bagi Daerah Gombak 13 juta, Kuala Langat 11.9 juta, Hulu Langat 14.1 juta, Sepang 11.1 juta, Kuala Selangor 12.1 juta, Hulu Selangor 12.6 juta, Sabak Bernam 12.9 juta, Klang 13.9 juta dan biasiswa 16.3 juta. Biasiswa ini untuk anak-anak miskin, anak Y.B. Bukit Gasing tidak dapat, oh belum, harapanlah, harapan. Anak Dengkil tidak dapat, ini anak orang susah itu program luar bandarlah jadi saya harap Yang Berhormat tolonglah maka keseluruhan peruntukan untuk luar bandar adalah sebanyak 392.9 juta ringgit daripada 2.88 bilion dan jumlah ini mewakili 13.6% daripada keseluruhan bajet 2016. Akhirnya Yang Berhormat, Tuan Speaker saya ingin merujuk kepada cadangan Yang Berhormat Taman Medan yang nak buat taman rakyat di Taman Medan, dia nak cadang buat atas lombong ya, tak apalah atas lombong itu kita fikir dulu, kita buat atas tanah dulu sebab kita dah ada tanah.

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA** : Mohon mencelah.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA** : Tanah bekas lombong, lombong tersebut sudah dikambus jadi itu permohonan daripada Taman Medan dah berkali-kali sidang dipohon masih nak mengkaji lagi.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Terima kasih Yang Berhormat Taman Medan, memang betul dia atas bekas tapak Lombong Seri Manja, nama memang sedap dah, memang sesuai untuk taman rakyat. Tak apa kita ambil maklum cadangan tersebut cuma peruntukan yang sedia ada kita buat dulu Taman Rakyat di Shah Alam, *insya-Allah* bila hasil kita meningkat kita akan mempertimbangkan cadangan

Taman Medan ini. Dan saya bersetuju dari segi hujahnya kerana kepadatan penduduk di kawasan tersebut dan di kalangan keluarga yang berpendapatan sederhana dan rendah. Mereka juga nak mahu kualiti hidup yang lebih baik dan kita akan pertimbangkan Yang Berhormat Taman Medan. Jadi Yang Berhormat Tuan Speaker satu lagi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Teratai ini tentang penyusunan semula. Teratai tak ada ya, nanti saya bagi bertulis ya nanti. Yang Berhormat Tuan Speaker saya sudah siapkan jawapan bagi Yang Berhormat Teratai tentang isu penyusunan semula lot-lot kediaman yang melibatkan sebanyak 85 hak milik dan lima tanah kerajaan ke atas Kampung Cheras Baru, Mukim Cheras, Daerah Hulu Langat. Kita telah pun ada beberapa pilihan untuk penyelesaian, saya akan kemukakan jawapan bertulis kepada Yang Berhormat Teratai dan kita boleh bincang dengan Pejabat Daerah untuk mencari penyelesaian yang terbaik, terima kasih Tuan Speaker.

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA** : Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Taman Medan.

**Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA:** Sebenarnya ada satu perkara lagi yang saya bangkitkan iaitu pertimbangan untuk tapak perkuburan bagi penganut agama Kristian di Petaling Jaya.

**Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR** : Ok, Yang Berhormat Taman Medan saya terlepas pandang perkara itu saya akan minta pihak Perancang untuk membantu saya kerana dalam projek-projek pembangunan baru di Negeri Selangor ini kita telah menetapkan keperluan tanah-tanah perkuburan yang bukan Islam untuk dimasukkan dalam pelan pembangunan tetapi untuk kawasan Yang Berhormat sebutkan ini saya minta supaya perkara ini dapat diberikan maklumat kepada Yang Berhormat supaya dapat diberikan penjelasanlah. Yang Berhormat Hulu Kelang walaupun dia belum tanya saya dah tahu dah apa dia nak tanya, sebab ada perbahasan yang belum terjawab iaitu padang UKRC di Kuala Ampang. Saya nak nyatakan di sini bagi pihak Kerajaan Negeri adalah tidak adil bagi mana-mana pihak termasuk Kelab UKRC atau individu tertentu yang melemparkan tuduhan terhadap Yang Berhormat Hulu Kelang bahawa beliau tidak bercakap benar, beliau berbohong, beliau tidak menunaikan akan janjinya. Apa yang berlaku ketika saya bersama-sama dengan beliau dalam BBC dahulu ada satu kawasan tanah lapang di Kampung Kuala Ampang yang dijadikan tapak untuk rekreasi dan ketika itu diuruskan oleh Kelab UKRC. Sebelum 2008 kawan-kawan di sebelah sana ada mencadangkan untuk menyerahkan tapak ini kepada pihak swasta untuk dimajukan. Sudah tentulah Yang Berhormat Hulu Kelang dan saya membantah keras kerana kita mahu tapak ini kekal apa yang kita janjikan kepada penduduk dan Kelab UKRC ketika itu ialah kita mahu tapak ini akan kekal sebagai tanah lapang yang boleh dijadikan sebagai tapak rekreasi dan kemudahan awam bagi penduduk yang berkenaan. Dan ini telah pun ditunaikan oleh Yang Berhormat Hulu Kelang di mana sebaik sahaja kita diberikan

tanggungjawab ini beberapa sesi rundingan sehingga dibentuk satu jawatankuasa siasatan tertinggi oleh Kerajaan Negeri menyiasat siapakah pemilik sebenar tanah yang berkenaan. Setelah proses ini dilalui di mana semua pihak dipanggil untuk memberi keterangan didapati bahawa tanah ini adalah tanah milik kerajaan dan kita serahkan kepada MPAJ untuk kekal sebagai kawasan lapang bagi kemudahan awam. Jadi dari segi janji Yang Berhormat Hulu Kelang telah laksanakan tanggungjawab sebagai Ahli Dewan Rakyat, Ahli Dewan Negeri mewakili rakyat di Hulu Kelang dan tidak timbul tohmahan yang diberikan kepada beliau. Saya rasa itu tidak wajar dan tanah ini akan kekal sebagai tanah kerajaan yang ditadbir oleh MPAJ dan boleh digunakan oleh rakyat di Kuala Ampang untuk tujuan rekreasi ataupun kemudahan awam yang lain, terima kasih.

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB** : Hulu Kelang ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ahli Yang Berhormat sekalian ada permasalahan di dewan ini ialah satu usul yang berbunyi menurut Seksyen 9 Subseksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 dewan ini ingin membuat ketetapan bahawa peruntukan sebanyak satu bilion empat ratus empat puluh juta ringgit yang nyatakan dalam anggaran perbelanjaan pembangunan yang dibentangkan di dewan 4(1) Akta yang sama seperti mana dapat di jadual hendaklah diluluskan iaitu P01 Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri lapan ratus lima puluh juta empat ratus ribu ringgit. P04 Perpendaharaan Negeri Selangor dua juta enam ratus ribu ringgit, P08 Jabatan Pertanian Negeri Selangor lapan belas juta ringgit, P10 Jabatan Perhutanan Negeri Selangor tujuh juta ringgit, P12 Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor tiga ratus tujuh puluh tiga juta ringgit, P13 Jabatan Pengaliran dan Saliran Negeri Selangor lapan puluh juta ringgit, P14 Jabatan Agama Islam Selangor sembilan puluh satu juta ringgit, P16 Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor tiga juta ringgit dan P17 Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Selangor lapan juta ringgit, jumlah keseluruhannya satu bilion empat ratus empat puluh juta ringgit.

Ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya. YA. Yang tidak bersetuju sila kata tidak. **Dipersetujui.**

**PENOLONG SETIAUSAHA:** Usul nombor 38 tahun 2015, usul di bawah peraturan tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN:** Tuan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut. Bahwasanya menurut peraturan 76(5) Peraturan-peraturan tetap Dewan Negeri Selangor, dewan yang mulia ini menerima penyata jawatankuasa pilihan khas mengenai pengurusan sumber air Selangor '*Comuniti On Water Resource Management Of The State Of Selangor (JKPSIS)*' bagi Dewan Negeri Selangor berhubung dengan pengurusan air

terawat Negeri Selangor (kuantiti) pengurangan ‘non review water’ laporan status kemajuan projek fitigrasi 2 dan Langat 2 yang telah dibentangkan di dalam dewan yang mulia ini sebagai kertas mesyuarat bilangan 82 tahun 2015. Tuan Speaker laporan ini adalah sangat ringkas walaupun dia tebal Jawatankuasa JKPSIS telah mendapati bahawa apabila laporan menjadi tebal Y.B-Y.B sekalian tidak akan membaca so kita ringkaskan ada 5 muka surat sahaja dan harap-harap Y.B-Y.B boleh baca dengan teliti dan sangat ringkas dan ia adalah memberi sedikit ‘*up date*’ kepada Y.B-Y.B sekalian. Dan dewan yang mulia ini apakah yang penting dari segi kuantiti untuk air di Selangor kalau kita tengok graf pada muka surat 3 di kertas bilangan 82 ini kita akan mendapati bahawa ada tiga perkara yang sangat penting untuk air terawat di Selangor. Gambar rajah ini adalah ‘*demand and supply*’, teluk dan permintaan dan penawaran air terawat di Selangor. Apa yang kita dapat adalah apa yang kritikal adalah projek A SSP1 dan SSP3 dan Projek di Langat Dua Fasa 1 dan Stage 1 dan yang kedua adalah untuk menurunkan keluk permintaan air terawat di negeri Selangor. Ia ada 3 perkara yang penting sekarang di Selangor. Yang pertama adalah memastikan Mitigasi 2 siap pada hujung tahun ini. Kedua adalah untuk memastikan bahawa Langat 2 Fasa 1 Stage 1 Tahap 1 siap 2017 dan yang ketiga adalah menurunkan graf keluk permintaan dengan menurunkan NRW. So kita akan membincangkan sedikit tentang apakah perkembangan ketiga-tiga isu ini. Untuk projek mitigasi dua ia adalah di muka surat 4 untuk 5.2. kita mendapati bahawa projek Mitigasi 2 akan menambah sejumlah 215 mld air ke dalam bekalan sumber air Selangor. 5.2.2 adalah jadual ringkasan kerja di Mitigasi 2. Apa yang kita nak *stress here* adalah bahawa projek mitigasi dua telah mengalami kelewatan selama 4 hingga 6 bulan. Dan sasaran sekarang adalah hujung tahun 2015. Untuk memastikan kita menyiapkan Mitigasi 2 pada hujung tahun 2015 ada dua laluan genting yang Kerajaan Negeri perlu memberi perhatian. Laluan genting adalah satu aktiviti yang akan menentukan jadual persiapan sesuatu projek. Dalam bahasa Inggeris *is called critical path for project management* dengan izin. Sebarang penangguhan laluan genting ini akan mengakibatkan kelewatan projek. Ada dua laluan genting. Yang pertama adalah laluan genting pakej 3SSP3 sekarang adalah kelulusan daripada Jabatan Perhutanan Negeri Selangor untuk memasang paip sepanjang 1.8 km merentasi Taman Botani Shah Alam. So minta Jabatan Perhutanan Negeri Selangor untuk mengambil perhatian. Laluan genting yang kedua untuk Mitigasi 2 adalah di Pakej 4 SSP3 ialah proses pengambilan tanah di Jajaran Jalan Bukit Jati 6A dan Jalan Kecubung untuk pemasangan paip. Saya minta PTG dan PTD mengambil perhatian untuk Mitigasi ini adalah untuk memastikan bahawa projek Mitigasi 2 boleh siap pada hujung tahun ini. Yang kedua adalah projek di muka surat 6 5.3 projek Langat 2. Jawatankuasa tidak ada banyak masa sebab dari sidang yang lalu sehingga sidang ini adalah dua bulan sahaja kita belum lagi membuat pendengaran yang teliti tetapi apa yang pendengaran awal yang kita membuat kita mendapati bahawa dijangka Langat 2 Fasa 1 Tahap 1 tidak akan berjaya disiapkan pada tahun 2017 seperti yang dimaklumkan sebelum ini. Langat 2 adalah lebih besar daripada apa yang kita bayangkan sebelum ini. Ada banyak projek yang rumit dan banyak kerja-kerja yang rumit yang kita telah

berbincang dengan konsultan dan mendapati bahawa untuk Langat 2 Fasa 2 Tahap 1 sahaja siap 2017 pun tidak mungkin. Ini untuk projek Langat 2. Untuk pengurangan kadar NRW di 5.4 saya nak menarik perhatian dewan untuk 5.4.4 sahaja. Iaitu NRW *master plan*. *Master plan* ini telah disediakan oleh SYABAS dan sasaran kadar NRW yang akan dicapai menjelang tahun pada 2016 adalah 3.5%, 2017 28.4%, 2018 26.9% dan 2019 25.5%. Iaitu dalam masa 5 tahun kita nak menurunkan daripada 33 sekarang ke-25.5 pada tahun 2019. Apa yang saya nak menarik perhatian ialah seluruh NRW *maste rplan* ini akan membabitkan jumlah kos 800 juta untuk kesemua kerja-kerja pengurangan NRW dan *result* adalah pada kita boleh menurunkan NRW 25.5 pada 2019 sahaja. So tiga tahun kemudian baru boleh kita nampak impak-impak yang berkesan. Dan kita juga mendapati bahawa NRW *master plan* dari SYABAS tidak memasuki penggantian paip dan menurut SYABAS penggantian paip tidak akan menurunkan NRW dengan banyak dengan *significant* tapi dia akan memastikan kadar NRR iaitu *Natural Rate of Rise* tidak meningkat. Penggantian ini adalah diperlukan dan jikalau kita mengganti 150 km paip setiap tahun bermula 2016 kita sehingga tiga tahun kemudian sehingga 2019 kita akan boleh mengganti 44% 50 km paip dan untuk menggantikan semua paip ini kita memerlukan 400 juta wang dana untuk penggantian paip. Secara ringkas apa yang kita nak sekarang saya nak menarik perhatian ialah bahawa pengurangan NRW yang menurunkan dari 33 sehingga 25 menjelang tahun 2019. Jumlah kos yang diperlukan adalah 1.2 bilion. Saranan dan jawatankuasa nak menyarankan beberapa saranan kepada Kerajaan Negeri yang pertama ialah jawatankuasa menggesa kerajaan memandang serius kedua-dua laluan genting projek Mitigasi 2 iaitu Jabatan Perhutanan Negeri dan PTD dan PTG minta perhatian. Yang kedua adalah jawatankuasa menegaskan bahawa Kerajaan Negeri hendaklah memandang serius cadangan SYABAS merujuk kepada NRW *master plan* yang disediakan oleh SYABAS. 7.3 ialah jawatankuasa mendapati bahawa sebab projek Langat 2 Fasa 1 Tahap 1 tidak akan siap 2017 pembinaan loji rawatan air yang berskala lebih kecil adalah diperlukan. Ini telah diumumkan oleh Kerajaan Negeri. So saranan ini telah ditepati dan kita rasa ini memang satu yang proaktif dan ini memang diperlukan oleh rakyat Selangor mengikut angka-angka yang kita dapat. Yang kedua adalah walaupun kita ada berskala kecil kita juga rasa bahawa kadar sasaran NRW yang sekarang kita ada yang dibuat oleh SYABAS iaitu menurunkan daripada 33 ke-25 dalam empat tahun perlulah lebih agresif sikit. Jawatankuasa menggesa Kerajaan Negeri untuk meletakkan sasaran pengurangan NRW baru ke paras 25% bukan pada tahun 2019 tetapi pada hujung 2017 supaya kita boleh mendapat lebih rizab margin dan kita bekalan air kita boleh lebih selesa dan kalau ada paip bocor kita dapat memulihkan bekalan air dengan cepat. Dan saranan yang terakhir ialah jawatankuasa menitik berat tentang *progress* projek Langat 2 dan kita mencadangkan Kerajaan Negeri untuk menujuhkan satu kumpulan kerja khas (*task force*) untuk memantau kerja-kerja projek Langat 2. Ia adalah untuk bertujuan untuk mempertemukan semua agensi Kerajaan Negeri dan persekutuan supaya projek Langat 2 siap mengikut jadual yang ditetapkan. Sekian sahaja saya memohon untuk diluluskan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Penyokong.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Tuan Speaker saya menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Saya buka untuk perbahasan. Jika ada. Tidak ada. Saya buka untuk penjelasan pihak kerajaan jika ada.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB** : Tuan Speaker, terima kasih kepada Damansara Utama yang telah membentangkan penyata jawatankuasa pilihan khas mengenai pengurusan sumber air Selangor atau dengan ringkas JPKSAS. Ada beberapa saranan yang saya kita telah pun dijawab dalam perbahasan sebelum daripada ini. Yang pertama saya terus merujuk kepada beberapa saranan sebagai respons awal. Antaranya adalah berkenaan dengan projek Mitigasi 2 yang telah pun dikhabarakan dalam dewan ini juga akan disiapkan pada Disember 2015 dan dua laluan genting yang dikhuatiri oleh Damansara Utama tadi telah pun dapat diselesaikan dengan Jabatan Hutan begitu juga yang berkaitan dengan tanah dan sebagainya. Yang kedua berkaitan dengan NRW saya kira dewan juga telah dimaklumkan hasil daripada maklumat-maklumat awal dan juga saranan daripada pihak SPAN NRW yang menjadi *target* awal Kerajaan Negeri Selangor melalui Air Selangor adalah akan diturunkan mencapai 25% pada tahun 2025. Walaupun saranan daripada JPKSAS adalah 2017 kita kena realistik dan itulah *target* awal dan sudah pasti selagi mana boleh untuk kita turunkan lebih banyak itu yang kita akan lakukan. Dan sebagaimana yang kita telah pun diterangkan oleh Bukit Antarabangsa sekarang masih lagi peringkat awal untuk kita mendapatkan segala fakta bagi kita mempercepatkan proses penurunan kadar NRW.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Bukit Gasing minta mencelah.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Cuma nak respons kepada kenyataan tadi daripada Yang Berhormat EXCO bahawa yang kita perlu lebih realistik. Pada pandangan saya isu ini adalah satu isu kritikal kalau kita lihat graf permintaan dan juga *supply* air terawat ini pun ada banyak bahagian yang agak kritikal terutama dalam dua tahun yang akan datang. Jadi satu langkah agresif perlu bukan satu langkah yang realistik yang kita pergi kepada satu *phase* yang biasa. Dia perlu agresif dan agresifnya perlu bersama dengan bajet yang bersesuaian supaya kita dapat mencapai sasaran yang dikehendaki. Agresif juga perlu dengan pelantikan pegawai yang mempunyai kemahiran kepakaran untuk mencapai sasaran yang dikehendaki. Jadi kalau Kerajaan Negeri hendak mencapai bukan dengan setakat ada harapan itu tidak cukup. Kena ada bajet, kena ada pegawai yang ada kepakaran supaya kita boleh mencapai sasaran tersebut.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Taman Templer.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Terima kasih dan saya juga sebenarnya bersetuju dengan Bukit Gasing cuma apa yang saya katakan tadi peringkat awal ini seperti mana saranan daripada pihak SPAN sendiri untuk mencapai 25% tahun 2025 itu adalah realistik dan saya mengambil semangat Bukit Gasing tadi untuk kita lebih agresif dan sudah pastilah dari sudut penetapan *valuenya* akan kita dapat setelah kita mendapat segala fakta-fakta dan sudah pasti bahawa *masterplan* SYABAS itu menjadi rujukan kita. Begitu juga dengan bajet dan sebagainya.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Damansara Utama.

**Y.B. PUAN YEO BEE YIN :** Saya minta Kerajaan Negeri supaya bincang dengan SYABAS supaya NRW *masterplan* ini boleh diagresifkan supaya sasaran adalah menepati. Apa yang saya dapati ialah adalah perbelanjaan NRW tidak boleh dikurangkan kerana perbelanjaan. Saya rasa kalau kita boleh menurunkan NRW 2 tahun sebelum 2017 itu memang adalah baik untuk kita sebab kita ada boleh kurangkan NRW *means* kita ada lebih *revenue* dari air kita.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Terima kasih kepada Damansara Utama dan saranan itu diambil dan sudah pasti kita berkongsi semangat yang sama untuk menurunkan kadar NRW dengan sebaik mungkin. Damansara Utama juga melalui penyata ini menyentuh berkenaan dengan Projek Langat 2 dan sudah pasti sehingga kini kita bekerja rapat dengan PAAB dan kita juga akan senantiasa *update monthly* dengan izin dalam Mesyuarat STANCO Infra terhadap *progress* Projek Langat 2 ini. Dan saya kira cadangan untuk mewujudkan satu *task force* itu adalah merupakan satu cadangan yang sangat baik untuk kita memantau secara dekat dan seperti mana yang saya sebutkan tadi sehingga saat ini kita juga mendapat makluman yang dari masa ke masa oleh PAAB berkenaan dengan status Projek Langat 2 dan sudah pasti kita mengharapkan agar Projek Langat 2 ini dapat disiapkan seperti mana yang telah pun di *schedule* kan. Dan kita mengharapkan juga ianya lebih awal dapat disempurnakan.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Kampung Tunku.

**Y.B. TUAN LAU WENG SAN :** Saya ingin bertanya kepada EXCO, apakah perancangan atau pun aktiviti yang telah pun ditetapkan pada bulan ini dan bulan depan berkenaan dengan isu N atau pun *bill* ini? Adakah Yang Berhormat akan berjumpa dengan wakil daripada PAAB atau pun Kementerian di Putrajaya? Dan sekiranya ada bilakah akannya berlaku dan apakah sasaran yang dijangka akan dicapai dalam masa sebulan dua ini?

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ini perkara baru ini, Kampung Tunku. Ada jawapan daripada Taman Templer?

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Terima kasih kepada Kampung Tunku. Seperti mana disebut oleh Tuan Speaker ia spesifik, dari sudut *progressnya* kita boleh dapatkan segera dan kita bekalkan ke Kampung Tunku. Apa yang saya boleh meyakinkan Ahli Dewan bahawa *progress* daripada masa ke masa itu akan dapat dipantau secara dekat oleh pihak Kerajaan Negeri. Dan kalau sekiranya adapun ke lawatan ....

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Tuan Timbalan Speaker.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ya, Rawang.

**Y.B. PUAN GAN PEI NEI :** Boleh mohon sikit penjelasan. Saya rasa sama juga dengan Kampung Tunku, maksudnya berapa kerap pertemuan antara pihak Kerajaan Negeri atau pun Yang Berhormat EXCO dengan PAAB? Dan saya nampak dalam Laporan Jawatankuasa, tiada satu Jawatankuasa Pemantau Air juga, jadi ini ada tak satu Jawatankuasa yang sama sebab saya rasa walaupun cadangan dalam usul, Jawatankuasa adalah wujudkan satu *task force*. Tapi kekhawiran saya kalau kita wujud terlalu banyak *task force* yang dia punya peranan *over lapping* dengan izin, dan banyak birokrasi diwujudkan tetapi dia tidak bantu untuk mempercepatkan sebaliknya melambatkan. Jadi apa mekanisme yang telah kita penstrukturkan semula, dia ada satu Jawatankuasa yang lebih menyeluruh yang boleh memantau semuanya.

**Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB :** Terima kasih Rawang. Dari sudut portfolio infrastruktur kita ada pertemuan secara bulanan di bawah STANCO. Walau bagaimanapun, di peringkat Kerajaan Negeri yang diwakili oleh pihak UPEN lebih kerap termasuklah untuk pengetahuan Ahli Dewan, petang ini, petang ini juga ada pertemuan dengan pihak SPAN dan juga pihak PAAB itu sendiri. Saya kira itu sedikit respons daripada kerajaan berkenaan dengan saranan Jawatankuasa dan sekali lagi pihak Kerajaan Negeri mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada pihak Jawatankuasa dan pihak Kerajaan Negeri akan mengambil maklum balas ini. Dan amat berterima kasih sekali lagi, sekian.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masa di hadapan Dewan ini ialah suatu Usul yang berbunyi Bahwasanya Menurut Peraturan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Selangor (*Special Sleek Communities On Water Resources Management of Selangor*) JPKSAS bagi Dewan Negeri Selangor berhubung Pengurusan Air Terawat Negeri Selangor (Kuantiti). Pengurangan NRW, Laporan Status Kemajuan Projek Legasi 2 dan Langat 2 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 82 Tahun 2015. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila katakan ya, yang tidak bersetuju sila kata tidak. Dipersetujui.

**PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN** : Usul No. 39 Tahun 2015. Usul di bawah Peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Selat Klang.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI** : Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut. Bahwasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan, JPPBT bagi Dewan Negeri Selangor berhubung masalah pemberian Perakuan Siap dan Pematuhan *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bil. 84 Tahun 2015.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jawatankuasa yang bermesyuarat pada 9 Julai 2015, telah bersetuju untuk mengadakan satu pendengaran tertutup berkenaan masalah pemberian Perakuan Siap dan Pematuhan CCC berikutan aduan yang dibuat oleh Encik Qualitaw Bee Hoon, Wong Bee Hoon, Pengerusi Jawatankuasa Sementara Penduduk Taman Ehsan Jaya Klang, mengenai Projek Pemajuan Rumah Teres 2 Tingkat Fasa 1A1 mengandungi 254 Unit Kediaman di atas Lot 833947 dan 83948 Mukim Klang, Pandamaran KS 5 Klang, Bandar Diraja Selangor. Jawatankuasa pada mesyuarat tersebut telah bersetuju supaya pengadu dan wakil daripada Majlis Perbandaran Klang hadir untuk memberikan keterangan. Penemuan daripada Jawatankuasa, saya yakin dan percaya Ahli-ahli Yang Berhormat telah membaca penyata ini jadi saya terus kepada penemuan. Jawatankuasa berpendapat bahawa pihak Majlis Perbandaran Klang (MPK) tidak menjalankan siasatan dan kajian yang menyeluruh sebelum memberi sokongan bagi Borang G17 di mana ia merupakan salah satu syarat utama yang perlu dipatuhi sebelum CCC dan dapat dikeluarkan oleh arkitek yang bertanggungjawab.

Jawatankuasa mendapati bahawa pihak MPK telah cuai semasa pemeriksaan infrastruktur ketika lawatan tapak bersama yang dijalankan pada 10 Oktober 2015. Di mana masalah *crossing* paip dalam sistem perparitan tidak dimaklumkan dan dilaporkan menyebabkan sokongan bagi Borang G17 tetap diberikan tanpa perlu mengatasi masalah tersebut. Jawatankuasa mendapati bahawa Ketua Jabatan terlibat tidak mengambil sebarang tindakan kepada kakitangan yang telah cuai melaksanakan tugas beliau ketika membuat lawatan tapak bersama walaupun pihak MPK sudah mengambil maklum berkenaan hal ini. Jawatankuasa juga mendapati bahawa tiada tindakan yang lebih keras dan konkrit diambil terhadap pemaju dan juga para perunding mereka apabila CCC dikeluarkan sebelum kerja-kerja pembaikan yang diarahkan melalui surat-surat MPK kepada perunding-perunding berkenaan belum disiapkan sepenuhnya. Jadi saranan Jawatankuasa, PBT perlu memeriksa dan meneliti secara terperinci dan memastikan pemaju mematuhi kesemua pelan pembangunan, syarat-syarat yang dikenakan dan piawaian pembangunan dan pembinaan yang telah ditetapkan sebelum memberi sokongan

kepada Borang G1 hingga G21 yang berkenaan supaya kediaman atau kawasan pembangunan itu selamat dan selesa untuk didiami.

Selain itu, mutu kerja pembinaan yang rendah dalam pembinaan kemudahan infrastruktur perlu diberi perhatian serius kerana ia akan diserahkan kepada PBT. Jawatankuasa berpendapat bahawa pihak PBT tidak wajar menanggung kos-kos pembaikan ini yang berlaku atas kesilapan pemaju dan kecuaian PBT sendiri. Ketua Jabatan atau pengurusan tertinggi mana-mana PBT perlu mengambil tindakan disiplin yang sesuai dan selaras dengan peruntukan perundangan dan tatacara sedia ada terhadap mana-mana pegawai yang didapati cuai di dalam melaksanakan tugas mereka dengan kadar segera supaya imej penjawat awam secara keseluruhannya tidak tercalar. Merujuk kepada penemuan Jawatankuasa di perenggan 4.3, Jawatankuasa menyarankan supaya pihak MPK merujuk kakitangan terlibat ke Lembaga Tatatertib MPK supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil. Terakhir, PBT-PBT perlu menjadi lebih proaktif dalam melaporkan sebarang ketidakpatuhan dan kegagalan pemaju dan juga perunding-perunding yang terlibat yang berkait di dalam melaksanakan tanggungjawab mereka terhadap pembeli kepada KPKT dan juga badan-badan profesional yang terlibat.

Merujuk kepada penemuan Jawatankuasa di perenggan 4.424, Jawatankuasa menyarankan supaya MPK melaporkan kegagalan pihak Arkitek ke Lembaga Tatatertib Persatuan Arkitek Malaysia (PAM) dan juga pihak Jurutera ke Lembaga Tatatertib *Board of Engineers* (BEM) selaras dengan akta profesional masing-masing. Makin berat tetapi inilah yang Jawatankuasa dapati dan ia kita harap PBT-PBT semua PBT, 12 PBT di Negeri Selangor ini boleh mengelakkan masalah yang telah dihadapi oleh pembeli-pembeli projek yang sedang dilanda masalah sebegini. Jadi saya bagi pihak Jawatankuasa membentangkan untuk penerimaan usul ini, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Penyokong.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE :** Tuan Timbalan Speaker, saya menyokong.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, telah pun disokong Usul ini, saya buka untuk perbahasan. Kota Anggerik.

**Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI :** Tuan Speaker, saya turut terpanggil untuk membincangkan kes-kes CCC ini di bawah Jawatankuasa tadi. Ini bukan kali pertama CCC yang saya rasa bukan kesilapan di mana perunding-perunding yang dilantik ini bagi saya tidak bertanggungjawab. Para pegawai projek-projek yang terbengkalai yang diberi kelulusan tetapi kualitinya sangat rendah. Dan saya mencadangkan supaya Kerajaan Negeri kalau boleh keluar dari posisi dan supaya kawalan dibuat oleh PBT sendiri. Sebab CCC ini di luar daripada kawalan PBT, tujuannya untuk memudahkan kelulusan bangunan tetapi oleh sebab banyak

kecuaian, apakah mungkin pihak kerajaan sendiri, PBT sendiri yang membuat semakan untuk kelulusan *Certificate of Complicate Compliance* ini, itu pandangan saya terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Ya, Pandamaran.

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Yang terutamanya saya ingin menjelaskan bahawa walaupun projek ini berada dikatakan dalam Pandamaran tapi dia sebenarnya bukan dalam kawasan Pandamaran, ia di kawasan Pelabuhan Klang N46. Tapi dekat dengan kawasan saya jadi, wajiblah untuk saya memberi sedikit pandangan. Saya baru saja membaca laporan ini sebenarnya, saya ingin memberi sedikit pandangan saya. Saya mendapati ada satu kekurangan yang penting dalam laporan ini iaitu dia tidak saya rasa, Ahli-ahli Jawatankuasa ini seharusnya dinasihatkan oleh Pegawai Undang-undang tentang skop dan tanggungjawab PBT apabila untuk mengeluarkan surat sokongan. Saya melihat laporan ini menyatakan bahawa ia membawa maksud bahawa PBT ada tanggungjawab untuk memastikan kualiti projek tersebut. Apabila pembuat siasatan dan sebelum mengeluarkan surat sokongan. Tetapi saya berpendapat bahawa itulah bukan tanggungjawab PBT, tanggungjawab PBT apabila mengeluarkan surat sokongan atau untuk memastikan pembinaan adalah sama dengan pelan yang telah dimaksudkan. Itu sebab CCC bukan dikeluarkan oleh PBT, CCC adalah dikeluarkan oleh Arkitek, arkitek adalah seharusnya memastikan kesemuanya kualiti daripada segi, daripada segi kualiti dan bukti-bukti telah mematuhi standard yang tertentu. Jadi ada undang-undang yang tertentu boleh diambil oleh pembeli-pembeli rumah terhadap pemaju dan juga profesional-profesional yang terlibat terutamanya arkitek dan juga sebenarnya jurutera yang terlibat. Jadi atas alasan tersebut, saya ingin memberi sedikit pendapat tentang saranan yang telah dibuat yang pertama, 5.15 di muka surat 8, yang menyatakan bahawa agak betul untuk bahagian pertama untuk menyatakan bahawa PBT perlu memeriksa dan meneliti secara terperinci dan memastikan pemaju mematuhi ke semua pelan pembangunan, ini betul. Syarat-syarat yang dikenakan dan piawaian bangunan pembangunan dan pembinaan yang telah ditetapkan sebelum memberi sokongan ini betul. Tetapi yang pada akhirnya menyatakan supaya kediaman atau kawasan pembangunan itu selamat dan selesa untuk didiami, saya rasa itu tidak apa dikatakan dia tidak menyokong bahagian pertama kerana untuk memastikan pembinaan itu mematuhi pelan tidak berkaitan dengan sama ada bangunan itu selamat atau pun dikatakan selesa untuk didiami, jadi itu dua perkara. Yang berkenaan dengan saranan yang kedua, 5.2 yang menyatakan bahawa infrastruktur perlu diberi perhatian serius ini juga nampaknya dinyatakan dari segi kualiti tetapi saya telah menjelaskan bahawa sebenarnya infrastruktur yang dinyatakan hanya terhad kepada pelan *master plan* yang telah dimasukkan sama ada dia sama atau pun tidak kalau tidak, surat sokongan tidak harus dikeluarkan itu saja saya rasa dihadkan ke skop itu.

Yang 5.3, cadangan mengambil tindakan disiplin terhadap pegawai-pegawai yang tertentu saya rasa dan tuduhan cuai telah dinyatakan dalam laporan tersebut tetapi saya rasa tidak semestinya ada kecuaian berlaku dalam keadaan ini kerana pegawai-pegawai dia perlu saya rasa mereka memang tahu apa yang perlu disemak dan mereka menjalankan kerjanya mengikut apa yang telah diarahkan. Tetapi kalau menyatakan kecuaian maksudnya kerjanya dia tahu perlu melaksanakan kerja tersebut tetapi dia tak buat kerja itu, jadi itu perlu disiasat juga dalam saya rasa apabila menyediakan laporan ini tetapi saya tidak nampak di mana-mana bahagian dalam laporan ini yang telah memanggil atau pun menyiasat ke dalam bahagian itu dan memanggil dokumen-dokumen yang berkaitan dikemukakan kepada jawatankuasa ini. Jadi dan yang keempat, ok ringkasan saya sebenarnya tanggungjawab untuk memastikan satu projek perumahan disempurnakan dengan baik adalah tanggungjawab Kerajaan Persekutuan di bawah Kementerian dalam Kerajaan Persekutuan, jadi mereka memberi lesen kepada pemaju ada syarat-syaratnya dan mereka adalah pihak yang bertanggungjawab tetapi juga ada undang-undang sivil yang membolehkan pembeli-pembeli yang tidak puas hati dengan rumah yang telah dibeli untuk mengambil tindakan. Jadi kalau dalam proses dalam keadaan itu kalau mendapati memang ada kecuaian daripada pihak PBT, pembeli juga boleh mengambil tindakan sivil terhadap PBT yang tertentu. Jadi pembeli yang perlu membuat kajian sebelum dia membuat keputusan untuk membeli satu rumah bukan dia tutup mata beli ada masalah cari siapa yang salah, salahkan PBT salahkan Kerajaan Negeri bukan, mereka perlu kaji sama ada pemaju itu adalah pemaju yang baik ada nama yang baik dan ada profil yang baik jadi sebelum mereka buat keputusan kerana terdapat terlalu ramai pemaju-pemaju yang baru tak pernah didengar mereka tiba-tiba wujud untuk memajukan satu projek dan memberikan imej-imej yang sangat cantik atau pun dengan harga yang sangat-sangat munasabah, orang pergi saja bagi satu contoh *D'Fathersun*, Kepong bukan di Selangor. Walaupun dia telah gagal satu projek di sebelah dia bangunkan satu, dia cadangan untuk bangunkan satu projek yang baru di sebelah dibenarkan dapat lesen dan keluarkan imej-imej yang cantik semua pergi beli lepas itu terbengkalai. Itulah masalah sikap pembeli juga perlu saya rasa perlu dipertingkatkan untuk membuat keputusan dengan bijaksana jangan ikut saja apa imej, apa harga dan sebagainya dan kalau ada masalah salahkan Kerajaan Negeri, salahkan PBT jadi itulah pandangan kepada laporan ini. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Saya nak persilakan, Batu Tiga.

**Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL :** Terima kasih, saya hanya hendak menyentuh tentang saranan jawatankuasa isu yang berkaitan isu 5.1 iaitu supaya PBT perlu memeriksa secara teliti dan terperinci untuk masukkan pemaju-pemaju kesemua menepati pelan pembangunan apa yang kita dapati sekarang apa yang dilaksanakan oleh PBT sebenarnya hanya memeriksa dokumen. PBT dapat dokumen dia *compare* dengan apa yang konsultan bagi dia *compare* apa ikut spesifikasi yang disarankan tetapi PBT tidak turun ke padang untuk menyiasat

selebih terperinci apakah ia mengikut pelan-pelan cadangan dan sebagainya. Jadi saya mengharapkan isu-isu ini nanti ditambah atau pun diberikan satu tumpuan kerana bagi saya akhirnya masyarakat akan lihat atau pun akan pergi kepada PBT untuk menyuarakan masalah yang dihadapi. Apa yang saya bawa ini sekarang ini sedang saya hadapi di Batu Tiga sendiri di Seksyen 23 di mana kawasan perumahan yang tidak sampai lima tahun sekarang ini berlakunya mendapan tanah mendap. Akhirnya kita lihat ke semua dokumentasi dan sebab semua dokumentasi semua betul tetapi bila kita panggil pihak ketiga untuk buat siasatan rupa-rupanya dilihat di sudut kualiti pembinaan itu BRC tak ada, jadi orang kata dia punya tapak yang tidak dibuat dengan baik tidak letakkan cerucuk yang sempurna dan sebagainya, akhirnya benda itu *failed*. Jadi apa yang saya nak sarankan di sini supaya pihak PBT dan juga pihak PBT sendiri mengambil langkah yang lebih proaktif atau pun menambah di mana-mana klausa di dalam perkhidmatan mereka adalah supaya kita lihat bukan sekadar *document to document* kita kena melihat dokumen dan *check* di bawah dahulu sebelum kita, memberikan satu sokongan bahawa benar bangunan yang dibina itu menepati semua fakta-fakta semua perkara-perkara yang telah dinyatakan oleh pihak yang ingin mengeluarkan CCC ini. Jadi itu sahaja saranan daripada saya, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Balakong.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, saya hanya ingin respons terhadap apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Pandamaran sebagai seorang Ahli Jawatankuasa JPBDT, saya bersetuju bahawa tanggungjawab PBT adalah hanya memastikan rumah-rumah atau termasuk dengan infrastruktur yang telah dibina oleh pemaju selari dengan pelan yang telah diluluskan tetapi sekiranya kita merujuk kepada penyata yang telah disediakan, saya berharap Yang Berhormat boleh merujuk kepada gambar-gambar yang dilampirkan dan ia jelas menunjukkan kemudahan-kemudahan yang disediakan tidak selaras dengan pelan-pelan yang telah diluluskan. Dan pihak jawatankuasa PBT ini bukannya menuduh membuat apa-apa pertuduhan dengan sesuka hati tanpa siasatan yang teliti. Kami telah dapati bahawa memang pegawai kakitangan MPKj yang membuat lawatan tapak cuai kerana mungkin gambar tersebut tidak dimasukkan ke dalam penyata ini. Ada satu gambar yang jelas menunjukkan bahawa sebatang paip yang besar telah dibina merentasi longkang yang sedia ada di dalam projek tersebut. Jadi saya rasa itu adalah pendirian Jawatankuasa PBT, gambar tersebut ada di muka surat 4, gambar yang sebelah bawah itu. Saya rasa jelas kita boleh nampak paip yang merentasi longkang itu dan ini nyata menunjukkan bahawa kakitangan PBT cuai semasa membuat lawatan tapak. Itu saja, sekian terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER :** Sebelum saya beri pada pihak kerajaan, saya beri peluang kepada pihak pembawa usul jika ada penggulungan, silakan.

**Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI** : Terima kasih kepada semua yang telah berbahas. Apa yang telah disebutkan oleh Balakong tadi, itulah sebenarnya dibincangkan di dalam Jawatankuasa dan memang kita bukan hanya hendak menuduh Majlis Perbandaran Klang atau mana-mana PBT tetapi kita mahu supaya apa yang telah dilalui oleh pembeli ini tidak akan berlaku lagi. Dan memang kita faham bahawa PBT ada dia punya skop kerjanya, yang kita hendak tekankan di sini dalam penyata ini apa yang disebutkan oleh Batu Tiga tadi. Di mana mereka kena turun padang melihat keadaan yang sebenarnya sama ada yang di dalam dokumen, di dalam pelan, dalam cadangan *proposal* mereka itu benar-benar berlaku di atas padang. Jadi ini yang kita mahu supaya kerajaan menekankan supaya PBT tidak melakukan kesilapan ini lagi di masa depan, terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Pihak kerajaan, Seri Kembangan.

**Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH** : Tuan Timbalan Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa kerana telah membuat siasatan mengenai apa yang berlaku di Taman Ehsan dan secara umumnya Kerajaan Negeri kita menerima pandangan dan juga teguran daripada Yang Berhormat tadi dengan hati yang terbuka. Dan untuk makluman Yang Berhormat sekalian, saya hendak bagi sedikit ulasan tentang apa maklumat yang saya terima daripada MPK tentang isu ini. Satu adalah MPK telah memberi surat tunjur sebab kepada beberapa pegawai yang terlibat di dalam isu ini pada 3 Oktober dan tindakan akan diambil jikalau kita daripada siasatan *internal* MPK didapati bahawa pegawai memang cuai, tindakan tatatertib akan diambil ke atas mereka. Dan saya juga amat setuju tentang saranan 5.4 iaitu MPK untuk melaporkan insiden ini kepada Lembaga Profesional yang terlibat tentang kes ini. Itu saja Tuan Timbalan Speaker dan maklum balas secara *detail* akan dibentangkan kepada Dewan ini dalam sidang yang akan datang.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Ya, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat sekalian sebelum saya dapatkan sokongan ini iaitu jawapan yang *detail* dan penuh akan dikemukakan oleh pihak kerajaan secara *detail* dan akan dibentangkan dalam sidang akan datang. Tapi maklumat awal yang dikemukakan oleh kerajaan pada petang ini atau respons segera itu adalah maklumat awal yang memerlukan perhatian daripada Yang Berhormat sekalian, terutamanya kepada pembawa usul ini. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, adapun masalah di hadapan Dewan ini ialah satu usul yang berbunyi Bahawasanya menurut Peruntukan 76(5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor. Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan mengenai Pihak Berkua Tempatan (JPBT) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung masalah pemberian Perakuan Siap dan Pematuhan *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 84 Tahun 2015. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata ya, yang tidak bersetuju, sila kata tidak. Dipersetujui.

**PENOLONG SETIAUSAHA DEWAN** : Usul No. 40 Tahun 2015. Usul di bawah Peraturan-peraturan Tetap 76(5) oleh Yang Berhormat Balakong.

**Y.B. TUAN NG TIEN CHEE** : Terima kasih Tuan Timbalan Speaker dan Ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut. Bahwasanya menurut Peraturan 76(5), Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor, Dewan yang mulia ini menerima Penyata Jawatankuasa Pilihan Mengenai Pihak Berkuasa Tempatan (JPBT) bagi Dewan Negeri Selangor berhubung isu pengambilalihan Pengurusan Sisa Pepejal oleh Kerajaan Negeri yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini sebagai Kertas Mesyuarat Bilangan 85 Tahun 2015.

Tuan Timbalan Speaker, berikutan pengambilalihan perkhidmatan sisa pepejal daripada Alam Flora Sdn Bhd pada 2012, kita nampak pengurusan sisa pepejal memang belum mencapai tahap yang memuaskan. Maka saya dan Jawatankuasa bersetuju dengan cadangan pelantikan *Special Purpose Vical* (SPV) untuk memantapkan lagi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam di dalam Negeri Selangor dengan membahagikan kawasan negeri Selangor kepada beberapa DUN dan melantik kontraktor masing-masing. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa menegaskan bahawa lantikan kontraktor-kontraktor tersebut wajib dijalankan secara tender terbuka dan harus terbuka kepada semua yang berkelayakan. Jadi saya tidak akan masuk, tidak akan baca satu persatu kerana saya rasa YB kalian dah membaca penyata ini. Saya hanya akan menambah sedikit saranan yang telah diberikan iaitu spesifikasi yang sama harus diguna pakai di seluruh negeri dan lebihan *charge* perkhidmatan sekiranya ada, harus dibayai oleh Kerajaan Negeri kerana memandangkan banyak PBT yang tidak mampu untuk membayar cas perkhidmatan yang tinggi. Dan akhir sekali saya ingin menyarankan juga satu sistem pemantauan yang lebih berkesan harus disediakan dan diguna pakai oleh keseluruhan PBT- PBT di negeri Selangor kerana ia akan menentukan kejayaan ataupun kegagalan pengurusan sisa pepejal oleh Kerajaan Negeri kelak. Sekian saya mohon mencadang.

**TUAN SPEAKER** : Penyokong.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Tuan Speaker, saya menyokong.

**TUAN SPEAKER** : YB Sekalian, usul telah disokong. Saya buka untuk pembahasan. Bukit Gasing.

**Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN** : Terima kasih Tuan Speaker. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan untuk penyata ini di mana Jawatankuasa kami JP-PBT ambil berat tentang isu pembersihan awam dan juga kutipan sampah dan kami telah ada 7 saranan yang kami bawa dalam penyata ini.

Saranan 4 dan 5 tadi rakan dari Balakong telah menyentuh, biar saya fokus lebih kepada saranan pertama dan ketiga. Saran pertama kami ialah satu isu yang saya rasa boleh menjadi isu besar. Kerajaan Negeri belum lagi memutuskan untuk melantik SPV yang sebelum ini kita dengar dan perkara ini telah kami dapat laporan terkini daripada pihak EXCO dalam pendengaran tertutup dan apa yang saya rasa amat penting ialah *pay master*, dengan izin untuk mana-mana kontraktor pembersihan awam ataupun kutipan sampah haruslah pihak yang sama dengan pihak yang bertanggungjawab untuk menyelia kontraktor tersebut. Apa yang kami risau ialah jika Kerajaan Negeri terus melantik kontraktor sendiri, melalui MBI, atau pun *clean Selangor* atau mana-mana pihak lain. Kontraktor tersebut tidak akan *responsive* kepada pihak PBT kerana pihak PBT tidak lagi, tidak lagi menjadi *pay master* kepada kontraktor tersebut. Kontraktor tidak kisah, zon yang besar atau zon yang kecil, secara prinsipnya akan lebih *responsive* kepada pihak yang membayar gaji nya. Atau pun membayar untuk perkhidmatan dia. Jadi apabila Kerajaan Negeri membuat satu keputusan, jika nak *maintain* di bawah PBT ataupun nak *maintain* di bawah Kerajaan Negeri, kami rasa adalah sangat penting bahawa keputusan itu menyeluruh di mana jika Kerajaan Negeri mengambil alih, untuk melantik kontraktor, Kerajaan Negerilah yang kena meletakkan dirinya untuk menerima aduan daripada rakyat, untuk meletakkan pegawai untuk menyelia kontraktor-kontraktor ini dan untuk memberi amaran di mana perlu kepada kontraktor dan untuk membuat kerja-kerja penamatan jika perlu dan jika tugas-tugas untuk menyelia kontraktor untuk menerima rakyat tu masih lagi di tangan PBT dan seharusnya PBT yang melantik kontraktor tersebut. Seharusnya PBT yang diberi kuasa untuk menentukan sama ada kontraktor ini patut diberi amaran, patut dipotong pembayarannya jika tidak menepati KPI nya ataupun paling drastik jika perlu PBT boleh menamatkan perkhidmatan kontraktor ini. Dan inilah di bawah saranan tiga kami lebih selesa jika PBT masih lagi memegang posisi tersebut PBTlah yang melantik, PBT yang boleh menyelia dan PBT diberi kuasa untuk memberi apa-apa *punishment* dengan izin terhadap kontraktor ini jika kontraktor ini tidak menepati KPI dan juga penting ialah beberapa perkara yang diperlukan untuk menambah baik pelantikan seperti KPI yang seragam di seluruh negeri. Jadi kita tidak nak PBT yang kata disebabkan oleh kekangan kewangan hal ini menurunkan prestasi yang kami minta dari kontraktor. Apa-apa spesifikasi minimum yang kami tetapkan di peringkat negeri Kerajaan Negeri patut membantu dari segi kewangan jika PBT tidak mempunyai posisi kewangan untuk menampung kewangan pada tahap tersebut. Itu yang pertama yang kedua juga dalam saranan dua ialah *performance bond*. Kontraktor-kontraktor yang tidak ada *performance bond* seperti kontraktor-kontraktor pembersihan awam yang kecil-kecil hari ini dia tidak ada *performance bond* apabila dia dilantik dalam proses tender terbuka dia mungkin tidak serius. Dia meletakkan harga yang sangat rendah yang tidak munasabah. Apabila penyelia telah menangkap dia dan terdapat banyak aduan dan PBT terpaksa potong dia PBT menamatkan perkhidmatan dia tak ada penalti kewangan yang berat ke atas kontraktor tersebut. Jadi penender-penender ini, kontraktor-kontraktor yang masuk tender ini dia tak serius untuk memberi perkhidmatan dia tidak meletakkan harga yang munasabah kerana

*performance bond* ini tiada. Jadi untuk sistem yang baru sama ada Kerajaan Negeri yang melantik atau PBT yang melantik amat penting bahawa *performance bond* yang munasabah di sini kami cadangkan tiga bulan tapi apa-apa kadar yang difikirkan sesuai satu kadar yang munasabah mesti diletakkan supaya penalti kepada kontraktor yang tidak melakukan kerja mengikut spesifikasi ini cukup berat dan ini akan menyebabkan sesiapa yang mengisi borang tender di peringkat awal sekali hanya pihaknya serius akan membuat demikian. Sekian terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER : Hulu Kelang.**

**Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB :** Tuan Timbalan Speaker, terima kasih. Saya menyokong penyata ini dengan menekankan tiga perkara dalam saranan jawatankuasa iaitu 5.1, 5.4 dan 5.5. di mana dalam sebagai asas kepada pendekatan pembaharuan adalah menekankan bahawa tentang perihal pentingnya *pay master*. Sama ada Kerajaan Negeri ataupun PBT. Jadi dalam ungkapan itu dinyatakan antara tugas paling utama yang perlu dilakukan oleh *pay master* adalah tentang pemantauan. Di mana pemantauan ini dinyatakan menerima aduan daripada penduduk dan wakil rakyat dan jika perlu menamatkan kontraktor tersebut jadi ini yang kita nak kan pembaharuan. *Pay master* mesti ada kapabiliti untuk memantau. Pemantauan yang paling baik adalah pemantauan yang dilakukan secara proaktif. Proaktif dalam konteks menyediakan cukup kakitangan, pakar, penasihat yang *go on the ground*. Cara sistematik, cara teratur. Agar budaya kita membuat perubahan ataupun PBT mengambil tindakan di atas dasar aduan semata-mata. Aduan penting. Penglibatan rakyat itu penting. Tapi kalau *pay master* itu sudah merangka dengan baik proses pemantauan menyediakan cukup orang, tidak bergantung pada setengah PBT hari ini masih bergantung pada kontraktor punya *supervisor*. Dialah yang patut *supervise* dia punya kontraktor. Dia juga yang memberi maklumat kerja yang sudah selesai di kawasan-kawasan tertentu di zon tertentu kepada PBT. Ini tidak proaktif. Saya ingin menekankan peranan wakil rakyat dari masa ke semasa akan berkurangan. Wakil rakyat ini adalah *legislator* kita mesti tukar imej dari *legislator* dari dapat aduan tentang sampah, longkang dan sebagainya kepada tahap yang lebih tinggi. Jadi peranan *legislator* khususnya sebagaimana yang dicadangkan dalam penyata ini adalah memastikan *paymaster* menyediakan sistem yang mantap yang proaktif dalam memantau prestasi kontraktor.

Dan perkara kedua adalah *point 5.4*, pihak UPEN perlu menyediakan satu spesifikasi minimum. Bagi saya yang lebih mengisikan pengertian spesifikasi minimum ini adalah *best practices*, amalan yang terbaik yang dilakukan oleh PBT yang sudah dari semasa ke semasa dengan standard pembiayaan penstandardan yang telah distandardkan akan mewujudkan satu amalan yang baik untuk dikongsi. Jadi spesifikasi minimum hendaklah kita fahamkan sebagai *the best practices* yang mula-mula kita lihat dalam konteks Selangor kemudian kita lihat dalam Malaysia dan negara-negara yang maju yang kesudahannya *disparity* dengan izin tahap

perbezaan keupayaan, kebolehan, kompetensi kepada satu PBT dengan PBT yang lain berkurangan. Jadi UPEN perlu memainkan peranannya *cross board* secara menyeluruh. UPEN bukan hanya menyelaras satu perspektif kerja tapi perlu melihat dalam perspektif yang lebih luas dengan itu pengurusan sisa pepejal di Selangor akan menjadi konsisten. Itu membawa kepada point 5.5 jadi kita mesti bekerja sebagai pasukan. Kalau kita lihat dalam bajet keseluruhan mengendalikan khidmat dan kualiti untuk rakyat kita ada pada bajet yang setinggi 2.8 bilion di peringkat Kerajaan Negeri. Tapi kalau kita kumpulkan, kita campurkan khidmat yang diberikan oleh kerajaan sebagai PBT mungkin 2 bilion, mungkin 3 bilion atau mungkin lebih. Jadi kita perlu melihat perspektif khidmat yang diberikan oleh Kerajaan Negeri melalui bajet oleh Kerajaan Negeri dan bagaimana kita nak lonjakkan *synergize* untuk mensinergikan khidmat-khidmat khususnya dalam konteks pelupusan sisa pepejal dan pelupusan sampah ini ke tahap yang dilihat PBT itu bekerjasama. *Accounting* itu jelas tapi melihat agar tidak ada *disparity* perbezaan keupayaan daripada satu PBT dengan PBT yang lain. Dengan itu saya menyokong agar penyata ini diterima. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER : Pandamaran.**

**Y.B. TUAN TAN POK SHYONG :** Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya ingin menambah sedikit. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Bukit Gasing bahawa kedua-dua kontraktor seharusnya digabungkan iaitu kontraktor untuk kutipan dan kontraktor untuk pembersihan. Tak ada keperluan untuk mereka diasangkan maka mereka menolak kerja ke satu-satu yang lain. Tapi saya ingin menyatakan bahawa masalah kita apa-apa cara yang boleh mengatasi masalah itu dialu-alukan tetapi kita mesti faham apakah masalah yang dihadapi mengakibatkan isu pembersihan di negeri Selangor tidak dapat diselesaikan. Jadi untuk saya, saya rasa dalam pengalaman saya kontraktor tidak dapat melaksanakan kerja mereka. Kenapa?. Kerana tidak ada orang jaga. Dalam PBT seharusnya ada pegawai pemantau untuk menjaga prestasi semua kontraktor tetapi mereka tidak melaksanakan kerja. Saya berikan satu contoh dalam satu mesyuarat dalam MPK apabila semua pemantauan dipanggil oleh Pengarah JPP dan ditanya apakah skop kerja dan tanggungjawab mereka tidak dapat jawab. Mereka tidak tahu apa kerja yang seharusnya dilaksanakan. Jadi mereka tidak jaga. Jadi kontraktor tidak buat kerja. Itu sahaja. Jadi saya rasa itulah perlu diperkuatkan dipertingkatkan maka mereka dapat menjaga dan memberi pemantauan yang baik jadi sesiapa kontraktor yang tidak dapat melaksanakan kerja dapat dihukum. Satu lagi perkaranya, sistem pemberian markah di PBT itu tidak saya rasa tidak baik. Dia diberi 100% kepada semua. Sekiranya MPC dikeluarkan mereka tolak markah. Jadi dari keadaan itu kalau MPC atas apa-apa sebab pun ada kontraktor yang dapat markah yang sangat tinggi seperti 99%, 98% dan sebagainya tetapi kalau turun tengok memang tidak wajar untuk diberikan markah tersebut. Jadi sistem memberi markah itu pun ada masalah. Jadi berkenaan dengan KPI yang dinyatakan dalam laporan, saya rasa dalam keadaan pemberian kontrak pembersihan KPI itu bermaksud terma-terma

kontrak kerana kontraktor dilantik melalui kontrak jadi ada terma-terma kontrak yang harus dipatuhi oleh kontraktor yang telah dilantik. Sekiranya mereka gagal melaksanakan kerja dia boleh dibawa ke mahkamah. Saya rasa ini pegawai undang-undang dari setiap PBT boleh menasihatkan PBT masing-masing supaya mengkaji semula. Saya tidak dapat baca perjanjian kerana saya tidak dibenarkan. Saya tak ada pernah minta tapi saya rasa kalau mereka gagal mematuhi terma itu tindakan undang-undang boleh diambil terhadap kontraktor bukan sahaja menamatkan mereka tetapi menuntut kerugian yang dialami oleh pihak PBT. Jadi itulah saya cadangkan untuk dilihat ke dalam dan yang pada akhirnya menyenaraihitamkan, saya rasa sistem itu sebenarnya dilaksanakan di peringkat PBT. Ada kontraktor yang telah ditamatkan mereka dapat lagi kontrak dalam PBT yang sama tapi di zon yang lain. Ataupun mereka gunakan nama yang lain tetapi pemilik yang sama. Jadi itulah perkara yang sentiasa berlaku terutamanya di Majlis Perbandaran Klang. Jadi saya cadangkan supaya ini dilihat secara serius oleh Yang Berhormat EXCO untuk mengatasi masalah tersebut. Terima kasih.

**TUAN TIMBALAN SPEAKER** : Terima kasih. Yang Berhormat sekalian, jam menunjukkan jam 4.30 petang. Dengan ini saya menangguhkan dewan sehingga esok. Jumaat, 13 November 2015 Jam 9.30 pagi. Saya ulangi 9.30 pagi. Dewan ditangguhkan.

**( Dewan ditangguhkan jam 4.30 petang**

